



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

Bil.18

Khamis

22 Jun 2023

K A N D U N G A N

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN	(Halaman	1)
RANG UNDANG-UNDANG:		
Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023	(Halaman	36)
Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Pindaan) 2023	(Halaman	66)
Rang Undang-undang Fi (Jabatan Penyiaran Malaysia) (Pengesahan) 2023	(Halaman	86)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar (Dilantik)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Datuk Nur Jazlan Bin Tan Sri Mohamed (Dilantik)
3. “ Dato’ Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd Kadir [Menteri Luar Negeri]
4. “ Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] (Dilantik)
5. “ Puan Saraswathy A/P Kandasami [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Dilantik)
6. “ Tuan Ak Nan A/L Ehtook (Dilantik)
7. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
8. “ Datuk Paul Igai (Dilantik)
9. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
10. “ Datuk Razali Bin Idris (Dilantik)
11. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai (Dilantik)
12. “ Tuan Manolan Bin Mohamad (Dilantik)
13. “ Dato’ Dr. Nelson A/L Renganathan (Dilantik)
14. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi Bin Haji Che Salleh (Dilantik)
15. “ Datuk Dr. Azhar Bin Ahmad (Dilantik)
16. “ Dato’ Arman Azha Bin Abu Hanifah (Dilantik)
17. “ Dato’ Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu (Dilantik)
18. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)
19. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah (Dilantik)
20. “ Datin Ros Suryati Binti Alang (Dilantik)
21. “ Datuk Seri Hajah Zurainah Binti Musa (Dilantik)
22. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli (Dilantik)
23. “ Prof. Datuk Seri Dr. Awang Bin Sariyan (Dilantik)
24. “ Tuan Abun Sui Anyit (Dilantik)
25. “ Tuan Mohd Hasbie Bin Muda (Dilantik)
26. “ Dato’ Sivaraj A/L Chandran (Dilantik)
27. “ Tan Sri Dato’ Low Kian Chuan (Dilantik)
28. “ Puan Noorita Binti Sual (Dilantik)
29. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead (Dilantik)
30. “ Dato’ Haji Husain bin Awang (Terengganu)
31. “ Tuan Haji Husain Bin Ismail (Terengganu)

AHLI HADIR (samb/-)

- | | | |
|-----|----------------|---|
| 32. | Yang Berhormat | Tuan Haji Aziz bin Ariffin (Perlis) |
| 33. | “ | Tuan Seruandi Bin Saad (Perlis) |
| 34. | “ | Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan) |
| 35. | “ | Dato' Dr. Ahmad Azam Bin Hamzah (Negeri Sembilan) |
| 36. | “ | Datuk Lim Pay Hen (Johor) |
| 37. | “ | Dato' Haji Jefridin Bin Haji Atan (Johor) |
| 38. | “ | Tuan Sr. Haji Mohd Apandi Bin Mohamad (Kelantan) |
| 39. | “ | Dr. Hajah Wan Martina Binti Wan Yusoff (Kelantan) |
| 40. | “ | Datuk Seri Dr. Mujahid Bin Yusof (Perak) |
| 41. | “ | Tuan Haji Abdul Nasir Bin Haji Idris (Kedah) |
| 42. | “ | Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah) |
| 43. | “ | Dato' Ajis Bin Sitin (Pahang) |
| 44. | “ | Dato' Juhanis Binti Abd Aziz (Pahang) |
| 45. | “ | Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah) |
| 46. | “ | Puan Noraini Binti Idris (Sabah) |
| 47. | “ | Dato Dr. Nuing Jeluing (Sarawak) |
| 48. | “ | Dato' Ahmad Bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak) |
| 49. | “ | Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka) |
| 50. | “ | Dr. Lingeswaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang) |
| 51. | “ | Tuan Amir Bin Md Ghazali (Pulau Pinang) |
| 52. | “ | Tuan Isaiah A/L D. Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) |
| 53. | “ | Datuk Mohd Hisamudin Bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya) |

AHLI TIDAK HADIR

- | | | |
|----|----------------|--|
| 1. | Yang Berhormat | Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail [Menteri Dalam Negeri] |
| 2. | “ | Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] |

**TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar [Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
2. " Dato' Sri Ti Lian Ker (Dilantik)
3. " Tuan Ir. Md Nasir Bin Hashim (Dilantik)
4. " Dato' Shamsuddin Bin Haji Abd Ghaffar (Perak)
5. " Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman (Wilayah Persekutuan, Labuan)

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Dato Sri Alexander Nanta Linggi [Menteri Kerja Raya] (Kapit)
2. " Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad [Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim] (Setiawangsa)
3. " Tuan Steven Sim Chee Keong [Timbalan Menteri Kewangan II] (Bukit Mertajam)
4. " Datuk Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Timbalan Menteri Pengangkutan] (Limbang)
5. " Datuk Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Timbalan Menteri Pengangkutan] (Limbang)
6. " Dato Hajah Hanifah Hajar Taib [Timbalan Menteri Ekonomi] (Mukah)
7. " Dato' Haji Mohammad Yusof Bin Apdal [Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi] (Lahad Datu)
8. " Datuk Arthur Joseph Kurup [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] (Pensiangan)
9. " Puan Aiman Athirah Binti Sabu [Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Sepang)
10. " Dato' Sri Huang Tiong Sii [Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim] (Sarikei)
11. Tuan Khairul Firdaus Bin Akhbar Khan [Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya] (Batu Sapi)
12. " Puan Teo Nie Ching [Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital] (Kulai)
13. " Tuan Adam Adli Bin Abd Halim [Timbalan Menteri Belia dan Sukan] (Hang Tuah Jaya)
13. " Tuan Lukanisman Bin Awang Sauni [Timbalan Menteri Kesihatan] (Sibuti)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA
Khamis, 22 Jun 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi.

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. Tuan Haji Hussin bin Ismail minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menyatakan secara terperinci, berkenaan mekanisme kerajaan mengenai pelaksanaan stesen minyak tanpa subsidi serta mekanisme pengawalan minyak bersubsidi.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi, salam Malaysia Madani. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail atas soalan tersebut.

Saya kira ini merupakan satu soalan yang amat penting untuk kita sebagai Ahli-ahli Dewan yang mulia ini memahami dengan teliti masalah yang dipersoalkan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa pada tahun 2022, sejumlah RM91 bilion diperuntukkan untuk subsidi, keseluruhan subsidi. Daripada jumlah tersebut, lebih kurang satu pertiga iaitu lebih kurang RM30 bilion adalah untuk subsidi bahan bakar. Jadi banyak ya, lebih kurang RM30 bilion subsidi bahan bakar.

Jadi, bahan bakar ini pula mempengaruhi kos pengeluaran dan kos pengedaran. Jadi, ia mempengaruhi harga barang dan kos sara hidup. Jadi, amat relevan soalan ini. Satu lagi, kita ambil berat juga berkenaan dengan ketirisan berkaitan dengan minyak yang bersubsidi ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin kongsi kepada Dewan yang mulia ini garis masa berkenaan dengan dasar-dasar yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Sebelum Oktober 2011, kita tidak ada kawalan, Tuan Yang di-Pertua. Langsung tak ada kawalan. Selepas Oktober 2011, kita memperkenalkan sebuah dasar iaitu tidak boleh dibina stesen minyak yang baharu dalam jarak 25 kilometer dari sempadan.

Kita mengeluarkan arahan begitu selepas Oktober 2011. Akan tetapi, pada 17 Jun 2022, kita mengeluarkan arahan pengawal bekalan dan dengan arahan tersebut, pihak kerajaan mengeluarkan arahan bahawa dilarang jual petrol RON95 kepada semua kenderaan asing. Tadi kita tak bagi bina sahaja, sekarang kita arah tak boleh jual RON95 kepada semua kenderaan dengan plat asing. Kalau kenderaan yang menggunakan nombor plat asing, hanya boleh beli RON97. Kalau nak beli diesel, tidak boleh lebih daripada 20 liter. Ha, itu arahan pengawal bekalan.

Kemudian, kita juga pastikan tidak boleh menjual dengan menggunakan tong-tong dram, tong plastik kecuali mendapat kebenaran bertulis. Jadi, itu cara kita mengawal bekalan. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kalau bagi saya *explain* sikit lagi apa yang kerajaan pada hari ini buat iaitu kita liberalisasikan...

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Pada bulan Februari 2023- dahulu kita kawal, kawal, kawal. Sekarang kita *liberalize* dengan kita buat *pilot project* di Perlis, di dua buah tempat. Kita jual minyak tanpa subsidi. Kita jual minyak tanpa subsidi di dua buah stesen, satu di Wang Kelian dan satu di Padang Besar sebagai *pilot project*. Jadi kita dapati- ha, ini menarik ya sebab sebelum ini kita kawal, kawal, kawal tetapi sekarang ini kita jual.

Akan tetapi kita jual tanpa subsidi dan kita kata kenderaan dengan plat asing mesti beli di sini. Tak mungkin lah kita ada penguat kuasa kita 24 jam untuk kawal tetapi daripada dapatan yang kita ada, dalam dua bulan yang pertama kita dapati bahawa ada penurunan jualan minyak diesel di stesen yang bersubsidi dan juga minyak RON95 di stesen yang bersubsidi.

Jumlah penjimatannya ialah RM1.77 *million* minyak diesel bersubsidi, dan untuk RON95 sebanyak RM3.98 juta diselamatkan. Dalam pada masa yang sama juga, kita lihat bahawa di stesen minyak tanpa subsidi itu ada peningkatan jualan daripada segi diesel dan juga daripada segi RON95. Apakah maksudnya di sini? Maksudnya di sini, kenderaan dengan plat asing itu *regulate*. Mereka *self-regulatory*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kerana apa? Kerana harga bahan bakar di Thailand lebih mahal. Jadi, macam mana pun mereka datang dan beli di negara kita.

Jadi, ini dasar yang liberal tetapi ia sebenarnya menyelamatkan ketirisan. Ini kita nak kongsilah apa yang kerajaan buat. Pada masa yang sama, saya nak kongsi juga yang kita ada buat Ops Tiris. Sepanjang Ops Tiris dilaksanakan pada 1 Mac 2023 hingga 31 Mei 2023, kita telah melaksanakan 6,571 pemeriksaan, daripada 221 kes terdapat 118 kes serahan agensi, rampasan sebanyak RM2.48 juta liter dan nilai rampasan iaitu RM5.41 juta. Tangkapan sebanyak 198 kes. Jadi, itu semua mekanisme yang dijalankan oleh kerajaan pada hari ini untuk mengawal ketirisan daripada segi subsidi bahan bakar kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Untung rakyat Malaysia. Orang Thai kena beli minyak lebih mahal daripada kita walaupun kita ada subsidi. Soalan tambahan, Yang Berhormat?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1010

Apakah maksudnya minyak bersubsidi dan tidak bersubsidi? Tidak bersubsidi itu hanya di sempadan Thailand? Sekejap ada sedikit ambil nafas. Perlakuan jualan minyak bersubsidi dan tidak bersubsidi ini berlaku di pelbagai sempadan negara terutama di lautan. Macam mana kita hendak kontrol jualan minyak tidak bersubsidi ini selain daripada di sempadan Thailand mahupun di sempadan Indonesia apatah lagi yang di tengah lautan. Itu yang sangat serius yang saya nampak.

Keduanya, bila berlaku perkara ini hanya khusus untuk kereta plat luar sahaja. Stesen itu wujud atau pam itu wujud hanya untuk pemilik plat luar sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Terus kepada soalan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Itu tambahan penjelasan sahaja. Terima kasih...
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Itu sudah dua soalan... [Ketawa] Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin. Sebenarnya kita mengawal kesemua sempadan. Kita mengawal sempadan Perlis, Kedah, Kelantan, Perak dan Sarawak. Berkenaan dengan perairan pula ia di dalam kawasan kata-kata yang kalau nelayan dan sebagainya itu kita bekerjasama dengan agensi penguat kuasa yang lain untuk melaksanakan penguatkuasaan. Jadi bagi pihak KPDN apa yang dalam lingkungan kami, kami boleh kawal.

Berkenaan dengan soalan apa maksud subsidi dan tidak subsidi. RON97 tidak ada subsidi. RON95 ada subsidi, diesel ada subsidi, ini untuk kegunaan rakyat Malaysia. Kalau rakyat Malaysia hendak guna RON97 itu tidak ada subsidi, Yang Berhormat Senator. Jadi kalau ada subsidi ini kenderaan asing beli rugilah kita itu hak rakyat Malaysia, rakyat Malaysia yang bayar subsidi itu daripada pembayar cukai. Jadi takkan kita hendak benarkan plat kereta asing untuk membeli.

Akan tetapi saya hendak beritahulah Tuan Yang di-Pertua bahawa kadang-kadang mereka ini kreatif. Mereka guna kenderaan Malaysia, mereka membeli juga yang bersubsidi, mereka membawa keluar, dan jual di sana tetapi itu juga yang kita dapat tangkap. Kita dalam Ops Tiris kita itu kita hati-hati tentang perkara tersebut. Jadi maksudnya kita ambil berat berkenaan dengan subsidi ini kerana subsidi ini milik rakyat dan wang rakyat digunakan untuk

membayar subsidi itu daripada pembayar cukai. Jadi harus kita jaga betul-betul jangan bagi tiris dan sebagainya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Kiri, kanan.

Tuan Abun Sui Anyit: Kanan.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Dr. Dominic dahulu... [Ketawa]

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang petrol bersubsidi oleh pemandu negara jiran memang satu topik yang hangat dibicarakan. Baru-baru sahaja dua hari lepas, orang *Singaporean* datang ke Johor Bahru, dia isi petrol itu di tong dan bahawa memanglah keterlaluan dan bertindak ganas jika ditegur. So, mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan, apa tindakan yang pernah atau sedang diambil ke atas mereka yang disabit bersalah. Juga mohon kalau perlu secara bertulis jumlah sabitan yang telah dilakukan ke atas kenderaan asing bagi tahun ini. Terima kasih.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic. Memang betul kita punya kes yang begitu kerana yang minyak bersubsidi ini memang jauh lebih murah daripada minyak tidak bersubsidi. Kalau minyak tidak bersubsidi pun lebih murah daripada minyak di negara mereka.

Saya bagi contoh Thailand, kalau di Perlis ini kalau diesel di Thailand, RM4.76 satu liter, tidak subsidi kita RM2.95. Subsidi kita RM2.15 jadi masih berbaloi lagi mereka yang di negara kita, ambil risiko pula itu untuk menyeludup. Jadi berkenaan dengan tindakan-tindakan kes, saya ada tetapi panjang, saya akan beri secara bertulis. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Abun Sui Anyit: Boleh satu soalan saya, penting.

Timbalan Yang di-Pertua: Pandangan dari Sarawak ya.

Tuan Abun Sui Anyit: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, baik saya benarkan.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Minyak bersubsidi ini sangat penting bukan sahaja di sempadan tetapi juga ke pedalaman kerana saya percaya untuk penghantaran ke pedalaman ini mungkin menelan kos. Jadi, apa mekanisme kawalan yang dibuat oleh kerajaan untuk mengawal ketirisan di pedalaman kerana banyak kompelin ataupun aduan tentang ketidakcukupan bekalan minyak bersubsidi ini ke pedalaman. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini suatu soalan yang amat relevan dan memang sesuatu yang kami pun sedang tidak tidur malam-malam fikir berkenaan dengan ekonomi sempadan ini. Di Sarawak dan Sabah, kos bukan sahaja

daripada segi ketirisan, Yang Berhormat Senator Tuan Abun dia daripada segi *transport* juga sebab dia jauh ke pedalaman maka pengeluar-pengeluar minyak ini harus mengeluarkan kos yang tinggi untuk membawa minyak itu ke pedalaman.

Jadi sekarang ini, semalam pun Mesyuarat Kabinet membincangkan berkenaan dengan bagaimana kita boleh memberi insentif kepada *oil companies* supaya boleh membantu mereka mengawal harga minyak di pedalaman Sabah dan Sarawak. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Sekarang ini saya jemput Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ucap tahniah atas pelantikan, tidak sempat lagi baharu ini. Soalan saya nombor 2.

2. Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, jumlah statistik semasa penglibatan wanita bagi jawatan utama kerajaan dan juga selaku pembuat keputusan untuk sektor swasta serta apakah hala tuju baharu bagi merapatkan jurang gender dalam kerjaya utama.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hajah Raj Munni binti Sabu]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang bertanya.

Untuk makluman, sehingga bulan Disember 2022, statistik oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menunjukkan statistik wanita di peringkat pengurusan tertinggi dalam sektor perkhidmatan awam iaitu sejumlah 38.8 peratus. Sementara itu sehingga bulan Disember 2022 juga, statistik wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah di Syarikat Tersenarai Awam (PLC) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) adalah seperti berikut.

Sebanyak 21 peratus atau 204 buah syarikat daripada 979 buah syarikat PLC telah pun mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di kalangan ahli lembaga pengarah mereka. Kedua, 24 peratus daripada syarikat GLC telah mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat yang sama.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, nisbah bilangan wanita di peringkat tertinggi iaitu barisan kepimpinan utama seperti mana jawatan Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Teknikal dan Ketua Pegawai Operasi di syarikat-syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat tersenarai awam telah pun melepasi sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus.

Walaupun di peringkat 100 buah syarikat tersenarai awam teratas masih belum mencapai 30 peratus tetapi saya boleh katakan kalau kita buat perbandingan dari tahun 2016

iaitu hanya berada pada kadar 14 peratus PLC tetapi pada 1 April 2023 kita telah pun meningkat kepada 29.7 peratus iaitu kurang dua 'kerusi' untuk mencapai sasaran 30 peratus.

Ini merupakan hasil daripada inisiatif Suruhanjaya Sekuriti yang telah pun menambah baik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia pada tahun 2021 di mana semua syarikat tersenarai awam telah diwajibkan untuk melantik sekurang-kurangnya seorang ahli lembaga pengarah daripada kalangan wanita. Inisiatif ini telah berkuat kuasa pada 1 September 2022 bagi syarikat bermodal besar dan pada 1 Jun 2023 bagi syarikat yang tersenarai yang lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menggariskan dan melaksanakan pelbagai strategi untuk menyokong usaha mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuatan keputusan dan ini merangkumi tiga cabang utama iaitu:

- (i) penambahbaikan perundangan dan dasar untuk menyediakan persekitaran yang selamat dan juga kondusif untuk wanita;
- (ii) menyediakan ekosistem yang menyokong penglibatan wanita; dan
- (iii) menyediakan peluang dan akses kepada latihan bagi meningkatkan kesedaran serta kolaborasi bersama pelbagai pemegang taruh.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pembangunan Wanita di bawah KPWKM juga telah mengadakan Program Pemerkasaan Gender dan Kepimpinan Wanita Berkerjaya serta Program Pemerkasaan Gender dan Kepimpinan Wanita Muda di seluruh negara.

Pada masa yang sama, KPWKM juga bekerjasama erat dengan universiti dan juga pelbagai NGO untuk kita memberikan pelbagai latihan memperkasakan wanita dengan kemahiran supaya lebih berdaya tahan dan bersaing di peringkat yang lebih formal. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Tan Sri Haji Mohamad Fatmi.

■1020

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan dan saya ucap tahniah kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang telah nampaknya mencapai sasaran 30 peratus di semua peringkat. Cuma, saya lihat Tuan Yang di-Pertua kalau di sekolah-sekolah ini ramai pelajar yang cemerlang ialah di kalangan pelajar perempuan berbanding dengan pelajar lelaki.

Kalau kita bagi award, anugerah selalunya yang cemerlang ini perempuan. Adakah kemungkinan di masa akan datang kedudukan wanita di jawatan-jawatan pembuat dasar dan pembuat keputusan akan melebihi ataupun jurang antara lelaki dan wanita ini jauh melebihi daripada lelaki untuk wanita dan adakah itu kemungkinan? Apa kesannya...

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Kepada lelaki...

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: *[Ketawa]* Kepada- bukan kepada lelaki, kepada negara ini semua? Itu saya punya kerisauan. Takut tidak ada *balance*. Sebab

nampaknya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini begitu bersungguh-sungguh hingga mencapai, melebihi 30 peratus kedudukan wanita ini. Ia mungkin pergi sampai 60 peratus...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Itulah soalnya Tuan Yang di-Pertua. Sahabat pun kacau juga... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Ini sesi soalan lisan.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Raj Munni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya kira kegusaran daripada Yang Berhormat senator itu agak awal untuk kita respons tetapi melihat kepada negara-negara maju di luar sana, ada juga negara-negara yang sebenarnya telah pun memperkasakan wanitanya sehingga ke-68 peratus dan ia tidak memberikan apa-apa kesan kepada pembangunan masyarakat dan juga di peringkat negara. Kajian di peringkat *World Economic Forum* menunjukkan mana-mana negara yang berjaya memperkasakan wanitanya akan berupaya lebih maju. Jadi, saya kita kerisauan itu perlu diketepikan buat masa ini, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Soalan tambahan.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagi wanitalah tanya. Datuk Seri Hajah Zurainah.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, latihan telah diberikan untuk memperkasakan wanita dan banyak latihan ini akan terus diberikan. Bagi saya boleh tidak kementerian melihat kepada latihan terhadap kesaksamaan wanita dan lelaki ini? *Gender equality*. Kita tidak meminta kelebihan tetapi kesaksamaan dan kaum lelaki perlu sedar bahawa wanita adalah setaraf dengan mereka dalam pekerjaan. Jadi latihan untuk mencelikkan mata gender lelaki ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri... [Ketawa]

Puan Hajah Raj Munni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, kesaksamaan gender memberi maksud pemberian yang adil, peluang dan juga keadilan diberikan kepada kedua-dua gender lelaki dan perempuan. Dia bukan melebihkan kepada gender tertentu. Di peringkat kementerian, di peringkat kerajaan juga di peringkat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kita telah pun melalui Rancangan Malaysia Ke-12, kita telah mewujudkan *Gender Focal Point* dan *Gender Focal Team* di setiap kementerian dan agensi kerajaan untuk perancangan dan pemantauan serta penilaian bagi setiap dasar perundangan dan program yang dilaksanakan di setiap kementerian dan juga agensi mengambil kira perspektif gender.

Untuk kita memberikan *empowerment* bukan sahaja kepada wanita dan juga kepada lelaki itu sendiri. Kepada semua peringkat umur, dan kepada setiap latar belakang masyarakat. Itu diberikan perhatian oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, saya jemput Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan mudah, tetapi jawapan susah. Soalan nombor 3.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

3. Datuk Wira Dari. Mohd Hatta bin Md Ramli minta Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi menyatakan, pendekatan kementerian untuk merancakkan lagi minat pelajar sekolah dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Arthur Joseph Kurup]: Selamat pagi dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Hajat di hati mencari bidadari,
Pergi mencari di Pekan Sari;
Tahniah buat Timbalan Yang di-Pertua di Kerusi,
Daripada kami warga MOSTI... [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ini pendekatan yang baharu daripada Yang Berhormat Menteri. Jawapannya... *[Ketawa]*

Datuk Arthur Joseph Kurup: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dari. Mohd Hatta bin Md Ramli, dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan mengenai peranan dan pendekatan MOSTI untuk meningkatkan minat pelajar dalam pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selari dengan usaha merakyatkan sains dan menginsankan teknologi, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ataupun MOSTI melalui agensi di bawahnya sedang giat menjalankan pelbagai aktiviti dan program bersifat pendidikan bukan formal yang bertujuan untuk menggalakkan penglibatan orang awam khususnya pelajar-pelajar sekolah dalam bidang sains, teknologi dan inovasi. MOSTI telah dan sedang merancang beberapa program yang berfokus secara

berterusan yang melibatkan pelajar sekolah serta orang ramai untuk meningkatkan minat, kefahaman dan pendekatan sains, antaranya ialah:

- (i) Minggu Sains Negara;
- (ii) *Malaysia Techlympics*;
- (iii) *National Science Challenge*;
- (iv) *Drone Challenge*;
- (v) *National Tinkering Challenge*;
- (vi) *remote control jet*;
- (vii) *National Space Challenge*;
- (viii) ruang daya cipta; dan
- (ix) program *outreach*,

Dengan izin, di seluruh bagi mendekati sekolah-sekolah khususnya di luar bandar dan kawasan pedalaman dengan membawa pengalaman sesebuah Pusat Sains dan Planetarium kepada masyarakat di kawasan desa.

Bermula pada tahun 2018, MOSTI telah menganjurkan Minggu Sains Negara yang bertujuan untuk mewujudkan kesedaran, menanamkan minat dan membudayakan sains, teknologi dan inovasi terhadap semua lapisan masyarakat khususnya golongan pelajar dalam kehidupan seharian. Sejak pelaksanaannya, Minggu Sains Negara mencatat jumlah kehadiran pengunjung seramai 6.41 juta orang meliputi pelbagai peringkat umur. Minggu Sains Negara akan diteruskan sebagai acara tahunan yang dilaksanakan dengan kolaborasi kerajaan negeri, institusi pengajian tinggi, badan bukan kerajaan dan pemain industri di setiap negeri menerusi pengisian program dan aktiviti secara fizikal dan secara maya.

Malaysia Techlympics pula iaitu inisiatif terkini MOSTI bagi merangsang minat belia khususnya pelajar sekolah menengah dan IPT terhadap bidang STEM secara pembelajaran tidak formal berkonsepkan pertandingan. Program ini juga sebagai langkah siap siaga golongan belia untuk memainkan peranan sebagai pelengkap kepada Agenda STEM Negara dan seterusnya memacu Revolusi Industri 4. Pada tahun 2022, *Malaysia Techlympics* telah berjaya mencatatkan penyertaan seramai 1.03 juta orang. Bagi tahun ini, program ini dirancang pelaksanaan mulai bulan Julai dengan pelbagai penambahbaikan program menggunakan pengaplikasian teknologi terkini.

MOSTI turut menggerakkan inisiatif Ruang Daya Cipta (RDC) di daerah terpilih seluruh negara yang sehingga kini telah menjangkau 15,000 orang penduduk luar bandar. RDC dibangunkan untuk memberi peluang dan pendedahan kepada golongan komuniti terutamanya di kalangan pelajar, belia, usahawan PKS dan orang awam di luar bandar untuk memperoleh ilmu pengetahuan serta menggunakan peralatan teknologi berasaskan elemen sains, teknologi, inovasi dan ekonomi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Datuk Arthur Joseph Kurup: Ada dua perenggan lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Amat penting...

Datuk Arthur Joseph Kurup: Kalau diizinkan, saya akan habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, saya akan bagi, saya izinkan.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Terima kasih, sebab ini jawapan saya yang pertama dalam Mesyuarat Kali ini Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]*

RDC dilengkapi dengan kemudahan seperti makmal reka bentuk, makmal komputer, studio inovasi, studio digital, dan ruang latihan yang boleh digunakan secara percuma. Sehingga kini sebanyak 10 buah RDC telah dibangunkan manakala pada tahun ini MOSTI menyasarkan sebanyak 10 buah RDC lagi yang baharu yang akan dibangunkan.

Usaha mempromosikan STEM di kalangan pelajar diteruskan dengan pelaksanaan *National Science Challenge* (NSC) iaitu Pertandingan Sains Kebangsaan bagi pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 4.

Matlamat NSC iaitu memupuk minat mewujudkan kesedaran sekali gus menyemai semangat pelajar untuk melanjutkan pelajaran dan kerjaya dalam bidang STEM. Melalui NSC, pelajar boleh menyediakan penyelesaian praktikal kepada pelbagai isu dengan menggunakan ilmu yang mereka pelajari secara kreatif.

Pada tahun 2022, NSC merekodkan penglibatan sejumlah 11,685 orang pelajar daripada 412 buah sekolah dengan 70 buah sekolah dari kawasan luar bandar.

Selaras dengan usaha-usaha yang dilaksanakan MOSTI juga dengan Kementerian Pendidikan Malaysia sedang meneliti penubuhan sebuah jawatankuasa atau pasukan khas yang bertujuan untuk memantapkan lagi penyelarasan pendidikan STEM di negara ini yang mana butir selanjutnya akan diumumkan pada masa terdekat. Sekian, terima kasih.

■1030

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Soalan tambahan, Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta, jangan lupa ya. Ini kali pertama Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dalam Dewan Negara, beri peluang sedikit... *[Ketawa]*

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih. Ini kali pertama saya menyoal... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, teruskan.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang sangat komprehensif. Suatu bidang yang membuka ruang inovasi, ada ilmu-ilmu di sekolah, di universiti, tidak ada ruang inovasi sebab ilmu itu sudah padat dan sudah lama tetapi STEM boleh.

Saya hendak bertanya, sama ada terdapat ruang dalam pentadbiran kerajaan ini untuk membawa syarikat-syarikat yang terlibat dengan industri sains dan teknologi ini mengemukakan bantuan dan juga ruang untuk sama-sama mengambil bahagian melatih, mendidik, meyakinkan anak-anak muda kita kepada STEM ini termasuk juga syarikat-syarikat MNC yang ada dalam negara kita yang terlibat. Supaya ruang itu bukan hanya dilakukan oleh pihak kerajaan tetapi juga sebagai *corporate social responsibility*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Senator. Ya, kita mengalu-alukan untuk bekerjasama dengan pihak industri termasuk syarikat-syarikat sebab matlamat kita sebenarnya untuk memberikan pendidikan dalam bidang STEM ini bukan semata-mata bagi bidang teori ataupun untuk lulus dalam peperiksaan. Akan tetapi kita kena pastikan bahawa pelajar-pelajar ataupun graduan dalam bidang STEM ini dia boleh dikatakan *industry ready*. Dia telah disediakan untuk merebut dan bersaing untuk mengambil peluang-peluang pekerjaan yang ada khususnya dalam dasar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang di mana kita sedang membawa lebih banyak pelabur MNC.

Contoh yang baru-baru diumumkan seperti *Amazon Web Services*, *Tesla* dan sebagainya. MNC ini, mereka memerlukan tenaga kerja yang lebih berkemahiran tinggi. Jadi di dalam apa pun kerjasama MOSTI dengan KPM untuk kita memastikan *content* pembelajaran ini supaya kita melahirkan graduan dalam bidang STEM, dia boleh memenuhi permintaan pasaran nanti. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Soalan tambahan saya.

Dato' Nelson a/l Renganathan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Nelson, *you* ada soalan naik nanti?

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Ya, saya ada soalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apa, saya akan bagi naik nanti. Bagi peluang kepada Yang Berhormat di belakang.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Okey, okey boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Setiap tahun kementerian belanja berpuluh juta untuk pembangunan teknologi dan inovasi produk-produk tempatan. Pertama, sejauh mana inovasi dan pembangunan teknologi yang telah dihasilkan berjaya dipasarkan?

Kedua, apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian untuk memastikan produk yang dihasilkan berjaya menembusi pasaran antarabangsa serta mampu bersaing dengan produk-produk lain di pasaran? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Satu soalan yang amat menarik sebab sekiranya ada inovasi ataupun ciptaan sampai ke peringkat komuniti, kita kena pastikan bahawa inovasi atau ciptaan itu dia ada potensi pengkomersialan, barulah ada nilai ekonominya. Kementerian MOSTI, kita sedar ini dan kita ada beberapa program. Contoh, Tahun Pengkomersialan Malaysia atau *Malaysia Commercialization Year* di mana kita setakat ini telah membantu sebanyak 474 jenis- produk dengan hasil jualan sebanyak RM540 juta.

Dalam Program Tahun Pengkomersialan ini, kita memberi pelbagai bantuan dan juga intervensi dan fasilitasi seperti pendanaan peniagaan, bengkel *due diligence*, sesi *coaching business pitching*, *technology preview* dan juga platform untuk mempamerkan produk tersebut. Di dalam bengkel *due diligence*, kita lebih lagi mendalam untuk mengkaji apakah jenis bantuan yang kita boleh bagi kepada produk tersebut. Sebagai contoh, pemfailan harta intelek atau *intellectual property filing*, penjenamaan pembungkusan, pemasaran dan pensijilan.

Jadi untuk soalan bahagian kedua yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator, bagaimana kita boleh bantu produk-produk ini untuk bersaing di peringkat global. MCY juga ada program yang dinamakan MCY Goes Global di mana kita mempergiatkan lagi usaha untuk membantu produk dan teknologi hasil R&D tempatan negara untuk menembusi pasaran antarabangsa melalui satu fasiliti yang dinamakan *Technology Readiness Level* untuk kita memastikan produk kita juga dapat bersaing di peringkat antarabangsa. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya jemput Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

4. Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta Menteri Ekonomi menyatakan, apa cara-cara penambahbaikan sasaran kategori T20, M40 dan B40 yang akan dilaksanakan oleh Pangkalan Data Utama (PADU) yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri. Bolehkah penetapan semula kategori pendapatan ini mengambil kira faktor kos sara hidup di luar bandar dan bandar, mengikut negeri.

Timbalan Menteri Ekonomi [Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) telah menggariskan bahawa semakan kategori kumpulan pendapatan akan mengambil kira antaranya perubahan struktur pendapatan dan perbelanjaan kos sara hidup, demografi serta lokasi isi rumah.

Dalam hubungan ini, kerajaan telah mengumumkan untuk beralih daripada pemberian subsidi menyeluruh dan menggunakan pendekatan berdasarkan kumpulan pendapatan B40, M40 dan T20 kepada pendekatan yang lebih bersasar seperti yang menggunakan

pendapatan boleh belanja bersih isi rumah. Pendekatan ini dilihat lebih menggambarkan realiti semasa dan kemampuan belanja rakyat.

Penubuhan Pangkalan Data Utama (PADU) akan membantu program dan inisiatif kerajaan yang lebih bersasar. PADU akan mengintegrasikan pangkalan-pangkalan data kerajaan termasuk Sumbangan Tunai Rahmah, eKasih, bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan yang berkaitan secara berpusat. PADU akan mengandungi profil maklumat individu dan isi rumah rakyat Malaysia.

Di samping itu, PADU juga akan merangkumi pemboleh ubah seperti demografi, pekerjaan, pendapatan, status orang kurang upaya (OKU), lokasi dan negeri serta rekod-rekod lain yang berkaitan sebagai rujukan yang sah untuk pelaksanaan subsidi bersasar. Pelaksanaan subsidi bersasar ini akan dilaksanakan secara berfasa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila soalan tambahan.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya menyambut baik kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pensasaran subsidi akan menggunakan *net disposable income* sesebuah isi rumah. Akan tetapi bagaimanakah perkara ini akan dilaksanakan? Pertama.

Kedua, adakah cara *net disposable income*, dengan izin, ini akan ditentukan atau akan disahkan? Saya khuatir bahawa perkara ini akan menjadi terlalu kompleks dan akan berlaku golongan yang mungkin tidak mendapat bantuan disebabkan mereka tidak boleh membuktikan bahawa *net disposable income* mereka ini rendah dan dokumen yang dirujuk oleh PADU belum dikemaskinikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib: Untuk memahami secara mendalam, pangkalan-pangkalan data melibatkan agensi-agensi yang berikut. Okey, antaranya adalah:

- (i) maklumat asas individu dan lokasi merangkumi data dari Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia;
- (ii) maklumat pendidikan, antaranya meliputi Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional;
- (iii) maklumat jenis kediaman, melibatkan data daripada pihak berkuasa tempatan, Banci Penduduk dan Perumahan dan Tenaga Nasional Berhad;
- (iv) maklumat pekerjaan merangkumi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;

- (v) maklumat pendapatan melibatkan LHDN, KWSP, PERKESO, JPA, Kumpulan Wang Persaraan dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia;
- (vi) maklumat orang kurang upaya merangkumi Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan
- (vii) maklumat penerima bantuan diperoleh daripada Majlis Perlindungan Sosial Malaysia.

Jadi daripada kumpulan yang ini, maklumat itu akan diproses bersama sistem API dan kemudian ia akan dimasukkan ke dalam *National Data Hub*, dan diberikan kepada *extractables analysis* pada sektor awam. Kemudian, *insya-Allah* dengan permulaan yang itu akan ditapis lagi untuk kegunaan. *Insya-Allah* kepada NGO dan akademik. Jadi, itulah antara yang dalam rancangan kita. Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat Datuk Razali.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sebenarnya mengekori rapat perpindahan pangkalan data. Yang ini satu formula baharu yang diilhamkan oleh Yang Berhormat Menteri.

■1040

Saya hendak tanya, adakah Pangkalan Data Utama (PADU) ini ada kaitan dengan pangkalan data INVOKE, pangkalan data yang dibina oleh INVOKE? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib: Mohon maaf, saya tidak mempunyai maklumat yang ditanyakan tentang INVOKE kerana ia masih dalam proses. *Insya-Allah* kita harapkan bahawa permulaan data PADU ini akan bermula pada tahun baru. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Razali boleh tanya soalan itu akan datang apabila sudah siap. Nanti data PADU... *[Ketawa]*

Datuk Razali bin Idris: Mesti sebelum siap kena tanya. Kena tanya sebelum siap, proses biar elok supaya tidak jadi kerugian kepada negara.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat. Boleh buat dalam perbahasan rang undang-undang lain ataupun perbahasan ucapan Yang di-Pertuan Agong boleh masukkan, sediakan tetapi kena tunggu tahun depanlah. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Isaiah a/l D Jacob.

Tuan Isaiah a/l D Jacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya kemukakan soalan nombor 5, saya mohon satu permohonan, jasa baik Tuan Yang di-Pertua sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz yang ada masalah berjalan kaki saya mohon jasa baik Tuan Yang di-Pertua pindahkan beliau ke tempat depan untuk memberi ruang selesa bagi beliau.

5. **Tuan Isaiah a/l D Jacob** minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah kementerian berhasrat untuk memberikan rebat pelepasan cukai bagi pembelian kenderaan bermotor berjenama tempatan di bawah harga RM45,000 untuk golongan sasaran Orang Kurang Upaya berkategori B40 dan M40.

Timbalan Yang di-Pertua: Itu nanti saya minta Setiausaha Dewan- uruskan ya. Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Sim Chee Keong]: Tuan Yang di-Pertua.

*Pergi ke pekan mencari bidadari,
Bidadari turun daripada kayangan,
Meminjam pantun dari MOSTI,
Tahniah jua dari Kementerian Kewangan... [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ini sudah berjangkit... [Ketawa]

Tuan Sim Chee Keong: Setinggi-tinggi tahniah kepada Timbalan Yang di-Pertua atas pelantikan yang saya rasa amat layak sekali. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan ada menyediakan pengecualian sepenuhnya ke atas cukai eksais kenderaan untuk semua individu OKU dan cacat fizikal yang berkeupayaan memandu dengan syarat-syarat seperti berikut:

- (i) pemohon berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
- (ii) pemohon memiliki lesen memandu yang sah;
- (iii) kenderaan tidak boleh dijual atau ditukar milik sehingga tamat tempoh lima tahun;
- (iv) pengecualian dengan kebenaran Kementerian Kewangan; dan
- (v) pengecualian hanya dibenarkan untuk sebuah kenderaan bagi setiap lima tahun.

Sehubungan itu, Kementerian Kewangan tidak mempunyai rancangan pada masa ini untuk memberikan rebat pelepasan cukai kepada golongan OKU dalam kategori B40 dan M40 bagi pembelian kenderaan bermotor untuk masa ini. Cadangan tersebut perlu diperhalusi dan dikaji secara menyeluruh.

Daripada aspek pelepasan cukai pendapatan, OKU di bawah kategori B40 dan M40 layak menikmati rebat pelepasan cukai pendapatan sebanyak RM400 bagi pendapatan bercukai kurang daripada RM35,000. Selain itu, sebarang perbelanjaan membeli peralatan sokongan asas ke atas diri sendiri layak menuntut potongan cukai sebanyak RM6,000 dan potongan cukai tambahan sebanyak RM6,000 sekiranya berdaftar dengan JKM sebagai seorang yang kurang upaya.

Secara keseluruhannya, terdapat 21 item pelepasan cukai kepada golongan OKU, tertakluk kepada syarat-syarat dan kelayakan. Golongan OKU yang berada dalam kategori B40 besar kemungkinan mereka tidak dikenakan cukai setelah mengambil kira pelbagai pelepasan cukai dan rebet yang berkaitan.

Justeru, layanan cukai sedia ada dilihat memadai bagi meringankan beban golongan OKU bagi kategori B40 dan M40. Walau bagaimanapun, kerajaan akan sentiasa mengkaji dan menambah baik dasar percukaian sedia ada dari semasa ke semasa seiring dengan persekitaran ekonomi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat Isaiah.

Tuan Isaiah a/l D Jacob: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang jawab soalan. Bagaimanakah cukai jalan raya bagi OKU?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sim Chee Keong: Setakat ini, untuk jalan raya saya rasa ia perlu dijawab oleh JPJ, bukan oleh Kementerian Kewangan. So, mungkin saya akan minta Pegawai JPJ untuk memberikan maklumat lanjut kepada Yang Berhormat Senator. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Prof.

6. Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, jumlah kadar kemasukan pelajar baharu yang mendaftar di ASWARA bagi pengambilan tahun 2023. Adakah program-program pengajian yang ditawarkan di ASWARA bagi sesi akademik tahun 2023/2024 dan juga nyatakan kadar kemasukan pendaftaran bagi pelajar baharu di kesemua program tersebut termasuk program separuh masa bagi orang awam.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, Akademi Seni, Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) merupakan sebuah institusi pengajian tinggi dalam bidang seni budaya dan warisan di bawah MOTAC. Permohonan pelajar baharu sesi akademik 2023/2024 bagi kesemua peringkat pengajian telah pun dibuka secara dalam talian bermula Februari 2023.

Tarikh pendaftaran kemasukan pelajar sesi akademik 2023/2024 bagi pengajian Asasi Seni Kreatif ialah 14 Ogos 2023, diploma dan ijazah sarjana muda 18 September 2023 dan ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran ialah 25 September 2023. Pada masa ini, ASWARA menawarkan sebanyak 26 program pengajian yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi peringkat pengajian Asasi Seni Kreatif, diploma, ijazah sarjana muda dengan kepujian, Ijazah Sarjana Seni Kreatif dan juga Ijazah Kedoktoran Seni Kreatif.

Bilangan enrolmen semasa ASWARA seramai 1,164 orang pelajar dan ASWARA telah melahirkan seramai 2,934 orang graduan dalam bidang seni budaya dan warisan. Sehingga Jun 2023, sebanyak 666 permohonan telah diterima dan kadar permohonan

dijangka akan meningkat susulan pengumuman keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) baru-baru ini dan seiring dengan usaha-usaha promosi yang lain.

Di samping tawaran program-program separuh masa, ASWARA juga menawarkan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang merangkumi Sijil Seni Tradisi ASWARA (SSTA), dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). ASWARA terus komited dalam menawarkan 30 pilihan kursus PSH dengan menyasarkan lebih ramai penyertaan daripada kalangan orang awam, agensi dan jabatan bagi tahun 2023. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat Prof. Datuk Seri Dr. Awang.

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dengan menyedari bahawa penting soal seni budaya dilestarikan dan diperluaskan, sedar kah pihak kementerian bahawa walaupun telah disebut tadi kian banyak jumlah masyarakat yang ingin mengikuti program-program seni budaya.

Isunya ialah atau soalan saya ialah adakah kementerian berusaha untuk mendorong ASWARA menambah tawaran kursus-kursus yang relevan dan diminati? Sebagai contoh bidang muzik dan teater yang akan mendorong masyarakat terlibat dalam lakonan drama TV kerana sekarang ini nampaknya kursus-kursus untuk orang sedang bekerja terbatas kepada seni tari dan multimedia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Terima kasih atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kita sebenarnya ada menawarkan kursus Ijazah Sarjana Muda Teater dan juga Ijazah Sarjana Muda Penulisan. Kita sedar ramai yang mula tahu tentang peranan yang dimainkan oleh ASWARA. Kita akan pastikan setiap perkara yang melibatkan kesenian dan juga kebudayaan itu sendiri dapat diperkasakan lagi. Ini supaya ia menjadi tonggak utama di negara kita untuk kita menggerakkan industri ini melalui ASWARA itu sendiri juga.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, memang kita ada Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem. Jadi, persoalan yang ditimbulkan tadi sebenarnya sudah ada ditawarkan di ASWARA. Cuma mungkin beberapa perkara yang perlu ditambah baik mengikut peredaran teknologi ataupun peredaran perkembangan industri sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris: Soalan tambahan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Berapa orang...?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Dekat sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ismail tadi sudah tanya soalan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Tadi soalan asal.

Timbalan Yang di-Pertua: Kita bagi *chance* kepada wanitalah.

Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris: Bagi saya lah... [Ketawa]

■1050

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bagaimana kebolehpasaran graduan keluaran ASWARA ini dan apakah mereka ini apabila tamat pengajian, mendapat pekerjaan yang bersesuaian, ataupun *matching job* dengan kelulusan mereka? Maksudnya memperoleh pekerjaan berkaitan dalam industri pelancong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, saya akan jawab berkenaan dengan industri pelancongan. ASWARA sebenarnya lebih memfokuskan aspek kesenian dan kebudayaan. Dari sudut pelancongan pula, ia selalu bekerjasama dengan pihak Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN).

Setiap aktiviti yang berkaitan dengan kebudayaan dan kesenian, dua buah agensi ini akan sering bekerjasama untuk memastikan produk yang ada di negara kita ini dapat ditonjolkan, itu pertama. Kedua, berkenaan dengan usaha ASWARA dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan ASWARA. Graduan ASWARA sebenarnya mempunyai kedudukan tersendiri dalam industri kreatif sama ada menjadi usahawan ataupun penggiat seni.

Selain bekerja di sektor kerajaan dan swasta, ASWARA telah melahirkan sebanyak 2,934 orang alumni yang turut menyumbang kepada pembangunan industri kreatif negara. Terkini, graduan ASWARA adalah sebanyak 320 orang dengan rekod kebolehpasaran graduan sebanyak 77 peratus.

Dengan wujudnya gig ekonomi ini, ramai juga yang telah membuat keputusan untuk menceburi bidang itu. Namun, majoriti daripada lepasan ASWARA hampir 77 peratus masih lagi tertumpu kepada fokus ataupun bidang yang mereka pelajari sewaktu di ASWARA.

Secara tidak langsung juga kebanyakan pelajar-pelajar ASWARA mendapat pendedahan praktikal menerusi pelaksanaan bersepadu aktiviti akademik dan aktiviti bukan akademik seperti penglibatan dalam Bengkel *Masterclass*, produksi, pameran, pertandingan di dalam dan juga luar negara. ASWARA juga tidak ketinggalan dalam menyemarakkan budaya intelektual menerusi penganjuran program bersama dengan pihak industri.

Sememangnya, ASWARA mempunyai hubungan yang baik dengan pihak industri terutamanya yang dipelopori oleh pihak swasta. Ini kerana mereka tahu kebolehpasaran pelajar-pelajar ASWARA ini memang tinggi. Kebolehan mereka memang dalam keadaan yang cukup mantap, *insya-Allah*. Sebenarnya banyak lagi pencapaian yang saya boleh kongsi tetapi masa tidak mengizinkan. Mungkin dalam sesi yang lain, saya akan berkongsi bersama. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Betul Yang Berhormat Timbalan Menteri, tempoh Dewan Negara kita panjang. Banyak peluang lagi hendak tanya soalan.

Seterusnya, saya jemput Yang Berhormat Tuan Haji Aziz bin Ariffin.

7. Tuan Haji Aziz bin Ariffin minta Menteri Pengangkutan menyatakan, bila pihak kementerian ingin mewajibkan para penguat kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menggunakan kamera badan bagi meningkatkan nilai integriti agensi penguatkuasaan tersebut serta melindungi pegawai daripada menjadi mangsa fitnah ketika menjalankan tugas serta berapakah jumlah peruntukan yang diperlukan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Habibollah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat penggunaan *Body Worn Camera* (BWC) dengan izin, ataupun kamera badan bagi anggota penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan sememangnya dalam penelitian Kementerian Pengangkutan.

MOT berpandangan bahawa penggunaan *Body Worn Camera* (BWC) bukan sahaja dapat meningkatkan integriti penguatkuasaan JPJ semata-mata, malah berupaya untuk melindungi anggota-anggota penguatkuasaan JPJ daripada pelbagai tohmahan ataupun tuduhan oleh pihak yg tidak bertanggungjawab.

Pada masa ini, pihak JPJ berada di fasa pelaksanaan kajian kebolehlaksanaan penggunaannya termasuk melaksanakan siri-siri, dengan izin, *proof of concept* bagi mengkaji pelbagai aspek melibatkan perundangan, pengoperasian, penilaian keupayaan alat BWC dan teknologi yang digunakan. Implikasi kewangan serta keberkesanannya bagi meningkatkan integriti ketika melaksanakan aktiviti penguatkuasaan. Sehingga kini terdapat tiga buah syarikat yang menawarkan POC kepada JPJ dan dilaksanakan secara berperingkat.

POC ini melibatkan pejabat-pejabat JPJ di seluruh ibu negeri dan cawangan terpilih termasuk di Sabah dan Sarawak. POC ini dijangka akan berakhir pada 30 September 2023 dan laporan penuh akan disediakan dan dihantar ke MOT untuk proses selanjutnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada penggunaan kamera badan yang merupakan satu keperluan pada masa kini. Apakah langkah-langkah proaktif kerajaan dalam memastikan nilai-nilai integriti pihak penguatkuasaan terutama pihak JPJ ditingkatkan dari semasa ke semasa? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Berkaitan dengan integriti ini sudah pastinya yang kita tahu di JPJ sendiri memang ada Unit Integriti yang diketuai oleh daripada agensi SPRM sendiri, itu sudah pastinya.

Kedua, selain itu juga daripada segi fizikalnya. Selain daripada saya katakan di sini mungkin mendidik kita- semua supaya lebih berintegriti, *insya-Allah*. *The physical part* seperti selain daripada kamera BWC ini iaitu kamera AWAS dan sebagainya. Ini juga membantu kita dalam penguatkuasaan. Ini untuk makluman, untuk AWAS itu sendiri yang dahulunya AES, kita ada 45 unit kamera, satu *repair*. Sebanyak 44 unit sedang beroperasi boleh menurunkan keadaan keselamatan di jalan raya daripada *high speed* dan juga kemalangan sebanyak 99 peratus kesannya.

Memang ada kerajaan hendak menambah lagi, *insya-Allah* sebab dilihat daripada segi AWAS ini ia memang berkesan. Ini laporan daripada MIROS, Bahagian Keselamatan Jalan Raya. Jadi, sudah pastinya yang berkaitan dengan integriti itulah tadi pelbagai program juga dibuat. Ini untuk kepada kitalah manusiawi, macam-macam program dibuat oleh Bahagian Integriti JPJ itu sendiri untuk memastikan selain daripada bantuan luar ini, untuk penguatkuasaan ini- untuk keperibadian diri sendiri program-program dalaman dibuat untuk memastikan pegawai kita sentiasa berintegriti.

Ada satu lagi iaitu pelaksanaan *Anti-Bribery Management System* (ABMS). Ada audit tahunan dalam memastikan integriti anggota itu dibuat, itu antara program yang dibuat. Jadi, *insya-Allah* ini boleh mengukuhkan dan meningkatkan integriti pegawai-pegawai kita dan kerja ini memang tiada noktahnya. Ini cerita kita manusia akan senantiasa diingat, ditegur dan diperingkatkan. *Insya-Allah*, terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:Soalan tambahan.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya hendak bagi Yang Berhormat Dato' Sivaraj.

Tadi Yang Berhormat Datuk Dominic, saya sudah bagi Yang Berhormat Datuk tadi, kan?

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Ya.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, adakah pihak kementerian mempunyai sebarang rancangan jangka masa panjang untuk mengimplementasikan elemen-elemen teknologi kecerdasan buatan dalam meningkatkan kadar penguatkuasaan secara umumnya di samping untuk memastikan integriti jabatan terus terpelihara. Terima kasih.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Secara umumnya saya menjawab Yang Berhormat Senator bahawa kita memang menuju ke arah itu. Sekarang kita baru bercerita tentang *body worn camera* dan juga sekarang ini unit motosikal ada kameranya sendiri dan *on the road* ada AES. Sudah pastinya baru-baru ini, JPJ mengeluarkan *apps* dan sebagainya. *Apps* JPJ bukan

hanya setakat yang tidak betul di atas jalan raya tetapi juga daripada segi mengeluarkan lesen, mengeluarkan lesen memandu, untuk mengelakkan adanya lesen terbang, untuk mengelakkan ada penipuan dalam pendaftaran dan sebagainya.

Itu kaedah-kaedah yang sudah dibuat oleh JPJ dan *insya-Allah we are moving ahead*, dengan izin, *towards* teknologi lebih canggih lagi untuk memastikan integriti kita, jabatan itu sendiri dan pegawai-pegawainya dipertingkatkan dari semasa ke semasa, *insya-Allah*. Terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Boleh bagi satu lagi kah?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Datuk Apandi... [Ketawa]
Yang Berhormat Haji Apandi untuk mengemukakan soalan... [Ketawa]

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...* [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Nasib baik... [Ketawa]

8. Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apa status terkini kemajuan Projek Lebuhraya Lingkaran Tengah Utama- *Central Spine Road*, berbanding jadual asal projek tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri... [Ketawa]

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Tuan Yang di-Pertua, ini penting untuk perspektif pengguna.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak. Saya hendak bagi peluang sekurang-kurangnya sampai nombor 13 hari ini. Jadi, kita tunggu sekejap tadi Yang Berhormat Apandi.

Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

■1100

Menteri Kerja Raya [Dato Sri Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Just in time* Yang Berhormat... [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, status semasa projek Lebuhraya Lingkaran Tengah Utama (LTU) sehingga Jun 2023 merupakan 55.36 peratus sebenar berbanding 56.75 peratus unjuran. Di mana sebanyak dua projek dalam peringkat perolehan, 14 buah projek dalam pembinaan dan sebanyak 10 projek telah siap yang melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM7.7 bilion.

Lingkaran Tengah Utama (LTU) seksyen 5B, Kampung Orang Asli Sungai Chandan ke Kampung Asap dan sebahagian seksyen 5A, Persimpangan Krau, Raub akan dibuat penyerahan oleh agensi pelaksana iaitu Jabatan Kerja Raya kepada Kementerian Kerja Raya pada 25 Jun 2023, beberapa hari lagi. Seterusnya, dapat dibuka untuk laluan kenderaan pada 26 Jun 2023 ini.

Projek ini telah dimulakan pada 14 Mac 2018 dengan kos projek sebanyak RM294.6 juta dan antara skop kerja yang dilaksanakan iaitu membina jalan baharu empat buah lorong dua hala dengan reka bentuk piawaian JKR R5 sepanjang 16.9 kilometer dan sebanyak lima buah jambatan, dua *Vehicular Box Culvert* (VBC) serta persimpangan Krau, Raub. Manakala baki kerja yang masih dilaksanakan untuk seksyen 5A adalah sepanjang sembilan kilometer.

Dengan pembukaan jalan ini, dijangkakan 500,000 buah kenderaan akan melalui laluan ini sempena sambutan Hari Raya Aidiladha yang menjelang tiba dan pengguna dapat menikmati penjimatan masa sehingga 40 minit pada waktu puncak kerana tidak perlu lagi melalui bandar Bentong dan Raub. Jadi, keseluruhan jajaran Lingkaran Tengah Utama (LTU) dijangka dapat digunakan sepenuhnya oleh orang awam pada tahun 2026. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Yang Berhormat Menteri, sama-sama Ahli Parlimen dahulu. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Cuma soalan saya, dalam beberapa segmen lagi saya jangka ada beberapa segmen yang terbelakang daripada jadual. Boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri menyatakan faktor-faktor sektor-sektor tentu ataupun segmen-segmen tertentu yang agak terbelakang daripada jadual? Yang lain *Alhamdulillah*, yang ikut jadual itu *Alhamdulillah*-lah, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato Sri Alexander Nanta Linggi: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kelewatan ini sedikit sahaja, tadi telah saya sebut yang sebenar sebanyak 55.36 peratus berbanding sebanyak 56.75 peratus unjuran. Jadi, sedikit sahaja peratusannya yang ada kelewatan ini Yang Berhormat.

Jadi, Untuk makluman Yang Berhormat juga, punca utama kelewatan pelaksanaan pembinaan jalan ataupun pembinaan projek LTU ini disebabkan isu pengambilan tanah dan isu berkaitan pasca pandemik COVID-19 seperti kekurangan pekerja dan kenaikan harga barang serta sebagainya. Antara tindakan yang telah diambil untuk mengatasi isu ini adalah dengan mengadakan tadbir urus bersama agensi yang terlibat seperti Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian dan juga pihak berkaitan kerajaan negeri.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan permohonan perubahan harga atau *Variation Of Price* (VOP) bagi membantu kontraktor menangani masalah kenaikan harga barang. Jadi, itulah penjelasan Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak jemput Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian untuk mengemukakan soalan.

9. Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, jumlah penglibatan pihak GLC dengan pihak industri dalam usaha Kerajaan untuk memperkasakan kebolehpasaran graduan dan memenuhi permintaan industri.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Mohammad Yusof bin Apdal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkasakan kebolehpasaran graduan KPT melalui universiti awam telah bekerjasama dengan lebih 200 buah syarikat yang melibatkan pihak GLC dan industri melalui Memorandum Persefahaman (MOU) dan Memorandum Perjanjian (MOA) yang masih aktif. Antara contoh terbaharu MOU yang ditandatangani adalah:

- (i) Universiti Malaysia Kelantan telah menandatangani perjanjian MOU dengan tujuh buah syarikat gergasi antaranya *Sunway Theme Park* dan *Skytrack Sdn. Berhad*, ini akan memberi manfaat kepada seramai 2,700 orang pelajar yang melibatkan tiga pengkhususan;
- (ii) Universiti Malaya (UM) telah menandatangani perjanjian MOU bersama *Infinity Logistics & Transport Sdn. Berhad* yang melibatkan Fakulti sains Komputer dan Teknologi Maklumat.

Dalam pada itu kementerian turut menandatangani memorandum persefahaman bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) serta *Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp)* melalui memorandum persefahaman yang ditandatangani juga. Kementerian berhasrat untuk meneroka lebih banyak peluang kerjasama bersama pihak industri dan syarikat GLC melalui hubungan *networking* yang dimiliki oleh PERKESO dan *TalentCorp* untuk memanfaatkan kebolehpasaran graduan IPT.

Manakala sehingga kini, Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti mempunyai jumlah 18,745 buah industri yang aktif berkolaborasi dalam pelbagai skop. Antara industri yang mempunyai kolaborasi aktif dengan Politeknik dan Kolej Komuniti adalah:

- (i) Maybank;
- (ii) SIRIM;
- (iii) MyIPO;
- (iv) MIDA;
- (v) The Malaysian Water Association;
- (vi) JAKIM;
- (vii) *Panasonic Industrial Devices Malaysia Sdn. Bhd*;
- (viii) *Top Glove Sdn. Berhad*; dan
- (ix) *Lam Research Sdn. Berhad*.

Di samping itu, kementerian melalui *CEO@Faculty Program* juga mempunyai kerjasama dengan GLC utama seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Maybank, CIMB, *Boustead*, UEM dan lain-lain.

Program ini akan melibatkan pengurusan tertinggi GLC iaitu Ketua Pegawai Eksekutif ataupun Pengarah Pengurusan atau Presiden akan dipadankan pada Universiti Awam (UA) sebagai mentor. Mereka ini akan berkongsi pengetahuan, pengalaman dan kepakaran dengan pelajar dan juga staf universiti mengenai apakah perkembangan terkini industri di samping dapat memberikan input bagi tujuan transformasi modul dan kurikulum universiti selaras dengan keperluan semasa industri.

Tuan Yang di-Pertua, kerjasama di antara universiti dan sektor industri pula bersifat strategik serta dilakukan dengan teliti dan terancang bagi memastikan kedua-dua pihak menerima manfaat tanpa menjejaskan integriti dan kesenjangan dunia akademik. Terima kasih...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, soalan saya seperti mana Yang Berhormat Menteri katakan tadi terdapat 200 lebih syarikat GLC yang berkolaborasi bersama kementerian. Kita ada seramai lebih kurang 90,000 orang graduan IPTA setiap tahun. Nisbah saya rasa antara GLC dan graduan yang kita keluarkan setiap tahun, saya rasa harus dipertingkatkan. Saya rasa setakat tahun sebelumnya, seramai 2,700 *if I am not mistaken*, kalau tidak silap saya. Nisbah keluaran kita 90,000 dengan syarikat GLC yang 200 sampai 500- adakah kerajaan pertimbangkan untuk meningkatkan kolaborasi? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Mohammad Yusof bin Apdal: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Pertamanya saya hendak maklumkan bahawa KPT sehingga kini tidak henti-henti untuk mengambil beberapa tindakan untuk mengatasi permasalahan kebolehpasaran graduan terutamanya. Maka itu kita lihat beberapa inisiatif yang telah kita lakukan baru-baru ini terutamanya di antara Universiti Kelantan dengan beberapa buah agensi, industri dan GLC yang kita berkolaborasi.

Demikian juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini telah melancarkan *InvestED* iaitu kerjasama dengan Suruhanjaya Sekuriti dengan KPT dalam usaha kita untuk memastikan kebolehpasaran graduan ini dapat kita mempertingkatkan dengan beberapa *target* yang kita harapkan dalam jangka masa tiga tahun program yang kita akan laksanakan. Harapan kita ialah kita akan dapat menambah baik lagi usaha ke arah kebolehpasaran graduan kita.

■1110

Ini usaha berterusan kementerian kita. Kita sentiasa menggalakkan industri itu bersama dalam IPTA kita. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Soalan tambahan.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Soalan tambahan.

Dato' Haji Husain bin Awang: Soalan tambahan.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Saya dulu.

Dato' Haji Husain bin Awang: Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Baik.

Timbalan Yang di-Pertua: Beri peluang kepada wanitalah... *[Ketawa]*

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Fasal tadi ada soalan tadi, yang mahukan wanita lebih...
[Ketawa] [Dewan riuh]

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ialah, jumlah peratus kebolehpasaran graduan kita dan adakah pihak kementerian sudah ada inisiatif untuk mengadakan kursus-kursus baharu yang memenuhi keperluan industri supaya para graduan kita ini apabila keluar, dia tidak bekerja di luar bidang mereka? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Mohammad Yusof bin Apdal: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Sehingga tahun 2022, statistik ataupun perangkaan data yang kita ada berhubung dengan kebolehpasaran graduan IPTA ialah 90.2 peratus. Banyak lagi pecahan yang kalau kita hendak sebut tetapi ia panjang datanya... *[Ketawa]* Akan tetapi, lebih kurang umumnya, kebolehpasaran sehingga tahun 2022 ialah 90.2 peratus.

Berhubung dengan jaminan pekerjaan kepada graduan-graduan kita, IPTA melalui terutamanya TVET ini- kita hari ini berusaha untuk mempertingkatkan kefahaman dan penerimaan masyarakat dan juga pelajar tentang *TVET is another good choice*, dan tidak diletak sebagai pilihan yang *second class* seolah-olah ia tidak membawa ke mana graduan kita.

Sedangkan perbandingan data kita antara graduan biasa dengan TVET, jauh berbeza. Kalau TVET kita boleh dapat jangkauan sehingga 96 peratus graduan TVET ini mendapat pekerjaan. Dia mendapat pekerjaan kerana pertamanya industri itu bersama kita seperti yang saya sebutkan tadi iaitu di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Komuniti Kolej, kita ada 18 ribu buah industri yang sentiasa bersama kita dalam kursus dan program yang kita tawarkan sehinggalah akhirnya mereka ini selesai mengikuti kursus sijil ataupun diploma dan boleh lagi terus meningkat.

Kalau kita hendak pastikan lagi kebolehpasaran itu lebih baik, kita galak mereka meneruskan pengajian hingga ke peringkat ijazah yang ada 4 MTUN khusus, yang ada di negara kita ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Memandangkan soalan ini penting, saya rasa...

Dato' Haji Husain bin Awang: Satu lagi soalan tambahan...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya beri kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair. Yang Berhormat Senator tadi bangun dua ke-tiga kali sudah... [Ketawa]

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Ya, terima kasih. Okey, baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan InvestEd iaitu suatu inisiatif yang melibatkan kerjasama kementerian, Suruhanjaya Sekuriti serta penggiat-penggiat sektor pasaran modal.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri ialah bagaimanakah inisiatif tersebut dapat menjadi penghubung atau *conduit*, dengan izin, kepada graduan IPTA baharu untuk berkecimpung dalam bidang pasaran modal? Apakah konsep *talent recruitment* yang dilaksanakan menerusi inisiatif tersebut? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Mohammad Yusof bin Apdal: Seperti yang saya telah sebutkan sebentar tadi berhubung dengan usaha KPT dengan Suruhanjaya Sekuriti, kita telah membuat satu persefahaman yang kita akan menggalakkan beberapa program yang kita akan tempatkan dengan suruhanjaya ini untuk kita dedahkan berkenaan daripada segi akademik, apa-graduan itu tetapi juga daripada segi nanti kepakaran mereka.

Seperti yang saya katakan tadi, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan inisiatif terbaharu tersebut iaitu InvestED yang akan memberikan manfaat lebih kurang kepada 9,000 orang mahasiswa. Para peserta yang dalam program ini, akan berpeluang untuk memperoleh pengetahuan teknikal dalam pasaran moden di samping membangunkan kemahiran mereka dalam diri melalui program permentoran iaitu ada beberapa buah korporat ataupun yang ada pada suruhanjaya ini, akan memberikan mereka pendedahan.

Melalui program ini juga, peserta yang menunjukkan prestasi yang baik turut berpeluang untuk diserap masuk terus ke syarikat-syarikat yang dipadankan sebagai pekerja tetap. Program ini seperti yang saya katakan, akan berjalan selama tiga tahun dan mahasiswa itu akan berada dalam industri suruhanjaya ini untuk sama-sama dalam meningkatkan kebolehan kepakaran mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi bin Saad untuk mengemukakan soalan.

Tuan Seruandi bin Saad: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

*Lemang dimasak di dalam buluh;
Soalan saya nombor sepuluh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri... *[Ketawa]* Kena balas pantun itu Yang Berhormat Menteri.

10. Tuan Seruandi bin Saad minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, adakah pelan strategik dalam merangka dan melaksanakan program-program khas untuk pembangunan belia.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Adam Adli Abd Halim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan telah merangka dan melaksanakan program khusus kepada belia berteraskan kepada Dasar Belia Malaysia (DBM), Model Pembangunan Belia Madani 2030 (MPBM 2030) dan Pelan Strategik Kementerian Belia dan Sukan.

Ketiga-tiga dokumen ini memberikan penekanan kepada keperluan dan landskap belia semasa dan masa hadapan bagi memastikan pelaksanaan setiap program yang dirancang berupaya untuk memberikan kesan besar kepada golongan belia dalam negara ini. Pada tahun ini sahaja, bagi memastikan aspek pembangunan belia Malaysia terus di perkasa, KBS telah memberikan fokus utama kepada pelaksanaan inisiatif nafas baharu terhadap program Rakan Muda.

Inisiatif ini juga dilaksanakan dengan hasrat untuk menerapkan pengalaman dan gaya hidup positif kepada anak muda dalam negara ini dan bagi tujuan tersebut, kementerian memperkenalkan 10 gaya hidup baharu Rakan Muda yang antara lainnya adalah:

- (i) Rakan Aktif;
- (ii) Rakan Bumi;
- (iii) Rakan Demokrasi;
- (iv) Rakan Digital;
- (v) Rakan Ekspresi;
- (vi) Rakan Litar;
- (vii) Rakan Mahir;
- (viii) Rakan Muzik;
- (ix) Rakan Niaga; dan
- (x) Rakan Prihatin.

Sebanyak 10 gaya hidup baharu Rakan Muda yang diberikan nafas baharu. Bagi memastikan inisiatif ini dapat direalisasikan secara meluas berpandukan kepada kumpulan

sasar yang telah ditetapkan, KBS merancang sebanyak 500 jenis aktiviti untuk dilaksanakan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah dengan sasaran penyertaan seramai 300 ribu orang belia untuk sepanjang tahun ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Tuan Seruandi bin Saad: Bolehkah kementerian memaklumkan di sini, berapakah umur belia yang sebenarnya? Kalau dulu, 40 tahun ke bawah, sekarang 35 tahun dan terbaharu saya mendapat maklum akan diturunkan usaha tersebut. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Adam Adli Abd Halim: Kepada Yang Berhormat Senator, untuk had umur belia, di bawah Dasar Belia Malaysia, kita tetapkan iaitu antara 15 tahun hingga 30 tahun. Manakala amalan antarabangsa ya, sebenarnya berbeza-beza. Contohnya, di Korea Selatan, sembilan tahun hingga 24 tahun. Kalau Singapura 15 tahun hingga 35 tahun. Kalau Australia, 12 tahun hingga 24 tahun, Kanada, 16 tahun hingga 23 tahun.

Akan tetapi, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu- *United Nations*, ditetapkan sebanyak 15 tahun hingga 24 tahun. Rasional untuk kita tetapkan had umur belia ini adalah untuk pastikan ada kesinambungan daripada segi kepimpinan masa hadapan dan kita menstabilkan identiti belia tersebut supaya apabila kita tidak letakkan jurang yang terlalu jauh antara umur minimum dengan umur maksimum, maka apabila kita bentuk program-program kita, kita tahu golongan sasar ini dapat kita santuni secara keseluruhan dan mereka dapat bersama dalam program-program yang bersepadu.

Malahan, kita juga hendak memantapkan proses pembangunan belia sebab itu bagi saya dan Kementerian Belia dan Sukan, penting untuk kita pastikan kita dapat tetapkan sebuah had umur golongan belia yang mengikuti perkembangan ataupun keperluan semasa. Kalau kita tetapkan had umur belia ini, sedikit lanjut, kita susah untuk lihat ada kesinambungan daripada segi terutama- melahirkan kepimpinan dalam kalangan golongan belia kita.

Kita tidak mahu sekarang ini apabila umur mengundi sudah diturunkan ke umur 18 tahun, namun daripada segi kepimpinan, daripada segi daya fikiran, daripada segi pendedahan terhadap realiti semasa, itu kita anjak sehingga umur yang sedikit lanjut. Maka, kita turunkan, benar kita turunkan- sudah pun mendapat perkenan sebelum ini untuk penurunan ke umur 30 tahun.

■1120

Itu dianggap sebagai satu umur yang selesa dan juga mampu untuk kita bentuk golongan-golongan belia kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Amir bin Ghazali: Soalan tambahan.

Tuan Abun Sui Anyit: Soalan tambahan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Soalan tambahan

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator dari Pulau Pinang ya... [Ketawa]

Tuan Amir bin Ghazali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya hendak ucapkan selamat datang kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung dari Pulau Pinang. Soalan saya adalah, Program Sukan Silat Olahraga. Apakah langkah-langkah kementerian untuk memartabatkan sukan ini agar dapat terus dihormati dan juga diangkat ke peringkat yang lebih tinggi? Untuk makluman, di peringkat Indonesia yang pencak silat tetapi dalam silat olahraga. Ia hanya sampai capai ke Sukan SEA, tidak capai ke sukan Komanwel. Jadi, Yang Berhormat Menteri, minta.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan. Soalannya. Apakah soalannya?

Tuan Amir bin Ghazali: Okey. Soalannya adalah apakah langkah kementerian untuk memartabatkan sukan ini agar dapat mencapai sehingga sukan Komanwel? Sekarang ini cuma sukan SEA sahaja. Ia tidak boleh mencapai ke peringkat yang lebih tinggi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri. Soalan yang unik ini... *[Ketawa]*

Tuan Adam Adli Abd Halim: Soalan yang sebenarnya sedikit lari daripada soalan asal.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apa... *[Ketawa]*

Tuan Adam Adli Abd Halim: Akan tetapi, selain daripada jawapan bertulis untuk fakta-fakta atau data yang lebih terperinci, antara perkara terbaharu atau langkah terbaharu yang dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan sebenarnya adalah mengangkat, bukan sahaja sukan silat ya tetapi juga sukan-sukan lain yang dikategorikan sebagai sukan tempur, iaitu klasifikasi terutama di peringkat sekolah.

Untuk pengetahuan, pembangunan sukan tidak hanya terangkum dalam bidang kuasa Kementerian Belia dan Sukan tetapi juga sebenarnya untuk kita tengok bakat-bakat ini lebih menyerlah dan lebih membangun, kita kena libatkan banyak kementerian lain atau sektor-sektor lain terutama, sektor sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Oleh sebab itu, baru-baru ini Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan telah pun mencapai beberapa ketetapan. Antaranya merupakan penubuhan sebuah *high level council* ataupun Majlis Pengurusan Tertinggi yang mana baharu sahaja bermesyuarat dan mengambil keputusan untuk memastikan sukan tempur termasuk silat dan beberapa yang lain, karate, tekwondo dan sebagainya yang mana sebenarnya adalah antara penyumbang terbanyak kepada pingat-pingat kita dalam sukan SEA dan beberapa kejohanan lain untuk diklasifikasikan sebagai sukan di peringkat sekolah.

Sekarang ini, ia ditakrifkan sebagai badan beruniform. Oleh sebab itu, kejohanan-kejohanan antara sekolah juga sukan untuk dilaksanakan kecuali kejohanan-kejohanan terbuka yang bukan menerusi MSSM atau MSSD. Jadi sekarang, sukan-sukan tempur ini sudah pun diklasifikasikan, sudah ditakrifkan sebagai persatuan sukan. Bulan lagi badan beruniform.

Jadi, urus tadbirnya, keperluan-keperluan semasanya dan juga kerjasama-kerjasama strategik sekarang boleh diadakan dengan persatuan-persatuan sukan dan juga bersama dengan Majlis Sukan Negeri dan juga Majlis Sukan Negara. Itu antara langkah besar yang kita ambil. Selebihnya, kita menggalakkan untuk persatuan-persatuan sukan terus adakan kerjasama-kerjasama yang strategik dan perbanyakkan kejohanan-kejohanan terbuka di peringkat-peringkat akar umbi supaya ia boleh dipertingkatkan kualitinya dan seterusnya menyumbang seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator. Bukan setakat kita boleh menang di sukan SEA tetapi juga kita boleh cemerlang di kejohanan-kejohanan besar lain termasuk Komanwel dan peringkat yang lebih tinggi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam.

11. Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta Menteri Kesihatan menyatakan, jumlah indeks obesiti kanak-kanak bawah 18 tahun sepanjang 10 tahun yang lepas mengikut negeri serta apakah strategi dan tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menangani isu ini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Lukanisman bin Awang Sauni]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran berkenaan tentang keprihatinan beliau berkenaan tentang keadaan obesiti kanak-kanak di Malaysia.

Berdasarkan hasil Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Mobiditi yang telah dijalankan, *prevalence obesity* di mana *body mass index* (BMI) atau indeks jisim tubuh secara keseluruhan dalam kalangan kanak-kanak di sekolah berumur 10 hingga 18 tahun meningkat daripada 12.3 peratus pada tahun 2012 kepada 14.8 peratus pada tahun 2017 dan 14.3 peratus pada tahun 2023.

Mengikut negeri pula, Perlis mencatatkan peratusan obesiti yang paling tinggi iaitu 15.2 peratus pada tahun 2012 dan pada tahun 2022, peningkatan sebanyak 18 peratus peratusan obesiti di negeri Perlis. Saya akan memberikan jawapan secara bertulis berkenaan tentang semua negeri dan juga peratusan-peratusan kenaikan kadar peratusan obesiti.

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan beberapa pendekatan menangani masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak seperti memasukkan komponen pemakanan dalam kokurikulum sekolah, saringan status pemakanan dalam kalangan murid sekolah dan merujuk murid yang obes kepada pegawai sains pemakanan untuk sesi runding cara pemakanan. Pemantauan menu di kantin sekolah juga dijalankan dan bimbingan secara berterusan diberikan kepada pengusaha kantin dan pihak pentadbir sekolah bagi memastikan pematuhan kepada larangan penjualan makanan yang tidak berkhasiat seperti sosej, nugget dan minuman berkarbonat.

Selain itu, KKM bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memperkenalkan Program Hidangan Berkhasiat di Sekolah HiTS di mana senarai menu yang berkhasiat ditetapkan untuk tujuan penyediaan makanan oleh pihak pengurusan kantin sekolah. Inisiatif ini telah dilaksanakan secara sukarela dan sehingga kini sebanyak 78 buah sekolah telah terlibat. Program HiTS ini akan dikembangkan di sekolah-sekolah lain dari semasa ke semasa. Seterusnya, inisiatif Cara Hidup Anda Terbaik (C-HAT) telah dilaksanakan dengan memperkasakan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) untuk melaksanakan aktiviti ke arah amalan pemakanan dan gaya hidup sihat.

Terkini pihak KKM juga telah berkolaborasi dengan pihak *United Nations Children's Fund* (UNICEF) untuk melaksanakan satu projek intervensi obesiti di sekolah yang menyasarkan kepada kanak-kanak yang berlebihan berat badan dan juga obes. Di samping itu, Program Kelab Doktor Muda (KDM) melibatkan murid sekolah sebagai agen kesihatan telah dijalankan di sekolah melalui modul latihan yang mengambil kira komponen cara hidup sihat, senaman, aktiviti fizikal dan pemakanan. Ahli Kelab Doktor Muda yang telah diberi latihan Modul Instruktur Kecergasan juga bertindak sebagai pasukan kecergasan sekolah dalam membantu rakan sebaya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan. Okey. Strategi memperkukuhkan *prevention and primary care* adalah satu- tonggak utama dalam *Health White Paper* untuk menunjukkan bahawa kerajaan serius dan boleh *walk the talk*, segmen kesihatan awam harus diberi KPI yang tinggi untuk menurunkan kadar obesiti kanak-kanak dengan konsisten. Adakah *road map* untuk KPI sudah tersedia dan bolehkah Dewan ini tahu isu kandungan *road map*, atau pelan tindakan tersebut? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Pada ketika ini, selaras dengan pembentangan Kertas Putih Kesihatan, semua perkara berkenaan tentang *road map* tersebut akan kita bentangkan dan juga kita sedang menubuhkan banyak jawatankuasa dan juga *labs* berkenaan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kesihatan awam.

Walaupun demikian, menjurus kepada persoalan berkenaan tentang obesiti ini, ketika ini kita sedang berusaha untuk sekurang-kurangnya mengekalkan tahap peratusan dan juga kita mempunyai cabaran yang sangat besar untuk menurunkan kadar peratusan obesiti ini kerana kita berdepan dengan isu-isu berkaitan dengan gaya hidup yang kurang sihat dan juga pemakanan dan juga cabaran terhadap makanan-makanan yang mengandungi gula yang tinggi dan juga kita sedang mengkaji modul-modul negara-negara luar yang mempunyai amalan hidup yang sihat contohnya seperti di Jepun.

Memandangkan kita kini berada dalam kedudukan yang kedua tertinggi pada tahap peratusan obesiti di kalangan kanak-kanak kita di *Southeast ASEAN region* dan ini sangatlah membimbangkan kerana isu ini saya lihat merupakan isu masa depan, pemimpin masa depan kita haruslah merupakan pemimpin yang sihat. Kita cuba untuk mengurangkan kadar obesiti ini melalui aktiviti-aktiviti yang telah kita rancang. Seperti apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran, kita akan mengambil secara serius dan juga akan melibatkan semua pakar dan juga masyarakat berkenaan tentang isu-isu berkaitan kesihatan awam ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan. Kalau tidak ada.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Soalan tambahan saya. Apakah pelan kementerian untuk mengekang amalan banyak restoran dan gerai yang menggunakan terlalu banyak gula dan menambahkan keju kepada pelbagai jenis makanan?

■1130

Saya pastikan makanan ini tidak sihat dan menjejaskan kesihatan rakyat yang menjurus kepada peningkatan indeks obesiti Malaysia.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kalau kita lihat dalam konteks kebudayaan di Malaysia dan juga amalan makanan dan juga penjualan makanan kita, kita sangat-sangat terkenal dan sangat-sangat kaya dengan cita rasa makanan yang pelbagai. Itulah yang saya maksudkan cabaran yang dihadapi oleh KKM.

Walaupun demikian, kita sentiasa mempunyai kriteria ataupun panduan-panduan yang boleh diikuti oleh pengusaha-pengusaha makanan untuk meletak kandungan perisa ataupun gula di dalam kandungan makanan tersebut.

Walaupun demikian, kita masih lagi tidak dapat mengawal. Sebagai contoh di negeri Sarawak sangat-sangat terkenal dengan kek lapis dan juga untuk mengawal kadar gula di dalam kek lapis itu adalah sangat-sangat sensitif kepada chef-chef yang menyediakan kek tersebut.

Walaupun demikian, kita akan sentiasa secara berterusan dan konsisten melalui pegawai kesihatan pemakanan kita untuk menguar-uarkan apakah jumlah dalam makanan. Juga kita mempunyai inisiatif di dalam KKM dengan melaksanakan inisiatif *MyChoice* ataupun *MyMeal* di semua rangkaian restoran termasuk restoran francais, syarikat segera, syarikat persendirian.

Juga dalam konteks KKM juga kita mempunyai bacaan kalori dalam hidangan makanan. Dengan itu, kita boleh menghitung kalori kita untuk mengawal kadar *intake* kalori di dalam badan. Itu merupakan satu amalan yang mungkin boleh dimulakan ataupun dipraktikkan di dalam kafeteria di dalam Parlimen ini kelak.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 12.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

12. Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, pelan tindakan bagi memastikan bahawa warga emas dalam kalangan kumpulan B40 yang tidak pernah dapat dijaga oleh keluarga mereka boleh diberi jagaan di bawah naungan pihak Kementerian.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hajah Raj Munni binti Sabu]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif dalam konteks memperkasa dan menyejahterakan warga emas di negara ini.

Inisiatif dan program yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada dimensi penuaan yang terkandung dalam dasar warga emas negara iaitu penuaan aktif, penuaan positif, penuaan sihat, penuaan produktif dan penuaan menyokong. Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson ini Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga kini telah mengendali dan menguruskan 12 buah rumah perlindungan warga emas di seluruh negara iaitu Rumah Seri Kenangan dan juga Rumah Ehsan.

Tujuan utama penubuhan Rumah Seri Kenangan adalah untuk menempatkan warga emas yang tidak mempunyai waris ataupun penjaga dan yang berupaya menguruskan diri dan memberi jagaan dan perlindungan demi menjamin keselamatan dan kesejahteraan serta kualiti hidup mereka. Manakala Rumah Ehsan adalah bagi menempatkan warga emas yang tidak berupaya mengurus diri sendiri, tidak menghadapi penyakit berjangkit dan disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan sebagai penyakit melarat.

Dalam menyokong usaha untuk mengekalkan golongan warga emas dapat terus menikmati kehidupan bersama keluarga, KPWK melalui JKM telah pun menyediakan bantuan warga emas sebanyak RM500 sebulan sebagai saraan hidup kepada warga emas yang memerlukan bantuan untuk terus tinggal dalam komuniti. Bagi memenuhi syarat, bantuan ini boleh juga dipertimbangkan kepada warga emas yang mempunyai anak tetapi anak-anak mereka berpendapatan rendah dan tidak mampu untuk menyumbang kepada ibu dan bapa mereka.

Pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, kita di peringkat KPWK juga mempunyai beberapa lagi inisiatif iaitu Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) kepada warga emas ini kurang lebih 161 buah di seluruh negara. Kita juga ada khidmat bantu di rumah dan

juga Pusat Program Sokongan Sosial Setempat yang memberi manfaat kepada 3,700 orang warga emas.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan menghantar ibu bapa ke Institusi Penjagaan Warga Emas seharusnya merupakan langkah terakhir dan bukannya tindakan permulaan dalam menyelesaikan masalah penjagaan golongan itu dalam keluarga. Seperti mana kita meletakkan tanggungjawab ibu bapa kepada anak-anak, maka tanggungjawab kepada ibu bapa juga adalah terletak kepada anak-anak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Soalan tambahan. Sebelum soalan tambahan, daripada setahun lebih yang saya berada di sini, masih lagi 12 SK dan sama juga angka tersebut. Belum naik-naik lagi tetapi warga tua ataupun warga menua statistik dia semua tahu sudah naik.

Maka, saya harapkan bahawa satu tindakan segera diambil oleh kementerian dan seterusnya apakah rancangan kementerian untuk membuka Pusat Jagaan Harian, *Day Care Centre*, dengan izin, untuk kategori yang sama. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Hajah Raj Munni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita mendapat maklumat bahawa negara kita akan menjadi sebuah negara tua berdasarkan pada kajian *United Nations* pada tahun 2030. Akan tetapi tidak bermakna semua warga tua itu memerlukan perlindungan daripada pihak kerajaan.

Saya mengakui bahawa kita ada 12 buah pusat perlindungan ini. Sebenarnya kalau kita lihat di sudut kapasitinya iaitu 1,640. Akan tetapi yang masuk ke tempat pusat rawatan yang kita sediakan, tidak pun melebihi daripada kapasiti itu masih boleh lagi dimuatkan. Pada masa yang sama, perancangan pembinaan baharu untuk Institusi Warga Emas juga ada di dalam rangka kerja kita.

Di mana, kerajaan mempunyai perancangan membina dua lagi Institusi Warga Emas yang baharu iaitu Kompleks Ehsan di Slim River. Kos projek lebih kurang RM77 juta dan dalam proses penyediaan dokumen. Pada masa yang sama, membina Kompleks Penyayang Sinar Kasih, Pulau Pinang yang juga dijangka siap dalam tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada pun di sudut harian itu, kita telah pun menyediakan Pusat Aktiviti Warga Emas yang boleh juga anak-anak ini menghantar ibu bapa ke situ untuk beraktiviti bersama dengan komuniti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau tiada soalan tambahan, saya rasa saya boleh...

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: Satu, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak. Selepas ini saya hendak habiskan soalan 13.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan 13 saya benarkan tetapi tiada soalan tambahan ya. Selepas tanya soalan dan Menteri menjawab, tiada soalan tambahan.

Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 13.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

13. Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan apakah strategi dan usaha Kementerian untuk menolong seramai hampir 90,000 orang pemohon lepasan SPM tahunan yang layak tetapi gagal mendapat penempatan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atas pelbagai faktor.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Mohammad Yusof bin Apdal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu pelajar yang layak tetapi gagal mendapat penempatan di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), kementerian telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) pelajar yang tidak berjaya ditawarkan tempat di IPTA dan ILKA boleh membuat permohonan rayuan. Penawaran permohonan rayuan adalah untuk mengisi kekosongan tempat jika pelajar yang berjaya pada masa pertama tetapi menolak tawaran. Pelajar yang membuat permohonan rayuan hanya akan ditawarkan program pengajian luar pilihan sekiranya mereka menyatakan persetujuan untuk menerima program pengajian di luar pilihan semasa mengemukakan permohonan rayuan di *UPU online*;
- (ii) KPT melalui Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti telah memudahkan proses kemasukan. Ini bermaksud permohonan boleh dibuat sama ada melalui *UPU online* ataupun secara *walk in* terus dengan sesebuah institusi tersebut. Prosedur yang sama juga berlaku di empat Institusi Latihan Kemahiran Awam ILKA yang menyertai UPU;
- (iii) pelajar lepasan SPM diberi peluang untuk membuat permohonan UPU *online* sebanyak tiga sesi akademik. Sebagai contoh, lepasan SPM 2021 yang layak tetapi gagal permohonan *UPU online* sesi akademik 2022/2023 boleh membuat permohonan pada sesi akademik 2023/2024 dan sesi akademik 2024/2025. Pelajar juga boleh menggunakan keputusan peperiksaan ulangan yang ditampal di Sijil Pelajaran Malaysia;
- (iv) Politeknik, Kolej Komuniti, Institusi Kemahiran Awam dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta turut dilibatkan dalam program promosi 'Jom Masuk U'. Melalui *UPU online*, pelajar bebas membuat pilihan bidang yang ingin dipelajari di peringkat Pendidikan Tinggi.

Namun, kejayaan pelajar mendapat tempat di IPTA bukan hanya melihat kepada pencapaian akademik semata-mata tetapi bergantung pada kedudukan merit memenuhi syarat dan syarat khas yang ditetapkan. Bilangan tempat yang disediakan serta lulus temu duga dan atau ujian bagi program pengajian yang menetapkan keperluan berkenaan.

Secara kesimpulannya, kementerian senantiasa mengambil serius semua usaha meningkatkan akses ke pendidikan tinggi, konsisten, mempergiat dan menyebarkan akses ke pendidikan tinggi. Sehubungan itu, KPT juga tidak menghalang pelajar yang ingin menyambung pelajaran melalui saluran terbuka Universiti Awam mahupun Institusi Pendidikan Tinggi Swasta yang menawarkan bidang yang diminati pelajar.

■1140

Bagi lepasan STPM dan setaraf sekiranya pelajar masih gagal dalam permohonan rayuan universiti awam akan membuat ambil sendiri ke program ijazah sarjana muda selepas daripada tamat tempoh penyelarasan kemasukan oleh KPT iaitu setelah tamat tempoh penawaran rayuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Dewan dengan ini tamatlah sesi Soalan Lisan kita pada pagi ini, Setiausaha.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG TENAGA BOLEH BAHARU (PINDAAN) 2023

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” **[21 Jun 2023]**

Timbalan Yang di-Pertua: Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad untuk membahaskan.

11.40 pg.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua sebelum saya meneruskan ucapan saya dalam membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Tenaga Boleh Baharu 2011.

Saya ingin merujuk kepada firman Allah SWT... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]
“*Sungai-sungai yang mengalir di bawahnya*”.

Alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah SWT kerana bumi kita dianugerahkan oleh Allah SWT dengan alam semula jadi yang banyak umpamanya kita mempunyai panjang pantai tidak kurang daripada 4,800 kilometer. Kita mempunyai pulau-pulau yang banyak hampir 100,000 dan banyak pulau itu dapat dimanfaatkan untuk pelancongan dan sebagainya.

Sebahagian pulau diduduki dan sebahagian pulau masih belum diduduki walaupun negeri Kelantan tidak mempunyai sebarang pulau. Pada masa yang sama kita melihat bahawa kita mempunyai sungai-sungai yang datang dari hulu-hulu banyak sungai dan juga kita melihat bahawa tenaga angin yang telah digunakan oleh beberapa buah negara maju tetapi belum dimanfaatkan, di belum dieksplot oleh negara kita.

Begitu juga beberapa- sumber alam semula jadi. Kalau dahulu kita hendak membuat tenaga ini hendak membekalkan tenaga dahulu menggunakan diesel, petrol, arang batu. Oleh sebab selepas daripada *Rio Declaration*, dengan izin, dunia sudah mula lari daripada penggunaan tenaga-tenaga kotor untuk membekalkan tenaga seperti kalau di Indonesia dipanggil batu bara, di Malaysia arang batu dan kita terpaksa mengimport arang batu ini untuk menjana tenaga bagi kegunaan elektrik negara.

Memang kalau kita negara kita menuju ke arah industri sudah semestinya kita mempunyai memerlukan banyak tenaga, dan *alhamdulillah* hari ini dua rang undang-undang serangkai, dia serangkai ini iaitu suatu akta untuk meminda Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 dan satu lagi yang dipanggil suatu akta untuk meminda Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2011. Ia datang serentak.

Oleh sebab kalau tidak ada yang kemudian daripada ini maka yang satu ini tidak berfungsi. Jadi, *alhamdulillah* dia datang bersama untuk memudahkan kementerian dan kerajaan. Cuma hari ini antara ayat yang dipinda pada akta ini sama. Sama ada rang undang-undang Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2011 ataupun Akta Tenaga Boleh Baharu 2011. Dia pindaannya adalah kerana melibatkan Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Oleh sebab semua tenaga ini mesti ditempatkan di atas tanah. Ia bukan atas awan, ia di atas tanah. Di tanah itu kalau di Sarawak dia ada *Sarawak Land Ordinance*. Kalau di Sabah, dia ada *Sabah Land Ordinance* manakala di Semenanjung Tanah Melayu atau Semenanjung Malaysia dan Labuan ia menggunakan Kanun Tanah Negara. Ada perbezaan.

Manakala penguasa bagi *Sabah Land Ordinance* adalah Jabatan Tanah dan Ukur Sabah manakala bagi Sarawak adalah Jabatan Tanah dan Ukur Sarawak. Akan tetapi di Semenanjung Malaysia dan di Labuan ia ada dua pihak berkuasa. Satu, Jabatan Ketua

Pengarah Tanah dan Galian dan satu lagi Jabatan Ukur dan Pemetaan. Itu profesion saya lah, Jabatan Ukur dan Pemetaan.

Akan tetapi kalau menariknya di Sabah dan Sarawak ini Jabatan Tanah dan Ukur, juruukur tanah mendapat tempat yang istimewa. Macam sekarang Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah iaitu seorang Juruukur, Datuk Safar Untong dan di Sarawak pos yang paling tinggi pernah dicapai oleh seorang Juruukur di Sarawak iaitu Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pembangunan. Itu di Sabah dan Sarawak kerana Jabatan Tanah dan Ukur.

Jadi sebab-sebab mengapa diperkenalkan pindaan ini misalnya kata dia kata pindaan seksyen ini Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam warta menggantung kuat kuasa keseluruhan atau mana-mana peruntukan akta ini di bahagian-bahagian yang berlainan di Malaysia kerana disebabkan oleh *land matters* Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia yang berbeza.

Cuma saya hendak maklumkan mencadangkan pada pihak kerajaan hari ini. Oleh sebab kita mempunyai sumber alam semula jadi yang sangat meluas. Kalau dahulu selepas daripada kita lari daripada petrol, diesel dan arang batu kita pergi kepada empangan. Empangan ini memerlukan kos yang besar, Empangan Kenyir, Empangan Pergau, Empangan Bakun dan Liwagu dan sebagainya. Berbagai-bagai empangan.

Kita memerlukan kos yang besar dan kuasa menjana kalau berbanding dengan yang dikeluarkan oleh sama ada diesel dan petrol ia lebih kecil walaupun ia menggunakan tenaga air terjun dan sebagainya. Air yang dilajukan untuk memutar turbin tersebut tetapi kuasa mengeluarkan pun lebih kecil daripada yang menggunakan misal kata di Paka yang menggunakan sama ada gas, petrol dan diesel. Walau macam mana pun, *alhamdulillah* apabila banyak kebanyakan jana kuasa ditukar kepada gas dia lebih mesra alam berbanding dengan diesel dan petrol.

Kemudian berskala kecil kalau macam di Kelantan berpuluh-puluh. Ia pergi kepada mini hidro juga menggunakan tenaga-tenaga sungai. Tenaga sungai bermakna aliran sungai dialihkan sedikit untuk menjalankan turbin dan adalah sekitar perkiraan tertentu yang dapat dimanfaatkan tetapi kuasanya belum cukup untuk membantu industri.

Akan tetapi sekarang ini, *alhamdulillah* nampaknya kita *progress* kita makin maju sedikit. Kita telah menggunakan tenaga solar dan tenaga solar pun memerlukan keluasan tanah yang besar juga. Kalau setakat 100 ekar itu dia tidak boleh mengeluarkan tenaga yang banyak tetapi, *alhamdulillah* kita tengok banyak yang telah beralih kepada tenaga solar.

Cuma tenaga solar ini kosnya dapat dijimatkan dari saban tahun ke saban tahun kerana teknologi pembuat panel-panel solar ini sudah ada elemen *competition* dan mereka dapat menjimatkan kos panel-panel solar ini. Akan tetapi masalahnya memerlukan satu keluasan tanah yang besar. Akan tetapi kalau kita tengok di luar negara sepanjang kita

berjalan mereka menggunakan kincir angin. Kita tengok kincir angin ini keluasan yang digunakan lebih jauh lebih kecil daripada solar, jauh lebih kecil daripada solar.

Kesan sampingan kepada *area* setempat kurang kerana solar ini walau macam mana dia tempias itu ada bahayanya juga panel tersebut ada kesan kerana bahan buangan nanti itu ada satu, ada elemen toksik tidak macam kincir angin.

Jadi sebab itu saya minta kerajaan supaya memikirkan teknologi angin, teknologi kincir angin sebagai satu teknologi baharu yang kita hendak manfaatkan selain daripada ombak kerana ombak nampaknya kita masih belum begitu bersungguh-sungguh membuat kajian untuk menggunakan. Ombak kalau sepanjang Pantai Timur semenanjung itu kita tengok bahawa kuasa ombak cukup kuat sebab dapat menghakis 100 meter dan sebagainya pantai.

■1150

Jadi kita boleh manfaatkan tenaga ombak untuk mengeluarkan tenaga. Jadi, *insya-Allah* lah kita mengharapkan bahawa kerajaan membuat kajian yang lebih supaya menggunakan segala semula jadi yang Allah SWT memberikan kepada kita selain daripada yang telah kita ada dalam rangka kita. Ini kerana tanah kita bukan semakin besar.

Mungkin sekarang ini kita sedang buat di negeri dalam keadaan sekarang ini negeri Kelantan. Terima kasih kepada kerajaan terutama Tenaga Nasional Berhad yang telah membina empangan negeri yang mungkin dalam dua, tiga tahun lagi dapat menjana elektrik selain daripada empangan di Jeli, di Pergau.

Cuma, saya minta kalau boleh kerajaan membuat kajian yang mendalam tentang ombak ini kita mempunyai ombak maknanya alam semula jadi percuma daripada Allah SWT untuk di manfaatk bagi rakyat kita negara kita. Akan tetapi, akhirnya kita bimbang sampai satu peringkat kita bimbang takut-takut negara kita terpengaruh dengan negara-negara maju hingga terpaksa menggunakan tenaga nuklear. Ini yang dibuat oleh negara-negara maju kerana mereka merasa mereka tidak ada pilihan.

Mereka terpaksa mengguna tenaga nuklear. Ini amat bahaya bila mana berlaku kebocoran seperti mana yang berlaku di Fukushima dan sebagainya amat bahaya kepada kawasan setempat. Jadi, saya mohon supaya kerajaan memanglah kerajaan Yang Berhormat Menteri oleh sebab melibatkan Sabah, Sarawak dan Semenanjung sememangnya kuasa perlu diberi kepada Yang Berhormat Menteri untuk memastikan tenaga ini cukup di semua kawasan di negara kita.

Walaupun saya faham macam di Sabah, gangguan-gangguan masih banyak berlaku dan untuk negeri Sabah lebih banyak lagi industri-industri maka kerajaan mesti memikirkan lebih banyak jana kuasa-jana kuasa untuk melancarkan. Kalau negeri Sabah ingin menjadikan negeri tersebut lebih banyak kawasan-kawasan industri.

Selain daripada itu, masing-masing negeri ini Tuan Yang di-Pertua dia ada penguasa masing-masing. Kalau misal kata di Semenanjung Tenaga Nasional Berhad tetapi di Sabah,

Sabah Electricity Board kalau nama tidak ditukarlah... [Ketawa] *Sabah Electricity Board* dan di Sarawak pun dia ada *Sarawak Electricity Board* dia juga. Maknanya dia ada penguasa lain.

Kalau dahulu di Sabah ini- Tenaga Nasional Berhad (TNB) dipinjamkan, kalau dahulu. Saya rasa mungkin dalam 10 tahun ke belakang ini baru dia sudah, dia menggunakan tenaga pakar tempatan. Kalau dahulu *Sabah Electricity Board Sdn. Bhd. (SESB)* ini CEO dia dipinjamkan daripada Tenaga Nasional Berhad. Satu lagi ada sedikit kompleks di sini mungkin Yang Berhormat Menteri mungkin ada sedikit isulah kerana Labuan itu dari sudut undang-undang tanah dia sudah ikut Kanun Tanah Negara.

Akan tetapi, dari sudut *electricity* daripada tenaga elektrik dia masih dibekalkan oleh *Sabah Electricity Board*. Jadi, dia mungkin ada sedikit isu pentadbiran dan isu berkaitan dengan tanah di situ. Jadi, *insya-Allah* sudah sewajarnya pindaan ini diadakan untuk memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri supaya tidak mengganggu perjalanan, Orang Putih kata, "*issuance*" makna pengeluaran lesen-lesen baharu kepada mereka yang berminat untuk melabur dalam sektor penjanaan kuasa ini.

Ini kerana seperti kita sedia maklum, kita masih lagi walaupun kita difahamkan negara kita sudah mempunyai di Semenanjung ini sudah mempunyai tenaga yang cukup bahkan Tenaga Nasional yang empangan di Pergau itu dianggap sebagai *temporary* maknanya kalau mana dekat lain ada masalah yang situ dikeluarkan, dican-kan untuk membekalkan ke seluruh negara.

Sekarang ini pun *alhamdulillah* Tenaga Nasional sendiri pun telah mengeluarkan rangkaian *transmission line* itu pun sudah sampai 500 KV sudah dan dia kena pergi satu tahap 1,000 KV sudah. Banyak negara lain, kalau dahulu 3 KV, 66 KV, 132 KV, 275 KV kemudian sekitar lebih kurang dalam 25 tahun dia sudah naik 500 KV. Mungkin satu masa nanti rangkaian *transmission network*, dengan izin, *transmission network* untuk TNB ini mungkin akan naik sampai 1,000 KV untuk membawa bekul yang lebih besar.

Jadi, sudah tentu kita memerlukan jana kuasa-jana kuasa besar untuk melalui *transmission network* yang berkapasiti 1,000 KV. Jadi, saya mohon menyokong untuk demi pembangunan masa depan negara dan juga supaya tenaga yang kita bekalkan ini tenaga yang tidak mengancam negara kita, penduduk setempat dan kelestarian negara kita. *Wallahualam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Minta Yang Berhormat Menteri menolong menjawab nanti *clarify* berhubung dengan Sarawak tadi ya.

Sarawak sudah pergi hidrogen, macam-macam lagi. *More advance than any other nation around this area in this region. So, kalau cakap hal energy itu, I think we all have to go to Sarawak and learn.*

Saya jemput Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

11.56 pagi.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun sebenarnya hendak sebut dan hendak beri *appreciation* khusus pada Sarawak tentang *energy* ini, hidrogen *energy*. Namun sebagai permulaan saya juga sangat tahu, saya bukan orang undang-undang.

Cuma, dalam membicarakan tentang akta ini saya ada sedikit keraguan atas kekurangan ilmu undang-undang Tuan Yang di-Pertua. Semalam bila kita bincang hal koperasi bila saya sebut tentang keraguan dari sudut undang-undang yang memberi izin kepada Yang Berhormat Menteri untuk menamatkan mana-mana Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi tanpa apa-apa sebab.

Ini satu- benda yang sedikit menghantui perasaan orang yang tidak reti undang-undang tetapi rasa bimbang. Hari ini juga kita bincang Yang Berhormat Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam warta menggantungkan kuat kuasa keseluruhan atau mana-mana peruntukan akta ini di bahagian-bahagian yang berlainan di Sarawak.

Ertinya, sekira-kira semacam ada suatu kuasa mutlak *at any time* untuk Yang Berhormat Menteri boleh memperlakukan ataupun membuat perkara ini. Saya menyebutkan ini saya bimbang walaupun semalam Yang Berhormat Menteri Koperasi menyebut “*saya*” sebagai Yang Berhormat Menteri tidak akan atau “*saya*” akan memastikan.

Kalau hendak menamatkan itu mestilah mungkin, antara, kerana, tidak *perform* tetapi perkataan “*saya*”, saya fikir tidak boleh mewakili Dewan ini. Oleh sebab, undang-undang ini untuk sepanjang masa selagi ia belum dipinda dan dengan itu ertinya bila-bila masa sahaja kerajaan berubah dan Yang Berhormat Menteri berubah maka akta yang diperuntukkan oleh undang-undang ini atau akta ini akan juga boleh dibaca menurut apa yang ditulis pada undang-undang pada akta. Jadi, saya nanti mahu sekali lagi minta penjelasan daripada perkara ini.

Kedua, saya terus pergi juga kepada isu tenaga boleh baharu. Saya fikir akta ini sangat penting dari sudut jangka masa depan yang panjang. Hari ini kita berbincang tentang kebanyakan dalam negara ini membabitkan tenaga tidak boleh baharu. Sekarang memang dunia sedang bergerak kepada tenaga atau dipanggil *green energy* ataupun tenaga boleh baharu yang tidak membabitkan sumbernya yang terputus.

Oleh sebab itu, akta ini saya fikir amat penting dan bukan sekadar di Sabah tetapi untuk di seluruh Malaysia. Awal tahun ini, Presiden PETRONAS membuat satu ucapan yang sangat ke depan apabila meletakkan bahawa tahun lepas industri petroleum masih lagi duduk di posisi yang sangat bagus menguntungkan dan dia kata bermula pada tahun ini, petroleum sebagai sumber tenaga bakal mula menurun. Tidak lagi boleh merayakan untung belasan persen tetapi bakal akan hanya boleh mempunyai untung satu digit.

■1200

Ertinya ke depan dia memberi amaran sumber tenaga yang bakal diterokai ataupun menguasai dunia merupakan sumber tenaga boleh baharu atau *green energy*. Jadi sebab itu saya fikir tajuk ini sangat penting untuk kita bincangkan bersama. Tenaga boleh baharu dia bukan beberapa perkara ini sahaja, saya meninjau sedikit antara bidang yang terbabit dengan tenaga boleh baharu termasuk hidroelektrik, suria- *solar*, *biomass*, angin, air- hidrogen, ombak, kolam air panas dan lain-lain. Tadi bila Tuan Yang di-Pertua menyebut tentang proaktifnya Sarawak. Saya fikir ini mungkin proaktifnya, *Premier*-nya.

Hari ini Sarawak sudah mendahului tenaga hidrogen- *hydrogen energy*, Sarawak sudah pun mengeluarkan produk walaupun dalam bentuk *pilot product* barangkali *the first bus in Asia* yang sudah di jadikan *pilot product* untuk menggunakan tenaga hidrogen. Ertinya masa depan kita ini bukan sahaja Sarawak yang kita bincang menurut perspektif undang-undang hari ini, akta ini yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri semalam.

Ertinya di seluruh Malaysia program ke arah tenaga boleh baharu ini akan terus berkembang dengan memperkenalkan sekarang mungkin tenaga hidrogen ini dianggap mahal, macam juga dahulu masa mula telefon dikeluarkan saya ingat besarnya telefon itu diangkat seorang, boleh tahan angkat pergi kereta letak atas meja punya *act* sebab dia ada telefon besar. Kotak telefon itu, sekarang telefon itu sudah macam kotak mancis. Dahulu punya mahal tetapi sekarang sudah terlalu murah.

Ertinya dengan teknologi yang terus diperkenalkan yang sekarang disebutkan tentang *electrolyzer* berkuasa hidro yang terus dikembangkan di Sarawak itu, bidang tenaga hidrogen ini juga nanti akan jadi satu pilihan yang besar bukan di Sarawak saya fikir *insya-Allah* di seluruh Malaysia.

Sekarang ini dalam bidang yang lain saya tengok beberapa buah negara walau negeri yang kita anggap ke belakang daripada kita. Contohnya di Ethiopia, di Afrika keluar sahaja daripada *Airport Bole Addis Ababa* tidak berapa jauh daripada *airport* itu di lerengan gunung, bukan gunung pun bukit-bukit yang tinggi terpacak sana *wind will* panjang kawasannya. Sumber tenaga angin yang dipergunakan untuk tujuan kuasa yang menggunakan tenaga boleh baharu. Kita punya pantai yang panjang tadi Yang Berhormat Apandi- menyebut kenapa tidak mungkin- ini juga prospek nanti yang sangat besar untuk penggunaan tenaga boleh baharu. Lain daripada bidang-bidang yang lain mungkin angin, mungkin solar, yang sedang berkembang sekarang.

Jadi saya fikir undang-undang ini tidak terfokus isu untuk fokus Sabah tetapi undang-undang ini atau akta ini bahkan nanti ia memberi satu penerokaan besar dalam bidang pengeluaran teknologi tenaga di seluruh negara *insya-Allah*.

Cuma saya- satu lagi, minta maaf Tuan Yang di-Pertua sikit lagi saya hendak tambah. Saya hendak sebutkan juga sekarang ini kalau boleh selama ini kita bicara tentang tenaga

memang katanya okey, Semenanjung *consider* sudah cukup tetapi semua rakyat bicara tentang harga tenaga elektrik yang terus meningkat atau tidak terjamin daripada segi ke depannya. Apakah mungkin bidang-bidang ini nantinya bakal dapat menurunkan harga bahan elektrik di seluruh negara?

Pun kalau misalnya pihak kerajaan boleh menimbangkan supaya menggalakkan di kalangan perseorangan untuk mungkin berskala kecil mahupun korporat untuk berskala besar bersama dengan TNB dan agensi-agensi yang lain ini untuk memperkayakan lagi pengeluaran tenaga di negara kita ini dengan sekurang-kurang *insya-Allah* tidaklah hanya satu *company* yang memonopoli bidang pengeluaran tenaga yang boleh naik dan turun menurut kuasa monopoli.

Akan tetapi dengan *competition* yang lebih besar di pelbagai pihak yang menyumbang dalam pengeluaran tenaga ini akan dapat bersama-sama menurunkan harga elektrik misalnya dan juga memberi khidmat kepada kos sara hidup untuk diturunkan di negara kita ini sendiri. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang ada dan mudah-mudahan *insya-Allah* akta ini membuka ruang yang lebih besar untuk industri tenaga boleh baharu dalam negara. Saya dengan ini menyokong akta yang kita bahaskan ini. *Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Saya jemput sekarang Yang Berhormat Datuk John Ambrose. Ada...? Ah, ada.

12.06 tgh.

Datuk John Ambrose: Tahniah Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah dan terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023.

Tuan Yang di-Pertua, isu gangguan bekalan elektrik masih menghiasi dada akhbar pada 2022 memang merupakan sesuatu yang memalukan rakyat bagi rakyat Malaysia. Malang sekali lagi menjadi peringatan mengenai kelemahan Grid Nasional kita.

Bagi rakyat Sabah kesan buruknya terhadap industri dan hospital memang menjejaskan pekerjaan malah boleh membahayakan nyawa. Tanpa dasar penyelesaian yang proaktif dan boleh dilaksanakan, Sabah akan berdepan cabaran untuk menarik pelaburan seterusnya menyebabkan kualiti kehidupan penduduknya terus merudum. Hampir 25 tahun selepas penyelesaian Sabah Electricity (SESB), infrastruktur lapuk yang diwarisinya semakin mereput. Maka tidak hairanlah ini membawa kepada masalah penghantaran serta pengagihan tenaga yang terus berulang malah tiada kesudahannya di seluruh negeri ini.

Dengan campuran sumber tenaga sama-sama merangkumi 11 persen daripada diesel berbanding hanya 10 persen tenaga hidro semakin jelas bahawa perjanjian tenaga boleh baharu amat diperlukan. Jika negara jiran Indonesia pun bersedia mengorak langkah baru

menarik pelaburan dan memindahkan ibu negara ke Borneo maka Malaysia juga sekurang-kurangnya patut bermula semula dengan grid tenaga Sabah.

Namun sebelum limpahan sumber yang ada untuk menjadikan Sabah penjana tenaga boleh baharu dapat dimanfaatkan beberapa halangan ke arah masa depan hijau perlu diberi perhatian terlebih dahulu. Dengan imejnya sebagai hab ekopelancongan selain kebajikan rakyatnya kini mempertaruhkan amalan sedia ada iaitu kitaran pergerakan sesuatu skor dan kurang tindakan perlu dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keputusan dengan Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah baru ini telah memutuskan satu Sidang Khas Dewan Undangan Negeri (DUN) setelah Sabah telah dijadualkan pada 3 Januari 2024 bagi membuka laluan pada Sabah mengambil alih kawasan selia bekalan elektrik di negeri. Ini dimaklumkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada dasarnya telah memberi persetujuan pada Sabah untuk mengambil alih kawalan selia bekalan elektrik bermula 1 Januari 2024.

■1210

Saya ingin merakam ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang terus menerus memastikan isu ini selesai sehingga jayanya agar rakyat terus mendapat pembelaan dan pengagihan yang adil. Pengerusi SESB-pun sudah dilantik oleh Ketua Menteri Sabah iaitu Yang Amat Berhormat Madius Tangau. Inilah nampak kita ini serius bagi mengambil alih daripada TNB. Dahulu TNB yang menjalankan SESB di Sabah selama berpuluh-puluh tahun. Mereka rugi banyak, bukan alang-alang.

Untuk mencapai garis sasaran yang ditetapkan itu, penyerahan dan kerjasama semua pihak adalah penting supaya semua isu terutama proses perundangan dapat diselesaikan dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Penyerahan Kuasa Kawalan Selia Pembekalan Elektrik Negeri Sabah adalah amat penting bagi memuktamadkan semua perkara.

Antara langkah yang perlu diambil ialah mendapat kelulusan daripada Kabinet Persekutuan untuk memohon dan menawarkan Artikel 95(C), Perlembagaan Persekutuan untuk menggantung Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 448], Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725], dan Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2011 [Akta 726] di Sabah. Seterusnya, mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah diperlukan untuk disusuli dengan urusan *lay order* semasa sidang Parlimen yang boleh dibentangkan selepas tarikh penggantungan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kecurian elektrik di Sabah ini memang teruk juga seperti perkara masalah kecurian elektrik. Saya dilaporkan bahawa Sabah Electricity Sdn.

Berhad (SESB) rugi RM20 juta setahun akibat aktiviti penyambungan elektrik secara haram di Sabah dan juga di Labuan. Malah 25 peratus gangguan bekalan elektrik adalah berpunca daripada kegiatan berkenaan. Ada 193 koloni setinggan seluruh Sabah dan Labuan sehingga anggaran 31 buah rumah yang mencapai pendapatan bekalan elektrik secara tidak sah. Sebanyak 25 peratus gangguan elektrik- punca kegiatan sambungan elektrik haram yang menyebabkan kerugian RM20 juta setahun.

Saya mengambil kesempatan kerana mendapat maklum daripada pihak agensi yang melaksanakan projek bersepadu bagi membanteras penyambungan haram di Kampung Numbak iaitu satu koloni setinggan melibatkan hampir 1,000 buah rumah. Operasi ini juga mengelakkan isu keselamatan kebakaran termasuk litar pintas akibat sambungan haram.

Usaha ini juga bagi mengelakkan insiden menyebabkan kematian setelah sentuhan wajar yang tidak bersalut. Begitu juga sejak tahun 2016 sehingga kini mendapat tujuh kes maut melibatkan orang awam. Saya berterima kasih dan saya juga menerima beberapa laporan iaitu terdapat banyak penduduk yang cuba menghalang- SUV memasuki lorong ke rumah mereka dengan mengatakan jambatan terbabit tidak boleh dilalui kerana pegawai-pegawai ini mahu memotong wayar-wayar di rumah-rumah mereka.

Oleh sebab itu, saya menyarankan agar pihak kerajaan wajar mengenakan hukuman yang lebih berat kepada pelaku individu yang membuat sambungan bekalan elektrik dan bekalan air secara haram di negeri Sabah. Dalam sidang media baru-baru ini, ADUN Kuamut mencadangkan agar satu 'jawatankuasa siasatan bebas' juga perlu ditubuhkan bagi menyiasat kerugian bekalan elektrik dan air yang bertambah serius di Sabah. Saya juga menyokong penuh cadangan tersebut dan sudah tentu jika jawatankuasa bebas ini dipersetujui, ia bukan sahaja bertindak menjalankan siasatan tetapi perlu mengemukakan kertas cadangan kepada kerajaan termasuk hukuman lebih berat kepada pelaku...

Tuan Yang di-Pertua: Lagi panjang Yang Berhormat?

Datuk John Ambrose: Saya *kasi* pendeklah Tuan Yang di-Pertua. Cuma ini seksyen-seksyen sahajalah. Seksyen 53, Enakmen Bekalan Air Sabah 2023, seksyen 37(3) Bekalan Elektrik 1990 juga perlu disemak semula untuk pindaan baru yang lebih berat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memacu lebih banyak- jawatankuasa bebas IPP supaya menyumbang kepada grid tenaga subsidi yang dikeluarkan namun membawa akibat yang tidak dijangka. Saya *kasi* pendek sahajalah, Tuan Yang di-Pertua. Yang lain, saya hantar guna tekslah ya.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja daripada saya dan lain-lain ini saya akan terus serah kepada Yang Berhormat Menteri kerana banyak lagi Yang Berhormat Senator yang ingin berucap. Itu sahaja daripada saya. Saya ingin memohon menyokong RUU Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023 ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sokong tapi banyak pindaan perlu Yang Berhormat ya?... [Ketawa] Okey.

Saya menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris.

12.18 tgh.

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang untuk saya sama-sama berbahas dalam Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725] pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan tentang tenaga boleh baharu ini tentulah menjadi bahagian penting dalam keseluruhan skim tarif galakan yang telah diperkenalkan pada tahun 2011 bagi merencanakan perkembangan pembangunan industri tenaga boleh baharu (TBB) negara dan Akta Tenaga Boleh Baharu [Akta 725] yang telah digubal serta telah diwartakan pada 2 Jun 2011.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan objektif utama Akta 725 ini kalau kita tengok adalah untuk memangkinkan penjanaan tenaga baharu dan juga mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan. Manakala pindaan yang dibuat adalah untuk memberikan kuasa yang lebih besar kepada Menteri bagi menggantung kuat kuasa keseluruhan ataupun mana-mana peruntukan akta ini di bahagian-bahagian berlainan di negara kita.

■1220

Saya percaya pada asasnya peruntukan pergantungan pemakaian akta perlu diwujudkan terlebih dahulu sebelum proses penggantungan pemakaian dan penyerahan kuasa autonomi perbekalan elektrik boleh dilakukan. Pindaan ini perlu dilaksanakan agar aspek perbekalan elektrik seperti sumber tenaga boleh diperbaharui boleh digantung pemakaiannya supaya proses penyerahan kuasa dapat dilaksanakan dengan teratur tanpa implikasi berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan pindaan ini boleh memastikan proses penyerahan kuasa autonomi perbekalan elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah boleh dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya di sebelah utara Malaysia larangan eksport pada barang-barang kawalan seperti RON95, diesel dan sebagainya. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua di mana telah dijalankan satu program yang kita panggil Ekonomi Sempadan di mana wujud dua buah stesen minyak komersial di Padang Besar dan juga di Wang Kelian.

Saya tahu peraturan dan undang-undang ini dibuat, jadi saya berharap kerajaan memperbaiki kamera CCTV di sepanjang Padang Besar agar masalah larangan eksport barang-barang kawalan yang disebutkan tadi tidak dieksport ataupun dibawa keluar.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat Akta 725 ini untuk melahirkan agensi seperti SEDA atau *Sustainable Energy Development Authority* dan polis-polisi seperti Polisi Tenaga Boleh Baharu Kebangsaan menjadikan akta ini satu akta utama dalam pembangunan industri tenaga boleh baharu bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan akta yang dibahaskan hari ini hanya melibatkan suatu klausa baru iaitu seksyen 1, subseksyen 3, yang bertindak untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk menggantung kuat kuasa keseluruhan atau mana-mana peruntukan Akta 725 di bahagian yang berlainan di Malaysia.

Tujuan utama pindaan ini dibuat adalah bagi membolehkan proses penyerahan kuasa autonomi perbekalan elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah boleh dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi Perlembagaan Persekutuan.

Bagi tujuan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong hasrat pihak kerajaan agar kemelut perbekalan tenaga oleh negeri Sabah dapat diselesaikan setelah sekian lama tertangguh. Walau bagaimanapun, saya melihat perkara ini dari sudut pandangan yang berbeza di mana pindaan ini memberikan kuasa penuh kepada Menteri untuk menggantung kuat kuasa keseluruhan atau mana-mana peruntukan akta di mana bahagian-bahagian dalam negara. Ia suatu kuasa yang besar yang ada terdapat kebaikan dan tentu ada keburukan tentang perkara ini.

Boleh saya sebutkan tentang kebbaikannya. Pemulihan kuasa kepada kerajaan negeri terutamanya kepada negeri Sabah pindaan ini mungkin penyerahan kuasa perbekalan elektrik kepada pemerintah negeri yang dapat meningkatkan autonomi, kawalan kepada negeri terhadap sektor-sektor tenaga termasuk sektor tenaga baharu yang boleh diperbaharui.

Kedua, pembangunan ekonomi dan industri tempatan dengan kuasa dan tanggungjawab yang lebih besar dalam pembentukan perbekalan elektrik kerajaan negeri akan dapat mempromosi pembangunan ekonomi dan industri termasuk industri dalam negeri serta mencipta peluang-peluang pekerjaan yang baru.

Ketiga, keterlibatan keputusan setempat pemindahan kuasa dan peringkat negeri dapat memberikan satu keputusan yang lebih cepat, *centralization*, dengan izin, dan memberi ruang kepada kepentingan tempatan dan terlibat dalam pengurusan pembangunan sektor tenaga negeri.

Saya menerima baik aspek-aspek yang disebutkan dan pada masa yang sama meminta agar pihak kerajaan membuat satu penelitian khusus dalam isu kontrak ini. Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi. Mungkin ada kontranya benda yang boleh menimbulkan sebaliknya.

Pertamanya, berkenaan dengan kuasa Menteri yang luas mampu menjurus kepada penyalahgunaan kuasa, rasuah yang telah diulas oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini. Ketidakpastian dan ketidakseimbangan dalam pengurusan, penggantungan pemakaian akta yang berkaitan dan perbekalan elektrik di Sabah mungkin menghasilkan ketidakpastian dan ketidakseimbangan dalam pengurusan sektor tenaga bagi pihak negeri dan Persekutuan. Contohnya tarif bekalan elektrik, caj denda dan sebagainya yang dikenakan kepada pengguna.

Keutamaan sumber dan daya pembiayaan, penyerahan kuasa ini mungkin memerlukan bajet dan perbelanjaan tambahan di samping ia boleh berpotensi untuk penyalahgunaan sumber alam semula jadi.

Keempat, standard dan piawaian apabila kuasa pembekalan elektrik diserahkan kepada peringkat negeri penting untuk memastikan bekalan elektrik dijana secara konsisten dan mengikut piawaian dalam percaturan amalan pengurusan benar dalam memastikan kecekapan, keselamatan, kebolehpercayaan dalam sistem tenaga yang menyeluruh.

Akhirnya sekali Tuan Yang di-Pertua, kebaikan kontra bersifat umum bergantung kepada konteks dan keadaan setempat. Terdapat perspektif yang berbeza dan kepentingan yang berbagai. Oleh itu, penting bagi kita libatkan juga pihak-pihak yang berkepentingan seperti ahli industri dan pakar-pakar perundangan untuk membincangkan nilai, kesan pindaan ini yang sebenar.

Jadi, saya dengan ini bukan sahaja mengharapkan Yang Berhormat Menteri tetapi Jemaah Menteri semuanya berbincang. Makna kata bukan seorang Menteri sahaja yang bertanggungjawab di atas pindaan ini. Maknanya supaya kuasa ini tidak dibebankan kepada Yang Berhormat seorang Menteri. Tanggungjawab patut diterima dan dikongsi secara kolektif. Itu sahaja perbahasan saya. Mohon menyokong. Sekian, terima kasih. *Wallahuaklam*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

12.27 tgh.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang undang-undang Tenaga Boleh Baharu 2021 [Akta 725]. Pindaan undang-undang ini secara khususnya memfokuskan kepada pindaan seksyen 1, Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 iaitu Akta 725 yang memperuntukkan kuasa Menteri untuk menggantung kuat kuasa keseluruhan atau mana-mana peruntukan di bahagian-bahagian berlainan di Malaysia.

Ini juga menjelaskan bahawa Kerajaan Persekutuan menyerahkan sepenuhnya kuasa autonomi untuk mengawal selia hal ehwal bekalan elektrik sepenuhnya. Ini termasuklah melibatkan tenaga boleh baharu atau *renewable energy* kepada Kerajaan Negeri Sabah.

Ini juga secara tidak langsung akan membantu dalam memastikan projek-projek *Feed-in Tariff* yang sedia ada di Sabah akan dapat terus beroperasi dengan berkuat kuasanya pindaan Akta Tenaga Boleh Baharu ini.

Malaysia juga lama melaksanakan *Feed-in Tariff* sebagai satu cara untuk menggalakkan penjanaan tenaga yang boleh diperbaharui semasa sama ada daripada sumber-sumber seperti solar, hidro, biogas atau *biomass* dan mampu mengurangkan pergantungan kepada bahan api fosil semata-mata.

Feed-in Tariff membolehkan elektrik dihasilkan daripada sumber-sumber tenaga boleh diperbaharui yang kemudiannya dijual kepada syarikat utiliti tenaga seperti Tenaga Nasional Berhad, dan Sabah Electricity Sendirian Berhad. *Feed-in Tariff* juga merupakan antara mekanisme yang paling berjaya dalam merangsang, membangunkan pesat tenaga yang boleh diperbaharui.

Apabila ada *Feed-in Tariff* berkadar menarik diberikan kepada pemaju projek, maka jumlah *Feed-in Tariff* yang dibangunkan juga dapat ditingkatkan secara tidak langsung. Utiliti juga tidak dibebankan kerana hanya perlu membiayai kos pada kadar peratus kos penjanaan konvensional yang rendah.

■1230

Namun begitu, kos pada pelaksanaan *feed-in tariff* ini adalah sangat tinggi dan tidak banyak syarikat atau individu yang mampu membiayainya. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Pertama, saya mohon nyatakan statistik semasa syarikat dan individu yang melaksanakan mekanisme *feed-in tariff* bagi seluruh Malaysia dan juga di Sabah. Kedua, apakah sumber paling banyak dijana bagi tenaga boleh baharu dan berapa pula kapasiti tenaga elektrik yang dijana sehingga kini? Ketiga, saya ingin kementerian menyatakan jumlah terkini bagi tabung tenaga boleh baharu dan setakat mana penggunaannya dalam membiayai *feed-in tariff*.

Keempat, adakah kementerian ada merancang untuk memberikan subsidi atau bantuan peruntukan kepada organisasi yang berkelayakan untuk mengendalikan projek *feed-in tariff* dalam skala besar? Apa jaminan apabila pindaan ini dilaksanakan, Sabah tidak ada berhadapan dengan catuan elektrik seperti yang kerap dialami pada masa ini? Terakhir, apakah perancangan kerajaan dalam mengawal dan menangani kemungkinan kewujudan pelbagai operator tenaga terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman Sabah serta perbezaan takrif apabila Sabah tidak lagi terikat dengan peraturan sedia ada?

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah menyasarkan untuk menjadi negara *neutral carbon* dan mencapai *zero net carbon emissions* dalam tahun 2050. Manakala di bawah Hala

Tuju Pembangunan Strategik Tenaga Boleh Baharu, kerajaan telah meningkatkan sasaran bagi kapasiti tenaga boleh baharu dalam sistem pembekalan elektrik kepada 70 peratus menjelang tahun 2050 sebagai satu usaha mewujudkan peluang ekonomi baharu kepada negara serta menarik syarikat multinasional khususnya Syarikat *Renewable Energy 100* (RE100) untuk beroperasi di negara ini.

Sehingga Disember 2022, jumlah kapasiti terpasang tenaga boleh baharu dalam pembekalan elektrik negara iaitu sebanyak 25 persen dan ini bermakna dalam tempoh 27 tahun akan datang, baki 45 persen jumlah kapasiti terpasang tenaga boleh baharu perlu dicapai untuk mencapai sasaran tersebut. Pada masa ini negara kita bergantung kepada hampir sepenuhnya kira-kira 80 peratus kepada bahan api seperti arang batu dan gas asli.

Penetapan sasaran baharu kapasiti tenaga boleh baharu campuran tenaga yang meningkatkan peralihan kepada tenaga boleh baharu ini dijangka akan membantu meredakan kos elektrik rakyat dalam tempoh masa panjang apabila penjanaan tenaga elektrik beralih kepada tenaga boleh baharu, tidak lagi kepada bahan api fosil.

Oleh itu saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah pelan strategik bagi jangka masa panjang dalam aspek pelaburan kepada sumber alternatif tenaga boleh baharu? Kedua, apakah kerajaan mempunyai cadangan untuk memberikan inisiatif kepada pengecualian cukai dan rebat kepada penggunaan domestik dan industri kecil dan sederhana yang menggunakan solar sebagai inisiatif menggalakkan pengurangan tenaga elektrik konvensional?

Tuan Yang di-Pertua, dengan pertanyaan-pertanyaan ini saya mengharapkan pihak kementerian dapat memberi jawapan sama ada lisan ataupun bertulis kerana beberapa rang undang-undang yang kita bentangkan baru-baru ini di dalam Dewan banyak persoalan yang tidak dijawab oleh kementerian. Mereka hanya merumuskan secara umum. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Saya menjemput Tuan Manolan bin Mohamad.

12.35 tgh.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023. Tuan Yang di-Pertua, walaupun pindaan ini agak kecil dan sedikit sahaja iaitu seksyen 1, akan tetapi ini bagi saya satu langkah baik yang telah dilakukan oleh kerajaan iaitu untuk memenuhi MA63 iaitu memberi kuasa pada Sabah untuk menguruskan tenaga elektrik di negeri mereka dan juga memberi kuasa kepada Menteri dalam perkara ini.

Seperti yang kita sedia maklum Tuan Yang di-Pertua, memang di Sabah ini isu elektriknya agak kritikal. Ada juga kawan-kawan saya di sana yang mereka membina mini

hidroelektrik di kawasan bandar, di semi bandar dan juga di kawasan pedalaman kerana tenaga elektrik itu tidak sampai khususnya di kawasan-kawasan pedalaman di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kuasa boleh dibaharui ini bagi negara kita agak baharu dan ia memang seharusnya kita kembangkan untuk memberi tenaga elektrik khususnya di kawasan luar bandar. Mini hidroelektrik khususnya banyak juga dibuat bukan sahaja di Sabah dan Sarawak tetapi di Semenanjung Malaysia khususnya di pedalaman penempatan kampung Orang Asli di pedalaman.

Apa yang saya hendak maklumkan di sini Tuan Yang di-Pertua adalah banyak juga mini hidro elektrik ini yang dibina di pedalaman tetapi yang mendapat manfaat daripada mini hidroelektrik ini bukan penduduk tempatan tetapi telah dijual oleh syarikat-syarikat ini kepada penerima yang ada orang yang bukan di situ, maksudnya orang di luar. Jadi, yang menjadi mangsa adalah penduduk Orang Asli di situ khususnya di luar bandar dan di kawasan-kawasan bukit di mana mereka telah membina satu mini empangan ini dan mereka membina *turbine* dan akhirnya mereka tidak mendapat apa-apa elektrik tetapi mereka mendapat kesan sampingan hasil daripada pembinaan mini hidro elektrik ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah berkenaan dengan pembinaan empangan. Ini agak besar kalau kita tengok mini hidroelektrik ini kecil tetapi ini empangan hidro yang besar yang saya sentuh secara spesifik khusus iaitu di Empangan Nenggiri di kawasan sahabat saya Yang Berhormat Senator Apandi, di Kelantan iaitu 300 megawatt yang sedang dibina sekarang ini di Empangan Nenggiri di Gua Musang, Kelantan ini, di mana empangan ini memang untuk menampung permintaan di negeri Kelantan dan juga di dalam negara kita, di samping itu juga untuk mengelakkan di mana sering kali berlaku banjir di Pantai Timur ini. Maka apabila empangan hidro ini dibina, mungkin dapat mengurangkan bencana banjir di Kelantan ini.

Walaupun bagaimanapun, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan apakah dengan pembinaan mini hidro di negeri ini akan memberi sekurang-kurangnya peluang pekerjaan dan juga sudah semestinya kampung yang terlibat di situ iaitu tiga buah kampung, iaitu Kampung Pos Tohoi, Pos Pulat dan Kampung Kuala Wias di mana kampung tersebut juga tidak mempunyai tenaga elektrik. Saya minta pihak kementerian supaya apabila hidro ini dibina mereka juga akan mendapat manfaat dan juga elektrik daripada pembinaan hidro ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah berkenaan dengan tenaga solar, di mana apabila kuasa Menteri telah diberikan, saya mencadangkan supaya banyak juga kampung di pedalaman ini khususnya kampung Orang Asli dan juga di Sabah ini, kita gunakan tenaga solar ini di mana negara kita ini memang boleh dikatakan panas sepanjang tahun. Hanya hujung-hujung tahun sahaja ada Monsun Timur Laut dan biasanya langit kita dipenuhi dengan awan.

■1240

Jadi, kalau boleh kita cuba *explore* untuk bantuan tenaga solar ini supaya kita boleh memberi lebih banyak khususnya di kawasan-kawasan yang sukar untuk mendapat capaian elektrik ini dan mungkin kos pembinaan itu juga agak tinggi dibandingkan sekarang ini. Solar ini lebih mudah untuk kita nak *install* dia punya panel itu. Cuma persoalan saya juga Yang Berhormat Menteri, adakah apabila kita ke arah *carbon emission* ini, di mana bateri-bateri solar ini juga akan memberi kesan kepada penduduk setempat di mana ada juga panel solar ini yang telah dibina di perkampungan Orang Asli ini.

Akan tetapi apabila tidak ada penyelenggaraan atau *maintenance* itu, maka akhirnya solar panel tersebut tidak boleh digunakan dan bateri itu yang digunakan dibuang begitu sahaja. Apakah sebenarnya tanggungjawab pihak syarikat tersebut ataupun adakah ini tanggungjawab kementerian apabila syarikat tersebut telah menyediakan panel untuk solar ini?

Jadi, akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan juga apabila panel solar ini telah dipasang di perkampungan Orang Asli, jadi kalau boleh kita mahu juga pihak kementerian harus melatih penduduk setempat iaitu penduduk komuniti tersebut untuk melakukan penyelenggaraan supaya akhirnya syarikat tersebut tidak menggunakan wang kerajaan sewenang-wenangnya untuk membina panel solar ini yang akhirnya boleh *sustain* mungkin tiga atau empat tahun sahaja. Apabila kita melantik orang tempatan, komuniti penduduk di situ, saya yakin mereka boleh menggunakan tenaga solar ini dengan lebih panjang lagi.

Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Masa pun sudah habis. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Hingga kita lupa apa sebenarnya pindaan yang dibuat ini... [Ketawa]

Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli.

12.43 tgh.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh sedikit mengenai pindaan yang ada di hadapan kita. Setelah 60 tahun penubuhan Malaysia, tahun ini tahun 2023 mungkin sempurnalah perpindahan sebahagian daripada tanggungjawab pengurusan negeri, balik kepada pihak berkuasa di negeri seperti yang dihasratkan, apa yang disebut dalam Perjanjian Malaysia 1963 atau *Malaysian Agreement 1963* (MA63).

Walaupun pindaan ini agak *straight forward*, ia merupakan satu titik bersejarah bagi kita di Malaysia amnya dan negeri Sabah khususnya kerana pihak berkuasa Sabah akan

mengendalikan urusan-urusan yang berkaitan dengan pengendalian tenaga boleh baharu dan suasana lestari industri ini secara lebih dekat. Dengan mengambil kira keupayaan rakyat di sana, kemampuan rakyat di sana dan juga, dengan izin, *availability* punca-punca kuasa tenaga boleh diperbaharui yang ada di sana. Saya yakin kalau dilihat Sabah mempunyai potensi yang tinggi untuk melaksanakan urusan-urusan ini bagi menangani keperluan tenaga di negeri Sabah.

Pemberian kuasa kepada Menteri ini telah dibangkitkan oleh rakan Senator kita tadi. Saya berkeyakinan dalam sistem pentadbiran Kabinet, keputusan yang dibuat adalah sangat bergantung pada konsensus yang dicapai di dalam Kabinet. Akan tetapi sebagai pihak yang bertanggungjawab, mana-mana undang-undang yang dibuat pun mestilah memberikan satu tanggungjawab kepada orang yang berkuasa iaitu Menteri.

Apa pun kita ingin menyokong pandangan Yang Berhormat Senator bahawa urusan yang memberikan kuasa kepada Menteri ini benar-benar dibuat secara bertanggungjawab dan sebaiknya mencapai satu konsensus yang kalau boleh, yang *solid* dan padu daripada seluruh rakan di dalam Kabinet.

Apabila ia dilaksanakan nanti setelah dua rang undang-undang ataupun pindaan ini diluluskan, kita berharap proses yang akan berlaku, peralihan kuasa ini berjalan betul-betul atas dasar tanggungjawab. Ia merupakan kejayaan bagi kedua-dua pihak, pihak negara dan juga pihak rakyat negeri Sabah. Bukan ini sahaja aspek yang akan kita *devolve* kepada negeri Sabah ini, di Sarawak, tenaga perolehan petroleum pun sudah diberikan kuasa sedemikian.

Kalau kita melihat lebih jauh, macam-macam lagi yang kita boleh wujudkan bagi menjadikan dua bahagian di Malaysia, di Sabah dan Sarawak itu sebuah tempat yang sangat sesuai dan sangat seronok untuk kita lawati apabila mereka dapat membangunkan keupayaan sendiri dengan budaya dan struktur masyarakatnya yang amat spesial.

Kita juga melihat bahawa kita sudah memasuki era *renewal energy* ini dengan cukup meluas. Ertinya, kita menggunakan suatu punca tenaga yang pembaharuannya lebih tinggi daripada penggunaannya. Ertinya, sentiasa berada dalam keadaan lebihan- *excess*, ertinya masa depan kita lebih terjamin berbanding dengan penggunaan hasil petroleum misalnya yang akan pupus pada suatu masa.

Begitu juga arang batu akan pupus walaupun kosnya murah tetapi akan pupus maka persediaan kita- *harness*, dengan izin, kuasa suria ataupun matahari, kuasa hidro ataupun air mesti difikirkan dengan lebih hebat lagi. Ertinya pemikir-pemikir kita, mereka dalam bidang teknologi-teknologi ini harus ke depan untuk mencari jalan bagaimana kita hendak menghasilkan punca tenaga yang boleh diperbaharui ini dengan lebih *abundance*, dengan izin.

Akhirnya akan menjadi lebih murah, yang ini yang pentingnya. Apabila rakyat mampu untuk menggunakan bahan-bahan ini dengan murah dan tidak memerlukan subsidi misalnya.

Itu adalah lebih baik. Subsidi ini seperti yang diterangkan dalam perbahasan sebelum dari ini semasa soal jawab tadi, subsidi ini merupakan suatu tindakan langkah sementara sebelum struktur masyarakat itu dapat dibina semula.

Maka kita tidak akan boleh bergantung pada subsidi kerana kalau ada subsidi bagi sesuatu aspek, sesuatu bahan, ertinya kita telah mengurangkan pembiayaan ataupun peluang untuk penggunaan di sektor-sektor yang lain. Jadi kalau kita boleh kurangkan dalam sektor tenaga ini maka wang subsidi itu boleh kita gunakan untuk pendidikan yang lebih murah, contohnya. Untuk mengurangkan kos makanan yang lebih penting, sebagai contoh.

Jadi, kita harapkan langkah yang diambil pada hari ini akan membolehkan kita menghadapi kehidupan yang lebih selesa, lebih murah dan lebih *accessible*. Jadi, tanggungjawab kerajaan Sabah selepas daripada ini ialah bagaimana mereka hendak memastikan capaian sumber tenaga boleh baharu ini sampai kepada tempat-tempat yang paling jauh dan paling pedalaman. Yang ini yang kita akan pasti lihat balik, kita akan bahas semula dalam Dewan ini dari semasa ke semasa untuk memastikan tanggungjawab tersebut tidak diabaikan.

■1250

Bukan oleh Kerajaan Negeri Sabah semata-mata tetapi mana-mana kerajaan negeri supaya rakyat boleh menikmati apa yang sepatutnya dinikmati sebagai rakyat yang mempunyai hak di dalam negeri mereka. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

12.50 tgh.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya menyertai dalam perbahasan Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023 hari ini. Tepat sekalilah masa kita bincang dan meluluskan rang undang-undang ini dalam masa suasana terkini di mana dunia sedang dalam keadaan pemanasan global iaitu *global warming*, dengan izin, dan perubahan iklim- *climate change*.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Akta 725 ini sudah disambut baik oleh Dewan Rakyat dan pada hari ini kita di Dewan Negara ini akan sokong juga kerana:

- (i) pindaan yang ada kaitan dengan Prinsip Perjanjian Malaysia 1963 termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan juga; dan
- (ii) tepat masanya kita serahkan hak dan kuasa bukan sahaja autonomi pada Sabah dan Sarawak tetapi pengurusan pembekalan tenaga boleh baharu dengan sistematik dan berkesan lagi.

Syabas kepada Kerajaan Madani dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kesepuluh yang sangat prihatin kepada pembangunan nasional demi semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi pandangan sedikit dalam pencapaian Sarawak dalam pembekalan tenaga boleh baharu. Hidrogen sudah *trial run* juga dengan bas di Sarawak. Dua, hidrogen *fuel* itu juga akan dieksport mulai tahun 2027 dan *green aviation fuel* daripada *algae* (lumut) sudah diguna pakai pada masa LIMA di Langkawi.

Lama sudah Sarawak ada Empangan Hidro Bakun, Batang Ai, Baleh, Murum dan juga saya dengar akan dijual pada Indonesia dan Brunei serta Singapura. Mengenai rizab minyak juga petroleum kita ada masih banyak di Sarawak. Kita simpan atau guna kurang untuk masa depan.

Balik kepada pindaan. Fasal yang penting itu iaitu fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 1, Akta 725 dengan memasukkan subseksyen baharu untuk memberi Menteri kuasa untuk menggantung seluruhnya ataupun mana-mana peruntukan Akta 725 di bahagian-bahagian yang berlainan di Malaysia. Memang kita haraplah, besar harapan penyerahan kuasa pembekalan elektrik pada Sabah yang melibatkan tenaga boleh baharu boleh diuruskan dengan lancar dan memberi manfaat kepada rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai gangguan pembekalan elektrik di Sabah, bukan di Sabah sahaja, di semua negeri, dalam memberi makluman kepada kita, rakan Senator kita semalam ialah satu risiko yang kita hadap dalam usaha pembekalan elektrik. Keadaan ini akan mengganggu operasi kilang, melibatkan kerosakan produk yang akan jadi setengah masak, menjadi produk yang di *reject* dan dengan kos yang tinggi dan melibatkan kos pengeluaran naik dan akan dijual mahal untuk rakyat.

Operasi kilang terjejas juga, operasi pelabuhan dan kos mengurus logistik akan naik melibatkan kenaikan kos keseluruhan. Tuan Yang di-Pertua, apa puncanya selalu ganggu pembekalan elektrik di Sabah. Bagaimana itu dapat diatasi sebelum menjadi tidak dapat dikawal nanti. Soalan satu lagi, adakah kerajaan buat kaji selidik mengenai apa isu jana pembekalan elektrik yang sesuai untuk sesebuah negeri atau wilayah, kemungkinan ada kawasan, berada di kawasan yang berlakunya gempa bumi atau *ring of fire*, dengan izin.

Adakah juga kawasan yang kerap menghadapi kemarau umpamanya di Hanoi, Vietnam baru-baru ini. Setengah daripada 11 empangan hidroelektriknya tidak dapat berfungsi dan ini akan mengganggu ekonomi negara itu. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong RUU.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Yang terakhir untuk membahaskan- ramai juga, 16 orang pembahas pindaan satu seksyen sahaja... [Ketawa] Akan tetapi 'kita sudah berlayar ke Lautan Hindi sampai balik Lautan Teduh'

Dijemput Yang Berhormat Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim untuk menjawab.

12.57 tgh.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada 16 Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini dan ini merupakan satu pindaan yang penting untuk kita membolehkan penyerahan kuasa pembekalan elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah, selari dengan kerangka Perjanjian Malaysia 1963.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, ramai membangkitkan tentang soal peruntukan penggantungan pemakaian kuat kuasa akta ini di mana-mana bahagian di Malaysia. Sebenarnya ini sudah wujud di dalam banyak akta sebelum ini, sama ada yang melibatkan elektrik mahupun bukan elektrik. Malah dalam persoalan untuk kita menyerahkan kawal selia kepada negeri Sabah, Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] dan juga Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 [Akta 610] mempunyai klausa yang sama yang membolehkan kita menggunakan kuasa penggantungan.

Akan tetapi saya tidak tahu sejarahnya tetapi di dalam Akta 725 dan Akta 726 yang kita akan bahaskan, kedua-dua tidak mempunyai klausa penggantungan tersebut. Maka sebab itu kita mahu masukkan pindaan ini. Kita menyemak bukan sahaja dalam penggunaan klausa penggantungan ini di dalam Akta Elektrik, Akta Bekalan Elektrik dan juga Akta ST, malah dalam akta-akta lain juga Akta Bekalan Gas misalnya dan akta-akta yang lain tidak ada wujud sebarang salah guna dan ia telah diguna sebagai satu mekanisme *administrative* untuk kita menurunkan kuasa, selaras dengan keputusan Jemaah Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, seterusnya dibangkitkan juga tentang keperluan negara beralih kepada sumber tenaga boleh baharu bagi mencapai sasaran sifar karbon, ini telah pun disebut oleh Yang Berhormat Dato' Haji Husain bin Awang dan juga soalan kedua ataupun isu kedua yang dibangkitkan ialah keperluan kita membangunkan industri tenaga boleh baharu tempatan dan melihat tenaga hijau sebagai satu-aset strategik dan sepatutnya mengekalkan keputusan yang dibuat pada 2021 untuk melarang eksport tenaga boleh baharu.

Jadi, daripada segi komitmen kerajaan memang sedar tentang perkara tersebut dan antara langkah yang dibuat oleh kerajaan yang baharu ini, kapasiti kita *at present* iaitu 25 peratus. Sasaran kita menjelang tahun 2035 ialah sebanyak 40 peratus tetapi kita telah meningkatkan sasaran kita menjelang tahun 2050, di mana kita menyasarkan kita akan menjadi *net zero the earliest*, dengan izin, ialah kita telah meningkatkan 70 peratus.

Ini adalah sasaran yang telah diletakkan di bawah Kerajaan Perpaduan yang ada pada hari ini. Tentang keputusan untuk kita mengeksport, kita membuat beberapa pertimbangan dan kerana di peringkat kerajaan, kita melihat bahawa beberapa kekangan untuk kita

merencanakan lagi *scaling up*, dengan izin, kapasiti tenaga boleh baharu kita. Maka kita merasakan, kerajaan merasakan bahawa dengan kita membolehkan perdagangan tenaga boleh baharu, kita tahu Singapura sangat memerlukan dan mereka tidak ada kapasiti yang besar untuk tenaga boleh baharu dan dengan harga yang mereka sanggup bayar.

Mereka pernah bercakap, Singapura pernah merancang untuk mendapatkan tenaga dari Australia membina *submarine cable*. Mereka juga bercakap untuk membina *submarine cable* dengan Kemboja dan juga dengan negeri Sarawak. Jadi, sebab itu kita merasakan kita mampu untuk menjual tenaga boleh baharu pada harga premium yang mampu merencanakan lagi. Tidak semestinya bila kita membenarkan pengeksporan kita akan menjual semua tetapi kita akan meletakkan kuota-kuota yang tertentu yang membolehkan tenaga boleh baharu yang selebihnya itu dapat disalurkan kepada keperluan tempatan.

Kita kena sedari bahawa kedudukan Malaysia ini di pusat Asia Tenggara sudah lama negara-negara ASEAN berbincang tentang *ASEAN Power Grid* yang akan menghubungkan seluruh rantau ASEAN. Untuk makluman, hari ini Singapura dan Malaysia juga, kita pernah membeli tenaga hidroelektrik dari Laos melalui Thailand apa yang dipanggil Program LTM ke Semenanjung Malaysia ataupun LTMS ke Singapura.

Namun apa yang kita saksikan pada hari ini, masih banyak *interconnection* yang kita belum buat misalnya ketika pembinaan Empangan Bakun. Kita mengimpikan ada *submarine cable* antara Sarawak dan Semenanjung. Kita juga pernah bercakap tentang antara Sumatera dengan Semenanjung. Kalimantan sekarang dengan pembangunan ibu kota baharu di Nusantara akan mampu untuk *tap* pada Sarawak ataupun Sabah. Jadi, potensi-potensi ini kita hendak realisasikan dan ini hanya dapat berlaku dengan kita ada satu- dasar perdagangan tenaga boleh baharu yang memandang ke depan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah habis bab-bab itu kan? Soalan grid, *ASEAN Grid* dan dasar. Jadi jam pun sudah pukul 1. Jadi, kita sambung jawapan pada petang nanti pukul 2.30 Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan dan akan bersambung semula pada jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.03 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Sila Yang Berhormat Yang Berhormat Menteri, sambung.

2.32 ptg.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Dato' Husain juga telah membangkitkan soal kenaikan bil elektrik dan ini juga disentuh oleh beberapa Yang Berhormat Senator yang lain.

Untuk makluman, pertama sekali ialah kita harus meneliti semula di peringkat pengguna yang mana ada banyak peralatan, perkakas-perkakas yang sebenarnya tinggi penggunaan tenaga. Mungkin yang kita tahu ialah penghawa dingin. Apabila misalnya hari ini cuaca menjadi semakin panas kita mungkin pertama, menggunakan tenaga dengan lebih banyak dan kedua, penghawa dingin itu juga kena bekerja lebih kuat untuk mencapai tahap suhu yang sama seperti dahulu.

Seterusnya, ada juga alat-alat lain contohnya penyejuk beku dan yang semakin popular pada hari ini ialah pembersih udara dan juga *water filter* seperti Coway, dengan izin. Ini kerana peralatan-peralatan ini semua datang dengan penggunaan tenaga yang tinggi. Jadi, itu untuk pemahaman para pengguna dan di peringkat operator seperti TNB, SESB dan sebagainya mereka melakukan libat urus dan juga publisiti untuk memaklumkan pengguna tentang perkara tersebut.

Untuk makluman, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM2.3 bilion bagi mengekalkan tarif sedia ada bagi pengguna domestik antara 1 Julai sehingga 31 Disember 2022. Seterusnya, untuk tempoh 1 Januari sehingga 30 Jun pada tahun ini kerajaan membelanjakan sebanyak RM4.9 bilion. Ini adalah kerana harga bahan api semakin tinggi sama ada arang batu ataupun batu bara yang disebut tadi. Begitu juga dengan harga gas. Maka, ini memberi kesan menerusi mekanisme *imbalance cost pass-through* yang diguna pakai.

Maka Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, kerajaan sering menekankan tentang kepentingan rakyat dan kita akan mengumumkan *the next cycle* dengan izin, untuk ICPT ini dengan meletakkan kepentingan pengguna-pengguna domestik terutamanya yang pengguna-pengguna majoriti. Saya boleh katakan 99 peratus daripada pengguna domestik akan diberi fokus dan penekanan oleh kerajaan.

Seterusnya, Yang Berhormat Dato' Kesavadas telah membangkitkan tentang pembangunan ladang solar misalnya seperti di Bukit Selambau untuk menjadi model, untuk penggunaan TBB di negeri Sabah. Perkara ini telah pun diambil kira dalam soal pembangunan ladang solar ataupun projek solar berskala besar dan selepas ini akan diteruskan di peringkat kerajaan negeri.

Tentang soal seterusnya, jumlah anggaran penjimatan bil elektrik yang boleh dinikmati oleh isi rumah di Sabah, sekiranya model penjanaan tenaga elektrik di LSS Bukit Selambau dilaksanakan di Sabah? Ini secara spesifik sukar untuk kita bagi angka yang tepat tetapi ada

beberapa, kalau di Semenanjung ini kita ada menggunakan beberapa mekanisme seperti kalau peringkat awal *feed-in tariff* dan seterusnya *net energy metering* dan juga solar PV *Self Consumption* (SELCO). Itu memberi kesan kepada penjimatan bil elektrik.

Kita boleh bagi contoh misalnya dalam bulan ICPT yang terbaru, 1 Januari sehingga 30 Jun ini kita telah mengumumkan kenaikan surcuj untuk pengguna-pengguna *high and medium voltage* bukan domestik. Kita lihat banyak di kalangan syarikat-syarikat ini sekarang menggunakan tenaga boleh baharu sebagai satu langkah untuk menjimatkan tenaga mereka.

Seterusnya tentang kerjasama dengan KPKT dan pemaju perumahan supaya kita boleh melaksanakan *rooftop solar*, dengan izin. Ini antara perkara yang di peringkat kerajaan kita setuju. Malah, kalau kita lihat di beberapa buah negeri di Australia, penggunaan ataupun hasil elektrik daripada *rooftop solar* lebih tinggi daripada *large scale* atau utiliti solar.

Jadi, trend penggunaan ini sangat meluas tiada subsidi elektrik di sana maka pemakaian ia sangat-sangat tinggi. Jadi sebab itu antara penekanan kerajaan tahun ini, kita juga akan membelanjakan sebanyak RM50 juta untuk bangunan-bangunan kerajaan dipakaikan panel solar.

Kedua, dalam masa yang terdekat kerajaan akan mengumumkan liberalisasi untuk memasang peralatan solar untuk memudahkan lagi. Ini kerana banyak rungutan di bawah bahawa ada beberapa kekangan untuk pengguna memasang solar.

Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof telah membangkitkan tentang *National Renewable Energy Policy and Action Plan*, dengan izin. Ini dasar kerajaan yang diperkenalkan pada tahun 2010 untuk mempelbagaikan sumber penjanaan elektrik dan meningkatkan sumber TBB. *Outcome*, dengan izin, adalah antaranya *feed-in tariff* sebagai pemangkin kepada TBB di negara ini dan penubuhan SEDA, ini di peringkat awal dahulu.

Seterusnya, bagi merencanakan pembangunan TBB di negara, kerajaan telah melaksanakan Kajian *Malaysia Renewable Energy Roadmap* (MyRER) yang sebagaimana kita telah umumkan sebelum ini hasrat kita ialah 31 peratus kapasiti tenaga boleh baharu tahun 2025 dan 40 peratus untuk tahun 2035. Untuk yang terbaru kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim pada hari ini, kita telah umumkan hasrat 70 peratus kapasiti menjelang tahun 2050.

Tentang sejauh manakah tenaga TBB yang dijana ini telah disalurkan ke Grid Nasional? Sehingga tahun 2022 jumlah kapasiti TBB sebanyak 9,916 megawatt ataupun 25 peratus yang disalurkan ke Grid Nasional. Kedudukan kewangan KWTBB yang dikutip daripada penggunaan elektrik sehingga Mei 2023, kita telah mengutip sebanyak RM7 bilion yang membolehkan kuota sebanyak 1.6 gigawatt diluluskan untuk pembangunan projek TBB oleh SEDA Malaysia, di bawah mekanisme *feed-in tariff*.

Kita sedar tentang masalah kesedaran awam yang rendah dan sebagainya. Akan tetapi sebab itu, bila kita ada market *distortion*, dengan izin, yang ada pada hari ini yang secara

pukul rata subsidi itu diberikan dan sebagainya itu juga satu *signal* yang tidak sihat untuk kita merencanakan lagi penggunaan tenaga boleh baharu.

■1440

Jadi, itu antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk kita merencanakan lagi. Kita telah meningkatkan kuota dan sebagainya pada tahun ini dan dengan *signals* yang betul kepada pasaran, kita percaya ia akan dapat dipercepatkan lagi.

Seterusnya, ini juga soal yang selalu dibangkitkan dan saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof tentang kekurangan *feedstock* dari *woodchip* untuk penjaan tenaga boleh baharu. Ada beberapa masalah, antara punca masalah *competing used* kalau daripada segi- bukan sahaja *woodchip* daripada segi buangan kelapa sawit misalnya boleh digunakan untuk *biomass* tetapi hari ini mereka juga dapat harga yang lebih tinggi sekiranya dieksport ke luar negara. Banyak daripada pelan-pelan *biomass* terletak jauh daripada grid yang menyukarkan. Akan tetapi, ini antara perkara yang sekiranya ditangani dengan betul, mampu mempunyai potensi yang sangat besar.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Sivaraj a/l Chandran telah menyebut soal yang sama seperti awal tadi tentang soal untuk mengelaknya salah guna. Tentang tahap persediaan di negeri Sabah untuk mengawal selia elektrik selepas rang undang-undang ini diluluskan supaya tidak berlaku gangguan. Jadi, penyerahan kuasa ini sebahagian besarnya adalah tertumpu kepada proses untuk memenuhi kerangka perundangan dasar ekonomik teknikal dan operasi di bawah ia akan kita memperincikan. Namun, kita juga pada masa ini masih lagi memberi perhatian kepada sistem operasi Sabah Electricity Sdn. Bhd. Baru-baru ini saya turun ke sana dan kita melihat tentang persiapan mereka untuk bekalan di seluruh negeri Sabah yang kita tahu terganggu dan sebab itu kita lakukan penyerahan kuasa elektrik ini secara berperingkat.

Pertama, kita beri dahulu kuasa kawal selia kepada Kerajaan Negeri Sabah dan seterusnya anggaran selama tujuh tahun buat masa ini untuk penyerahan kuasa SESB. Jadi, itu dia buat secara dua peringkat kerana kita melihat keperluan membina kapasiti di peringkat Kerajaan Negeri Sabah. Ini kerana di peringkat Kerajaan Persekutuan kita memberi fokus kepada memastikan bekalan elektrik yang berdaya harap kepada rakyat negeri Sabah.

Tentang Yang Berhormat Senator Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris membangkitkan tentang projek talian penghantaran *Southern Link* yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan. Jadi, di peringkat perkara ini ia sedang dibincangkan di antara Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri Sabah dan Kementerian Ekonomi untuk kita melihat. Sebab asalnya, pelannya untuk ada *pipeline* gas di laluan tersebut, tetapi sekarang dicadangkan untuk dibuat *southern link* untuk menghubungkan Pantai Barat dan Pantai Timur negeri Sabah. Ini merupakan *the second link* bagi grid negeri Sabah. Jadi, perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut.

Tentang soal kesan dan manfaat kepada penduduk tempatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Aklan a/l Ehtook semalam, kita faham ia tentang ada beberapa projek *mini hydro*, saya ingat Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad juga bangkitkan *mini hydro*, solar dan sebagainya. Jadi, kita memastikan di peringkat agensi-agensi kerajaan kita meletakkan beberapa syarat yang ketat supaya ada mengambil kira kepentingan sosioekonomi penduduk setempat.

Tentang insentif untuk kereta elektrik. Buat masa ini untuk makluman kereta elektrik *the leading agency*, dengan izin ialah MITI, tetapi Kementerian NRECC memainkan peranan juga. Daripada segi ini, had jaminan di bawah skim GTFS kepada sektor kenderaan elektrik, had jaminan sehingga 60 peratus dan antara insentif-insentif yang diberikan ialah:

- (i) pengecualian duti import ke atas komponen untuk EV pemasangan tempatan yang dilanjutkan sehingga 31 Disember 2027;
- (ii) pengecualian duti eksais dan cukai jualan atas EV pemasangan tempatan CKD sehingga 31 Disember 2027;
- (iii) pengecualian duti import dan duti eksais ke atas EV CBU dilanjutkan sehingga 31 Disember 2025;
- (iv) pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100 peratus ke atas pendapatan berkanun pengilang peralatan pengecasan EV (*EV charger*) mulai tahun taksiran 2023 sehingga tahun taksiran 2032;
- (v) elaun cukai pelaburan 100 peratus untuk tempoh lima tahun; dan
- (vi) potongan cukai kepada syarikat yang menyewa EV dengan jumlah maksimum amaun sewaan yang layak dihadkan tidak melebihi RM300,000.

Jadi, seterusnya tentang soal *Program Low Carbon City* di bawah DBKL antara yang dibuat iaitu perancangan untuk- sasaran di peringkat Kuala Lumpur. Pengurangan intensiti pelepasan karbon per kapita 70 peratus menjelang tahun 2030 dan sasaran Wangsa Maju *Carbon Neutral 2050*, antara inisiatif-inisiatifnya ialah:

- (i) mensyaratkan pembangunan bangunan baharu untuk memperuntukkan 30 peratus keluasan bumbung;
- (ii) pemasangan solar;
- (iii) program *bikeable city*, dengan izin, untuk menggalakkan penghuni berbasikal;
- (iv) menambah baik laluan pejalan kaki termasuk berbumbung, program kitar semula dan seterusnya.

Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit ada membangkitkan tentang adakah kerajaan telah memaksimumkan tenaga solar di Malaysia. Untuk makluman, buat masa ini, sebanyak 4,706 megawatt kapasiti akan disumbangkan oleh solar sehingga tahun 2025 dan sehingga tahun 2022, kita telah mencapai sebanyak 2,676 megawatt ataupun 57 peratus daripada sasaran.

Seterusnya, tentang empangan hidro kuasa besar- *large hydro* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Untuk masa ini pelaksanaan projek TBB yang diluluskan tidak akan menjejaskan kepentingan sosioekonomi mana-mana pihak yang berkepentingan, malah kita sebenarnya menekankan lebih pendekatan mini hidro kerana itu lebih *sustainable* kita juga tahu sekiranya ada hutan belantara yang tenggelam, itu juga satu *carbon sink* yang kita akan hilang. Jadi, sebab itu pendekatan kita menekankan lebih kepada *off river ataupun mini hydro* untuk *hydroelectricity*.

Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan memaklumkan tentang soal gangguan. Jadi, gangguan elektrik di negeri Sabah yang kita tahu menjadi-jadi. Berdasarkan rekod pada bulan Mei 2023, permintaan maksimum bagi negeri Sabah iaitu sebanyak 1,080.19 megawatt berbanding kapasiti terpasang sebanyak 1,206.20 megawatt. Jadi, *operating reserve margin* yang ada di negeri Sabah sebanyak 11.66 peratus sahaja.

Kalau kita lihat di Semenanjung, *reserve margin* kita terbalik pula, ia terlebih sekitar 40 peratus. Pada masa kini sistem grid tidak dapat memenuhi keperluan keselamatan grid seperti dikehendaki dan *spinning reserve*, dengan izin, berada pada paras 120 megawatt. Ini menyebabkan berlakunya *load-shedding* apabila terdapat stesen-stesen yang terpelantik sewaktu beroperasi.

Jadi, inilah yang kita lihat masalah sistem bekalan elektrik yang tidak stabil dan menjadi-jadi apabila suhu bertambah panas dan penggunaan elektrik meningkat. Apa yang telah kita ambil tindakan di peringkat kementerian menerusi *Grid System Operator* Sabah, Sabah Electricity Sdn. Berhad, dan Suruhanjaya Tenaga iaitu memasang sebanyak 28 unit mobil *genset* dengan kapasiti 13 megawatt jumlah kapasiti yang kita siap pada bulan ini, *insya-Allah* pihak ST juga menilai cadangan SESB menyewa set jana kuasa diesel 60 megawatt dalam tempoh terdekat untuk meningkatkan ORM kita.

Seterusnya pemasangan jana kuasa kapasiti 20 megawatt di Kimanis Mac 2024, pengoperasian semula stesen jana kuasa SPR dengan kapasiti 50 megawatt pada pertengahan Jun 2023 dan memastikan stesen jana kuasa Hidro Telekosang berkapasiti 16 megawatt mula beroperasi pada September 2023. Ada beberapa lagi langkah lain yang mungkin agak luar dari kotak yang kita akan umumkan dalam masa terdekat untuk meningkatkan lagi bekalan elektrik di negeri Sabah.

Kita kena faham antara masalah besar bekalan elektrik di negeri Sabah ini dia wujud perbezaan antara Pantai Barat dan Pantai Timur. Kalau di Pantai Barat, banyak loji jana

kuasa gas misalnya, tetapi Pantai Timur berlaku defisit dan itulah yang menyebabkan sebagaimana kita pergi balik tadi tentang keperluan *southern link* dan sebagainya supaya mengimbangkan bekalan elektrik di negeri Sabah.

Tentang keperluan Kerajaan Persekutuan memastikan supaya penyaluran geran bagi pelaksanaan pengukuhan sistem penghantaran dan pengagihan grid di bawah RMKe-11 oleh PPK base dan SESB dilakukan serta memastikan kelancaran pelaksanaan projek.

■1450

Untuk makluman, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan geran berjumlah RM2.3 bilion dan pinjaman RM1.14 bilion di bawah RMKe-11 untuk projek-projek ini. Beberapa projek oleh PPK Best kini disambung pelaksanaannya sebagai projek sambungan di bawah RMKe-12 yang bertujuan mengurangkan indeks purata tempoh gangguan sistem, atau kita panggil SAIDI di negeri Sabah dan Labuan, daripada 286.22 minit pengguna tahun untuk tahun 2022, kepada 150 minit menjelang tahun 2025.

Kita juga menyediakan- Kerajaan Persekutuan juga menyediakan subsidi yang besar kepada SESB. Antara 2012 hingga 2022, telah dibelanjakan RM6.078 bilion untuk SESB. Seterusnya, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi tentang kajian untuk tenaga angin dan juga ombak, kita terbuka – ada beberapa kajian telah pun dibuat.

Ada cadangan, misalnya, untuk membuat *tidal* sama ada di Kuala Selangor atau pun di Sungai Pahang iaitu di muara sungai oleh beberapa pihak. Itu terpulang kepada *commercial viability* projek-projek tersebut. Cuma, masalah tenaga angin, misalnya, buat masa ini, teknologi yang ada, kita punya kelajuan angin yang ada di khatulistiwa- bukan di Malaysia sahaja.

Khatulistiwa secara umumnya adalah sangat perlahan. Jadi, itu- sebab kita bukan macam negara-negara lain yang misalnya, Tenaga Nasional Berhad menerusi Vantage RE Ltd. melalui pelaburan besar dalam *wind turbine* di negara UK. Jadi, saya pun pergi ke sana. Kita tanya TNB tidak boleh buat benda yang sama di Malaysia, kerana ada kekangan teknologi pada hari ini.

Akan tetapi, mungkin suatu hari nanti, *nothing is impossible*, dengan izin. Kita akan lihat ia menjadi *commercially viable* dan kita boleh menimbangkan penggunaan tersebut. Tentang soal- yang ini disebut juga oleh Tuan Yang di-Pertua, dan juga Yang Berhormat Tuan Haji Hussin bin Ismail, tentang kejayaan Sarawak dalam sektor hidrogen. Ini memang satu perkara yang bagi saya, sangat membanggakan.

Kerajaan Sarawak memang ke depan dalam hal-hal ini, kerana mempunyai akses tenaga yang sangat banyak dan juga tenaga yang murah dan boleh memajukan apa yang paling premium, iaitu *green hydrogen* atau pun, hidrogen hijau. Itu yang paling premiumlah dalam pasaran hidrogen yang semakin pesat.

Kerajaan juga dalam proses untuk menyiapkan *our hydrogen masterplan*, dan pihak PETRONAS menerusi Gentari Sdn. Bhd., Tenaga Nasional Berhad juga sedang *explore* hidrogen ini dengan besar-besaran. Beberapa- pelan atau loji jana kuasa baharu akan dibuat – sama ada boleh dikuasai oleh gas atau pun oleh hidrogen. Ia boleh dikuasai oleh dua-dua *fuel*.

Seterusnya, untuk Yang Berhormat Datuk John Ambrose, membangkitkan tentang soal gangguan tenaga elektrik di Sabah sekali lagi, yang kita telah sentuh. Kita juga telah- selain daripada apa yang saya telah sebut sebentar tadi, di negeri Sabah juga, kita hendak *explore* penggunaan *battery storage*.

Ini- misalnya, kita tahu. Apabila menggunakan solar, solar hanya mempunyai waktu puncak sekitar empat jam. Yang paling tinggi ialah di sekitar utara Semenanjung. Jadi, selepas itu, ia tidak *generate electricity* lagi. Jadi, apabila kita ada *storage*, kita boleh simpan tenaga yang dibuat. Jadi, sebab itu di negeri Sabah, kita juga sedang mencadangkan untuk ada *battery storage* kapasiti 60 megawatt untuk dipasang di kawasan pantai timur Sabah, yang saya katakan, ada defisit, selain kita adakan Projek *Run-of-River* di hulu Sungai Padas dan Sungai Maligan, Sipitang menjelang tahun 2027.

Masalah kecurian elektrik juga memang kita tahu, satu perkara yang besar, dan ini antara perkara yang menyumbang kepada masalah yang kita hadapi pada hari ini. Ia merupakan satu kesalahan yang besar di bawah seksyen 37(1), (3), (13), atau (14) Akta Bekalan Elektrik 1990.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin membangkitkan tentang statistik semasa syarikat dan individu yang telah mendapat *Feed-in-Tariff* di seluruh Malaysia dan, termasuk Sabah serta syarikat dan individu yang menggunakan inisiatif FiT di negara kita. Jadi, untuk makluman, sehingga 31 Mei 2023, SEDA Malaysia telah meluluskan 10,482 permohonan *Feed-in-Tariff*, dengan kapasiti sebanyak 1,451 megawatt di Semenanjung dan Sabah yang melibatkan 69.35 megawatt permohonan individu dan 1,381.84 megawatt permohonan syarikat.

Di bawah sumber TBB yang diluluskan di bawah FiT ini, termasuklah solar PV dengan 321 megawatt, biogas dengan 259 megawatt, biojisim dengan 156 megawatt, dan mini hidro dengan 714 megawatt. Daripada jumlah ini, sebanyak 10,339 projek dengan 634 megawatt telah pun beroperasi. Okey.

Seterusnya, untuk Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad, telah membangkitkan tentang soal mini hidro, sebagaimana yang saya sebut tadi. Sebenarnya, banyak syarat ketat dalam soal mini hidro ini, dan banyak juga berkaitan dengan selain daripada agensi Kerajaan Persekutuan, seperti Jabatan Alam Sekitar, juga pihak berkuasa negeri kerana melibatkan sumber air, hutan, tanah dan sebagainya.

Okey. Seterusnya, kita juga- cadangan melihat saranan daripada Yang Berhormat Senator, Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli, agar pembekalan elektrik negara perlulah murah dan mampu bayar. Ini satu perkara yang sangat penting. Kita menekankan ada *trilemma* tenaga tentang *affordability*, seterusnya *security* dan *sustainability*. Dahulu, antara perdebatan besar yang kita ada ialah bahan api fosil ini, ia lebih murah- *affordable*, tetapi tentulah, tidak lestari.

Akan tetapi, bila kita lihat, selepas perang di Ukraine, dan apabila ekonomi di dunia buka selepas COVID-19 baru-baru ini, harga bahan api naik secara melonjak. Apabila kita lihat keadaan tersebut, sebenarnya hari ini, dengan harga solar yang semakin turun juga, maka sebenarnya, tenaga boleh baharu boleh *fulfill* tiga-tiga *energy trilemma* tersebut. Akan tetapi, kita perlu- ya. *Of course*, ada proses untuk *energy transition* tersebut supaya kita dapat mengimbangkan ketiga-tiga *trilemma* ini dengan sebaik mungkin.

Sebab itu, saya katakan, antara perkara yang kita sedang lihat untuk bantu daripada segi tarif bagi pengguna-pengguna, kita akan umumkan *liberalization of solar* untuk pengguna-pengguna di negara kita.

Seterusnya- okey, akhir sekali, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai bertanya tentang, apakah kerajaan membuat kajian kesesuaian lokasi jana kuasa bagi mengelakkan lokasi yang berisiko dan sebagainya? Jadi, untuk makluman, sememangnya, antara perkara yang kita tetapkan apabila dibina loji jana kuasa ialah perlu dibuat kajian-kajian yang wajarnya. Seperti termasuklah EIA dan sebagainya.

Mereka mestilah, kita tekankan hari ini, mengikut JPAC, perancangan yang ditetapkan oleh JPT supaya tidak ada amalan *unsolicited debt* yang dahulu, yang menyebabkan *reserved margin* yang sangat tinggi. Mengikut perancangan JPT ini, kita telah mengambil kira keperluan negara untuk mendapat bekalan elektrik yang stabil dan mengikut lokasi geografi supaya *energy trilemma* yang saya sebut tadi dapat kita penuhi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

■1500

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (Dato' Sri Huang Tiong Sii) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN
TENAGA LESTARI (PINDAAN) 2023**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.02 ptg.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2011 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang dihormati, izinkan saya untuk turut membentangkan RUU ini untuk meminda Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2011 [Akta 726] yang mana ia adalah susulan daripada Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023 yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini sebentar tadi.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2011 merupakan suatu akta yang diwujudkan bagi memperuntukkan kuasa terhadap penubuhan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari atau lebih dikenali sebagai *Sustainable Energy Development Authority* (SEDA) sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan fungsi dan kuasa terhadap perkara-perkara berkaitan tenaga lestari termasuk pelaksanaan mekanisme Tarif Galakan- *Feed-in Tariff*, yang diperuntukkan di bawah Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725] di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Namun demikian, seperti Akta 725, Akta 726 juga tidak mengandungi peruntukan yang membolehkan pemakaian akta ini digantung di mana-mana bahagian di Malaysia. Oleh itu, pindaan ke atas akta ini perlu dilakukan bagi memasukkan peruntukan tersebut agar proses dan urusan penyerahan kuasa autonomi pembekalan elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah termasuk fungsi kawal selia terhadap perkara-perkara berkaitan tenaga lestari khususnya mekanisme FiT dapat dilaksanakan dengan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang dihormati, sebagaimana RUU sebelum ini, pindaan saya cadangkan melalui RUU Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Pindaan) 2023 ini juga adalah ringkas. Pindaan ini melibatkan dua fasal sahaja.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta, dan fasal 2 pula bertujuan untuk meminda seksyen 1 [Akta 726], dengan memasukkan subseksyen baharu iaitu subseksyen 3 untuk memberikan Yang Berhormat Menteri kuasa untuk menggantung kuat kuasa keseluruhan atau mana-mana peruntukan Akta 726 di mana di bahagian-bahagian yang berlainan di Malaysia.

Pindaan-pindaan lain yang tidak saya nyatakan secara khusus di sini adalah merupakan pindaan kecil bersifat editorial dengan izin atau berbangkit, *consequential in nature*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Dewan yang dihormati, kesimpulannya, saya yakin RUU yang dikemukakan ini akan dapat memantapkan lagi tadbir urus akta ini serta memastikan proses pemulangan kuasa pembekalan elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah kelak akan berjalan dengan lancar terutamanya bagi perkara-perkara yang melibatkan pelaksanaan dan kawal selia program-program tenaga boleh baharu di negeri Sabah. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Dato' Sri Huang Tiong Sii]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya meminta Yang Berhormat untuk berbahas, sebenarnya kita ini perkara yang hampir samalah. Jadi, tadi pun sudah cerita sama, benda ini cerita dalam pindaan ini pun memang cerita yang sama.

Kalau itu ini tadi buat, yang itu tidak boleh dilaksanakan. *It has a consequential amendment*. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2011 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat di hadapan saya ada senarai sembilan orang ya untuk berbahas. Jadi, hendaklah untuk berbahas, maka saya membuat ketetapan bahawa masa diberi iaitu 5 minit seorang.

Seorang Ahli: Setuju.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak setuju boleh beritahu... [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat sekalian.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang. Oh, tidak ada?

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang tidak ada, maka, kita jemput Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair. Silakan Yang Berhormat Senator.

3.07 ptg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang telah saya hujah tadi untuk rang undang-undang yang baru diluluskan itu, saya pohon diterima pakai. Cuma, ada beberapa soalan sahaja itu sahaja. Terus ke soalan iaitu pertamanya ialah apakah pelaburan baharu yang telah dimeterai oleh SEDA yang memfokuskan secara khusus pembangunan tenaga lestari di negeri Sabah?

Kedua, bagaimanakah pelaburan tersebut berupaya mendorong penggunaan tenaga lestari atau tenaga boleh baharu dalam kalangan isi rumah di negeri tersebut khususnya di daerah-daerah yang berpopulasi tinggi?

Ketiga, adalah peranan yang akan turut dimainkan secara bersama oleh SEDA untuk menyokong segala agenda pemerkasaan tenaga boleh baharu yang direncanakan oleh Kerajaan Negeri Sabah selepas penyerahan autonomi kelak? Itu sahaja tiga soalan untuk—Ya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof. Sila Yang Berhormat Senator.

3.09 ptg.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun agak sukar juga sebab kedua-dua akta ini sama sahaja. Akan tetapi, sebagai memenuhi *curiosity* saya kepada pencapaian dan dasar, maka saya terpanggil untuk bangun untuk memberikan-membuat persoalan-persoalan sebagai memenuhi *curiosity* saya kepada kemampuan dan keupayaan kita mencapai apa yang telah diputuskan, tanpa merujuk kepada khusus Sabah secara umumnya.

■1510

Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang *trilemma*- kita ada *dilema*. Yang ini dia "*trilemma*" iaitu tiga perkara yang sangat sukar untuk kita membuat keputusan iaitu pertamanya ialah *reliability*, *affordability* dan juga *sustainability* yang melibatkan soal *energy equity*, *energy security* dan *energy sustainability*.

Namanya *trilemma* sebab kerajaan terpaksa membuat keputusan-keputusan yang sukar dalam kita berpindah kepada RE ataupun tenaga boleh ubah. Maka pertamanya paling sukarnya sebab kita sudah buat keputusan *that no nuclear power*. Kita tidak akan gunakan tenaga bersumberkan nuklear. Itu sudah menjadi satu ketetapan.

Jadi yang tinggal kepada kita ialah *non-fossil* ini sama ada solar, sama ada apa lagi yang *non-fossil* punya, biogas *maybe* dan sebagainya. Cuma soalan yang saya ingin kemukakan sebagai memenuhi *curiosity* saya kepada sejauh manakah kemampuan kita untuk pergi jauh daripada apa yang ada sekarang iaitu pada tahun 2018 punya *latest finding*-nya bahawa kita menggunakan *thermal power* kita, *gas fired thermal power* pada kadar 43 percent *now*.

Coal dan juga oil 3.4 percent untuk coal dan 5.9 percent untuk oil. Hydropower 17.2 percent. *This is* dia punya *share of power* yang ada. *Other renewable power is only 4 percent* agak rendah ya. Cuma *the share of thermal power* ataupun perkongsian kuasa termal ini dianggarkan mulai tahun 2030, kita sudah pun mengurangkannya daripada sekarang, dari tahun 2018, 79.2 percent kepada 71.2 percent by 2030, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk *renewable power increase* kita hendak menambahkan *power* yang menggunakan *renewable* ataupun tenaga boleh ubah itu ialah 3.6 percent at the rate 2018 kita akan *increase*-kan dia kepada 8.7 percent by 2030.

My question, soalan saya lebih kepada boleh bagi pencerahan kepada Dewan Senat kita ini. *How confident* dari sudut ketetapan-ketetapan yang dibuat itu *that the government today can achieve realistically*. Based on the *trilemma* punya isu yang saya yakin bahawa isunya bukan hanya melibatkan soal TNB sahaja tetapi *across the board in terms of* kesedaran, *in terms of* penggunaan atau *consumerism*, *in terms of* membantu macam mana infrastruktur di peringkat negeri, di peringkat agensi tempatan contohnya.

Kerajaan Tempatan sudah-c peratus sudah yang telah berpindah kepada *renewable energy*? So, *all this come under one big programmed* yang saya jadikan soalan-soalan itu sebagai saya punya rujukan dan berikan kami keyakinan di dalam Dewan Senat yang mulia ini.

Sejauh mana kemampuan Kerajaan Madani hari ini dapat mencapai bersesuaian dengan konsep Madani yang mana teras pertamanya ialah kemapanan atau *sustainability*. So, *how sustainable the government today can perform in order to fulfill* apa objektif-objektif yang telah saya gariskan. Saya mohon maaf kerana tidak ada kena mengena dengan pindaan tetapi saya rasa baik untuk Dewan dan rakyat mengetahuinya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya setuju dengan soalan itu.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris.

3.14 ptg.

Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua walaupun kedua-dua rang undang-undang ini berkisar isu yang sama tetapi untuk memenuhi

formaliti dan ia berkenaan dengan negeri Sabah saya ambil peluang untuk membahaskan juga rang undang-undang ini.

Saya mengambil peluang ini sekali lagi untuk turut sama menyertai perbahasan pindaan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari yang merupakan susulan daripada pindaan Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini sebentar tadi.

Kita sedia maklum bahawa rang undang-undang ini memperuntukkan kuasa terhadap penubuhan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan fungsi terhadap perkara yang berkaitan dengan tenaga lestari. Ia juga termasuklah pelaksanaan mekanisme Tarif Galakan atau *Feed-in Tariff* yang diperuntukkan di bawah Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Oleh yang demikian, sudah tentu pindaan ini perlu sama diluluskan agar proses dan urusan penyerahan kuasa autonomi, kuasa mengawal selia pembekalan elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah termasuk fungsi, kawal selia terhadap perkara-perkara berkaitan tenaga lestari dapat dilaksanakan dengan teratur dan sempurna hendaknya.

Sektor tenaga berpotensi menjadi pemangkin utama kepada pembangunan saksama antara wilayah yang mana sumber tenaganya di manfaatkan bagi membangunkan industri hiliran bernilai tinggi di Sabah khususnya.

Justeru Dasar Tenaga Negara 2022-2040 membuktikan komitmen Kerajaan Persekutuan kepada peralihan tenaga yang akan memberi manfaat kepada pelbagai pembangunan sosioekonomi di kawasan luar bandar tentunya. Bahkan sektor tenaga dan industri berintensif kan tenaga menyumbang sebanyak 28 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan 25 peratus daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja.

Ini tentulah sesuatu yang kita harap dapat memanfaatkan sektor ekonomi khusus di Sabah dan saya ingin bertanya kepada kementerian. Adakah pelan jangka masa pendek dan panjang yang ingin dicapai berdasarkan pelan Dasar Tenaga Negara dan apakah impak kepada peralihan kuasa kepada Kerajaan Negeri Sabah dalam melaksanakan Dasar Tenaga Negara ini.

Ketika ini sektor tenaga juga diurus tadbir oleh pelbagai kementerian, agensi dan badan kawal selia pada masa kini. Justeru, apakah bentuk jalinan kerjasama strategik yang dirangka sebagai *guideline* bagi memastikan aspek tadbir urus melibatkan semua aspek dalam memberi manfaat yang lebih kepada negeri Sabah serta bagi memastikan Sabah akan memperoleh manfaat ekonomi dan kekal berdaya saing di peringkat global dengan mengikuti trend peralihan tenaga berdasarkan visi dan misi Dasar Tenaga Negara ini.

Umum mengetahui bahawa penggunaan sumber tenaga yang boleh diperbaharui dan tenaga lestari akan mengurangkan kadar pelepasan karbon yang menyumbang kepada penurunan kualiti udara dan pencemaran lain.

Selain itu penggunaan tenaga lestari juga akan mengurangkan perubahan iklim serta melindungi alam sekitar. Saya juga ingin mendapat maklumat berkaitan Aspirasi Negara Rendah Karbon 2040. Adakah ia berada di landasan yang sepatutnya pada ketika ini dan serta bagaimana keberhasilan perkongsian mode dalam penggunaan pengangkutan awam bandar, penggunaan elektrik *vehicle*, penggunaan bahan api alternatif yang rendah karbon bagi kenderaan berat dan pengangkutan marin serta peningkatan kecekapan tenaga dalam sektor perindustrian, komersial dan kediaman mampu dicapai menjelang tahun 2040.

Sudah tentu kami warga Sabah mengharapkan adanya sinar baharu terutamanya melibatkan sosioekonomi bagi memastikan kemajuan negeri kami ini setara dengan Semenanjung. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat Senator yang lain walaupun bukan berasal dari Sabah tetapi turut bersama-sama berbahas dan menyuarakan keprihatinan mereka dengan masalah bekalan elektrik di negeri Sabah yang kian lama membelenggu negeri Sabah pada masa kini.

Sudah tentu kami membawa harapan bersama agar pindaan kepada rang undang-undang ini juga adalah sebagai salah satu- jalan penyelesaian kepada isu ini di Sabah. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang.

3.19 ptg.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua di hadapan kita merupakan suatu akta yang diwujudkan bagi memperuntukkan kuasa terhadap penubuhan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari atau *Sustainable Energy Development Authority*, dengan izin, SEDA sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan fungsi dan kuasa terhadap perkara-perkara berkaitan tenaga lestari.

■1520

Peruntukkan dalam rang undang-undang ini memasukkan peruntukkan agar proses dan urusan penyerahan kuasa autonomi pembekalan elektrik kepada negeri-negeri termasuk Sabah termasuk fungsi kawal selia terhadap perkara-perkara berkaitan tenaga lestari dapat dilaksanakan dengan teratur. Rang undang-undang ini juga bagi memastikan proses pemulangan kuasa pembekalan elektrik kepada negeri Sabah. Ini satu langkah yang baik kerana akan melancarkan pelaksanaan dan kawal selia program-program tenaga boleh baharu di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya pertamanya saya ingin tahu kapasiti dan keupayaan SEDA bagi pembangunan tenaga lestari di Malaysia. Saya juga ingin tahu adakah akan berlaku pertindihan skop dan bidang kuasa antara SEDA dan Suruhanjaya Tenaga? Saya ingin bertanya mengenai tenaga solar yang antaranya salah satu tenaga boleh baharu. Negara kita *alhamdulillah* kaya dengan sinaran matahari setiap hari oleh sebab kedudukan kita berdekatan dengan garisan khatulistiwa. Sememangnya tenaga solar harus di manfaatkan sebagai tenaga boleh baharu kerana ia tenaga bersih dan murah berbanding dengan tenaga arang yang menghasilkan tenaga elektrik.

Saya difahamkan bahawa Tenaga Nasional Berhad (TNB) berminat dalam pembangunan tenaga solar di Malaysia dan terutamanya di Sabah. Disebabkan TNB ini merupakan GLC kerajaan, saya ingin bertanya. Adakah setakat ini TNB menghadapi masalah apabila terpaksa bersaing sengit dengan pelabur-pelabur dari dalam dan luar negara untuk membangunkan tenaga elektrik daripada tenaga solar ini. Ini kerana kita harus mengutamakan GLC kerajaan. TNB juga mempunyai kepakaran dan kebolehan dalam pembangunan tenaga solar.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai fasa dua bertujuan meminda seksyen 1, Akta 726 dengan memasukkan subseksyen baharu iaitu subseksyen 3 untuk memberikan Menteri kuasa untuk menggantung kuat kuasa keseluruhan atau mana-mana Malaysia Akta 726 di bahagian-bahagian yang berlainan di Malaysia. Apabila kita membincangkan mengenai perkara ini, saya lihat Menteri akan mempunyai kuasa yang agak besar untuk menukar atau menggantungkan mana-mana peruntukan akta yang ada.

Adakah ini akan memberi kesan besar kepada daya niaga pihak swasta untuk beroperasi khususnya pihak-pihak yang terlibat dengan *independent power producer* (IPP), dengan izin. Maka, akan timbul kebimbangan mengenai salah guna kuasa yang berpotensi untuk menindas mana-mana pihak yang akhirnya akan merugikan rakyat biasa selaku pengguna terakhir.

Seterusnya, adakah kerajaan akan meneruskan hasrat untuk meningkatkan lagi program dan latihan dalam dua bidang utama iaitu sumber tenaga boleh diperbaharui dan tenaga lestari. Apakah langkah-langkah sokongan kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan atau R&D di mana ia akan menyumbangkan pada wujudnya banyak peluang pekerjaan mahir dan akan melahirkan ramai pakar tenaga baharu pada masa hadapan?

Tuan Yang di-Pertua, semoga dengan pembentangan rang undang-undang ini kementerian akan menjalankan aktiviti penerokaan, pembangunan dan pengeluaran dalam bidang tenaga lestari dan semoga kerajaan akan berjaya membawa masuk pelaburan bermodal tinggi, melahirkan tenaga mahir yang khusus dan teknologi baharu bagi memastikan kelangsungan jangka masa panjang tenaga baharu dan lestari. Saya dengan ini menyokong

Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Pindaan). Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

3.24 ptg.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan wujud klausa penggantung ini, Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam warta menggantung penguatkuasaan Akta 726 supaya kuasa kawal selia pembangunan tenaga boleh baharu (TBB) termasuk pelaksanaan *Feed-in Tariff* boleh diambil oleh Kerajaan Negeri Sabah. Oleh sebab Sabah bakal menguruskan atau mengawal selia sendiri sumber tenaga ini, saya ingin bertanya beberapa soalan berkaitan SEDA supaya Sabah boleh belajar daripada pengalaman ini.

Pihak Berkuasa Pembangunan Lestari (SEDA) Malaysia merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Lestari 2011 [Akta 726]. Matlamat utama SEDA ialah untuk mentadbir dan menguruskan pelaksanaan mekanisme tarif galakan daripada mandat yang diberikan di bawah Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725]. Oleh itu, saya pohon penjelasan daripada kerajaan. Apakah usaha yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan SEDA serta memastikan supaya tiada pertindihan skop dan bidang kuasa antara SEDA dan Suruhanjaya Tenaga?

Tuan Yang di-Pertua, Projek Hidroelektrik Nenggiri Kelantan seperti yang disebutkan oleh sahabat saya tadi dalam RUU 725 juga satu usaha untuk menghasilkan tenaga boleh baharu untuk menjaga kelestarian alam sekitar. Projek ini akan menjana 300 megawatt tenaga elektrik dan sekali gus dapat menghindari 355 tan karbon dioksida. Pelaksanaan ini juga dapat membantu kerajaan mencapai sasaran 31 peratus tenaga boleh baharu dalam pembekalan elektrik tenaga pada tahun 2025 dan 40 peratus menjelang tahun 2035.

Keadaan bentuk muka bumi menjadikan Sabah amat berpotensi untuk meneroka sumber tenaga boleh baharu (TBB) dengan kelulusan akta ini. Sabah berpeluang untuk menguruskan dan mengawal selia sendiri sumber tenaga dan diharapkan ia boleh membantu mengatasi masalah tenaga elektrik yang dialami sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah membaca Laporan Audit Pengurusan Program Tenaga Boleh Baharu 2020 dan beberapa syor telah dicadangkan oleh Audit Negara untuk diambil tindakan bagi mengatasi kelemahan dan bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang pada masa hadapan. Jadi, Sabah boleh belajar daripada pengalaman ini dan syor-

syor daripada Audit Negara sebagai panduan dalam mengurus dan mengawal selia program-program tenaga boleh baharu supaya kelemahan yang sama tidak berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya berkaitan dengan SEDA. Apakah bentuk kolaborasi dan agensi oleh SEDA ke arah usaha menyokong dan menggalakkan aktiviti penyelidikan dan inovasi yang berkaitan dengan pembangunan tenaga lestari sekali gus mendorong penyertaan orang awam bagi meningkatkan kesedaran mengenai bidang tenaga lestari?

Soalan terakhir saya. Adakah kerajaan menerusi SEDA berhasrat untuk mempergiatkan latihan dan program berkaitan pembangunan sumber manusia khususnya dalam dua bidang utama iaitu sumber tenaga boleh baharu dan juga kecekapan tenaga. Oleh itu, saya mohon penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Dengan itu saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Aknan a/l Ehtook.

3.29 ptg.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya tajuk tentang tenaga boleh baharu ini sangat menarik kerana ramai yang membahaskan. Jadi, saya ada sedikit lagi perkara yang hendak dicakapkan kepada kementerian dan juga Menteri tentang isu ini. Kita lihat dalam senarai fungsi SEDA itu ada pelbagai. Antaranya ialah untuk melaksanakan langkah-langkah untuk menggalakkan penyertaan orang awam dalam tenaga yang lestari ini.

Jadi, saya hendak bertanya. Apakah tindakan dibuat? Hal ini kerana saya rasa *uptake* dengan izin, tenaga solar di rumah dan sebagainya masih lagi kurang dan saya difahamkan satu punca ialah kos pelaburan yang tinggi. Tempoh pulangan balik yang lama mungkin lima, enam tahun. Jadi kalau ada insentif ataupun usaha kerajaan untuk mengurangkan tempoh pulangan tersebut mungkin lebih menarik ataupun ditingkatkan kadar beli balik bawah *net energy metering* itu. Mungkin lebih ramai yang akan menyertai skim tersebut.

■1530

Di samping itu, kita dapati juga ada bangunan-bangunan kerajaan yang tadi Yang Berhormat Menteri menyebut untuk menggalakkan lebih banyak pejabat kerajaan dan sebagainya. Kita dapati bahawa kita ada lebih daripada 10,000 buah sekolah yang masing-masing terkial-kial untuk mencari sumber kewangan untuk memasang *air conditioner* untuk bilik guru dan sebagainya. Ini kerana apabila datang musim yang sentiasa panas ini, guru-guru akan menjadi gelisah kerana tidak ada *air conditioner* dan sekolah alasannya tidak cukup duit untuk bayar bil.

Jadi, adakah kita boleh menggunakan bumbung-bumbung di sekolah ini untuk mendapatkan sumber tenaga yang lebih murah untuk digunakan di sekolah. Ada skim bantuan melalui PIBG dan sebagainya, boleh memanfaatkan cahaya matahari yang menyinar hari-hari. Kalau tidak, matahari yang ada hari-hari itu, kita guna untuk jemur kain dan jemur ikan sahaja. Kita boleh guna lebih baik daripada itu.

Jadi, saya harap kerajaan dapat memberi tumpuan pada ini. Satu perkara lagi ialah tentang usaha untuk menarik penggunaan tenaga ini ialah tentang bagaimana kita boleh mengoptimumkan insentif yang kita boleh berikan. Adakah tidak, kita boleh naikan insentif untuk tenaga yang boleh diperbaharui ini berbanding dengan mengurangkan insentif kepada tenaga fosil. Dengan cara ini, mungkin kita boleh mengubah keseimbangan penggunaan tenaga tersebut. Jadi, itulah perkara-perkara yang mungkin boleh diambil perhatian oleh kementerian dan dengan itu saya ingin menyokong RUU ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

3.32 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya oleh Tuan Yang di-Pertua.

Sebelum ini kita sudah berbincang berkaitan dengan Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023. Jadi kali ini, kita berbincang tentang lestari. Jadi, saya sangat bersyukur dan ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Perpaduan kerana telah melaksanakan. Ini satu proses pelaksanaan pemulangan hak oleh Kerajaan Pusat kepada negeri Sabah di bawah MA63. Jadi, tahniah diucapkan dan saya percaya undang-undang ini nanti akan memberi kuasa penuh ataupun memberi pelepasan daripada Kerajaan Persekutuan untuk tidak lagi terlibat di dalam menguruskan tenaga elektrik di Sabah.

Walau bagaimanapun, apa yang saya ingin bertanya kepada pihak kementerian adalah sama ada dalam keadaan di mana ayatnya sama, frasanya sama bahkan perkataannya pun sama di sini. Jadi, adakah ini adalah seolah-olah macam satu pembaziran ataupun seolah-olah tidak perlu.

Jadi, jika pun ayat yang sama ini, perkataan yang sama ini adalah di dalam dua undang-undang yang kelihatan berbeza, jadi bolehkah pihak kerajaan ataupun kementerian menjelaskan perkara ini. Ini kerana dia menggunakan frasa yang sama dalam segi undang-undangnya yang nanti boleh dijelaskan. Memang rasanya kita agak tahu tetapi rakyat di luar sana perlu dijelaskan kerana dengan ayat yang sama, perkataan yang sama ini nanti rakyat akan bertanya, kenapa perlu ada dua undang-undang sedangkan perkara ini sama sahaja. Jadi, ini perlu penjelasan nanti.

Saya juga berharap supaya dengan adanya undang-undang ini juga di mana Sabah akan mengendalikan elektriknya sendiri, pemulangan kuasa elektrik itu. Jadi, maknanya kita ada tiga entiti yang berkuasa ke atas elektrik di negara ini iaitu Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Jadi, justeru itu saya menjangkakan ataupun mungkin kita boleh merasakan bahawa ada perbezaan terutamanya tarif elektrik ini, sama ada tarif ini- kerana kita tidak lagi, kerana Kerajaan Persekutuan tidak lagi menguasai, ada *jurisdiction*, dengan izin, di Sabah dan Sarawak.

Jadi, bagaimanakah kaedah-kaedah untuk menyelaraskan tarif elektrik ini di dalam kerajaan ini? Ini kerana di dalam negara ini perlu ada undang-undang yang di mana dalam Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan mengatakan kita perlu ada kesaksamaan. Jadi, mungkin ada yang mahal di satu buah negeri, contohnya di Sabah ataupun di Sarawak ataupun mana-mana, mungkin di Semenanjung Malaysia ini tarif elektriknya tinggi. Sedangkan di tempat yang lain itu kerana mereka ada undang-undang mereka sendiri. Jadi, kita tidak boleh campur tangan.

Apakah kaedah-kaedah yang digunakan oleh kerajaan untuk mengawal keadaan ini? Begitu juga ada di dalam satu keadaan di mana rakyat selalu bertanya, kenapakah tarif elektrik di rumah lebih mahal berbanding di kilang-kilang? Pun ada begitu. Jadi justeru itu, apabila rakyat buat aduan begini seolah-olah ini berterusan. Jadi, adakah Menteri ada kuasa untuk menyelaraskan di seluruh negara? Ini kerana Menteri ini sebenarnya untuk Malaysia, namanya pun Menteri di dalam Malaysia ini.

Justeru itu, saya harap perkara ini apabila kita ada tiga *jurisdiction*, dengan izin, pihak berkuasa yang menguasai elektrik di negara ini, saya harap ada satu kesamarataan di dalam tarif-tarif ini supaya tidak ada pihak yang mengenakan tarif yang tinggi pada satu tempat- tarif yang rendah. Jadi, walaupun begitu saya tidak ada masalah untuk menyokong rang undang-undang ini. Jadi, saya ucapkan terima kasih dan saya dengan ini menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Sekarang saya menjemput Tuan Isaiah a/l D Jacob, sebagai pembahas yang terakhir. Sila Yang Berhormat Senator.

3.37 ptg.

Tuan Isaiah a/l D Jacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mula berbahas. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua, dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Isaiah a/l D Jacob: Rang undang-undang hampir sama. Kedua-duanya nampak lebih bersama. Akan tetapi apa yang saya nampak di sini, apa yang telah dikata sahabat saya, saya setuju dengan Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris yang mengatakan isu

masalah elektrik ini sepatutnya kita kena beri balik kepada kerajaan Sabah untuk mengendalikan dan mereka lebih arif di tempat yang- mereka faham bagaimana hendak uruskan.

So, mesti beri ruang untuk mereka untuk melaksanakan. Akan tetapi, apa yang saya kecewa ataupun tidak puas hati di dalam sini. Saya sentiasa bawa isu golongan istimewa di mana di Sabah pun ramai golongan istimewa berada di kawasan-kawasan di hulu di mana mereka tidak dapat nikmat bekalan elektrik di kawasan mereka dan juga sekolah-sekolah PDK juga terlibat.

Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan dalam masa sekarang iklim, cuacanya panas. So, apabila *air conditioner* ataupun penghawa dingin diletakkan, tidak ada elektrik yang sempurna bagi mereka, bagaimanakah PDK akan dijalankan? Saya ingin hendak tekan dan ingin mengetahui ataupun ingin hendak tahu daripada kerajaan, sampai bilakah perkara ini akan dilanjutkan? Adakah dalam masa yang terdekat ataupun lama lagi? Setiap kali kita berkumpul dan kita bincang isu pindaan-pindaan tetapi tidak ada realiti ataupun tidak ada sesuatu tindakan yang tegas diambil, dilaksanakan dan dijayakan perkara ini.

So, saya rasa golongan istimewa tidak dianiayai dengan ataupun kelemahan-kelemahan manusia. So, saya mengharapkan dan saya tekan Kerajaan Malaysia dan juga negeri Sabah untuk melaksanakan dan menjalankan tanggungjawab mereka secepat mungkin dan untuk mendapatkan khidmat bagi golongan istimewa.

Dengan ini saya bersetuju dengan rang undang-undang tersebut. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ringkas cerita Yang Berhormat Senator itu. Terima kasih Yang Berhormat. Seramai sembilan orang Ahli Yang Berhormat telah berhujah dalam rang undang-undang.

■1540

Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim untuk menjawab.

3.50 ptg.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada sembilan Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dan juga berbahas dalam rang undang-undang ini.

Saya ucapkan terima kasih kerana saya fikir banyak hujah yang dibentangkan berbeza dengan perbahasan sebelum ini. Jadi, ada perkara baharu yang boleh kita sentuh. Pertama sekali, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas bertanya tentang pelaburan baharu yang telah dimeterai oleh SEDA, khusus untuk negeri Sabah.

Sehingga kini ada 811 projek *feed-in tariff* dengan kapasiti 141.9 megawatt yang telah diluluskan di Sabah dengan nilai pelaburan jangkaan sebanyak RM1.25 bilion dan daripada jumlah tersebut, 76.77 megawatt telah beroperasi dengan pelaburan RM596 juta. Dengan tambahan kapasiti tenaga boleh baharu tersebut, tenaga boleh baharu dalam pembekalan elektrik Sabah iaitu sebanyak kapasiti sebanyak 19 peratus.

Seterusnya tentang apa yang peranan yang boleh dimainkan secara bersama oleh SEDA untuk menyokong agenda pemeraksanaan tenaga boleh baharu yang dirancang oleh Kerajaan Negeri Sabah selepas penyerahan kuasa pembekalan elektrik kelak.

SEDA masih lagi boleh berkongsi pengetahuan, pengalaman dan maklumat dengan Kerajaan Negeri Sabah selepas penyerahan kuasa kawal selia bekalan elektrik bagi membantu memperkasakan agenda TBB di Sabah.

Untuk makluman, kita ada JPAC Semenanjung, yang mana sebagai mana yang saya sebutkan tadi kita merancang *20 years ahead plan* penjanaan untuk Semenanjung dan bagaimana, apa kita nak. Gas atau solar atau dan seterusnya? Jadi, pada masa yang sama dalam mesyuarat tersebut juga kita akan mengambil kira mesyuarat JPAC Sabah.

Sebelum ini Mesyuarat JPAC Sabah dipengerusikan bersama oleh Menteri yang bertanggungjawab ke atas tenaga elektrik. Buat masa ini ialah saya dan Ketua Menteri Sabah tetapi baru-baru ini saya- itu merupakan kalau ikut rancangannya, jadualnya baru-baru ini mesyuarat yang saya mempengerusikan iaitu mesyuarat terakhir. Apabila kita luluskan perkara-perkara ini dan kita serahkan kawal selia tenaga elektrik kepada negeri Sabah.

Selepas ini JPAC Sabah akan dipengerusikan oleh Ketua Menteri Sabah. Akan tetapi, walaupun begitu nanti kita akan ada pemakluman daripada Kerajaan Negeri Sabah, sebagai mana hari ini kita juga terima pemakluman daripada Kerajaan Negeri Sarawak, supaya kita ada satu gambaran nasional tentang penjanaan tenaga.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa membangkitkan tentang isu *energy trilemma*, dan sejauh mana kita mampu mencapai dengan izin, *our lofty and ambitious goal* yang disebut tadi. Memang betul, kalau hari ini kita ada kapasiti 25 peratus, kita hendak capai 70 peratus menjelang tahun 2050 bukan angka yang kecil. Akan tetapi saya fikir kita juga ada sebelum ini. Ini sebenarnya warisan daripada kerajaan sebelum ini pun mereka telah menyatakan kita ada *net-zero earliest by 2050 target*, dengan izin. Jadi, itu juga satu sasaran yang besar tetapi bagi kita ini merupakan perkara-perkara yang kita perlu letakkan supaya dengan itu kita dapat merangka dasar-dasar yang relevan.

Hari ini kita ada banyak syarikat RE100, dengan izin, syarikat-syarikat yang komited untuk mendapat tenaga 100 peratus daripada tenaga boleh baharu. Ada sebahagian daripadanya, misalnya yang terlibat dalam elektronik seperti Apple. Mereka punya sasaran ialah tahun 2030 dan ia jua akan menjangkau *scope three* pembekal-pembekal secara tidak

langsung akan terkena dan kita banyak syarikat kita sekarang membekalkan barangan kepada syarikat-syarikat ini dan juga akan kena *comply*, dengan izin.

Jadi, sebab itu ataupun peraturan CBAM yang ada di Kesatuan Eropah. Itu semua implikasi-implikasi yang besar. Jadi, kita perlu ada pertama, sasaran yang besar dan seterusnya dasar-dasar yang dapat kita capai. Kita yakin dengan beberapa perkara yang kita buat, dengan misalnya kita membuka eksport kepada luar negara secara terancang, apabila kita meluaskan lagi akses kepada tenaga solar, ia akan membantu perkara tersebut untuk menjadi realiti.

Jadi, sebab itu sebenarnya ada beberapa, dengan izin, *low-hanging fruit*. Satu yang saya sebut tadi ialah *rooftop solar*. *Rooftop solar* ini sebab bila kita hendak *large scale solar* yang dibuat di atas tanah atau pun dibuat secara terapung, itu pun ada juga potensi. Kita ada beberapa buah kawasan telah pun dipasang di atas badan air, *floating solar*. Akan tetapi kalau melibatkan tanah, kos dia kadang-kadang tinggi dan bukan murah tetapi kita ada banyak kerajaan sendiri. Kita ada sekolah, kita ada universiti, kita ada hospital, Parlimen mungkin ya kita boleh pasang panel-panel solar ini untuk jana tenaga.

Jadi, itu antara perkara-perkara yang kita hendak galakkan dan untuk infrastruktur bangunan kerajaan sahaja, peruntukan iaitu RM50 juta yang kita akan belanjakan pada tahun ini. Kita juga hendak membolehkan akses kepada syarikat-syarikat korporat yang sangat dahagakan tenaga boleh baharu ini untuk mendapat akses. Oleh sebab itu, saya katakan di perbincangan sebelum ini tentang *ASEAN Power Grid*, sebenarnya kalau kita lihat di banyak negara, di Eropah misalnya bagaimana mereka mampu untuk merancakkan tenaga boleh baharu, sama ada di sana angin atau solar ialah apabila mereka mempunyai grid yang lebih besar.

Grid antara misalnya *United Kingdom*, mereka ada sambung tara dengan Perancis dengan negara-negara *Scandinavia*, Belanda untuk membolehkan perdagangan tenaga itu berlaku. Sekarang pun berlaku. Malaysia ada membeli dari Laos, Singapura membeli dari Laos dan kita juga ada guna sambung tara ini untuk *balancing*. Jadi, bila kita membesarkan lagi kapasiti sambung tara ini, dia membantu kita untuk meningkatkan tenaga boleh baharu dan macam satu perkara yang saya ada tekankan ialah tentang soal *battery storage*.

Antara kekangan kita hari ini, kita *generate* solar yang banyak pada waktu tengah hari tetapi selepas itu tenaga itu hilang begitu sahaja. Jadi, bila ada *battery storage*, ia boleh disimpan. Cuma kekangannya ialah bila harga tarif kita agak- banyak peringkat masih lagi subsidi yang besar, maka tidak menarik untuk meneroka peluang-peluang baharu.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris bertanya tentang pelan jangka masa pendek dan panjang yang ingin dicapai berdasarkan dasar tenaga negara. Jadi, untuk makluman, dasar tenaga negara sebab dia mencakupi bukan sahaja tenaga elektrik tetapi mencakupi juga gas, petroleum dan bila bergerak ke depan, hidrogen.

Jadi, sebenarnya ia di bawah Kementerian Ekonomi dan dalam minggu depan, saya difahamkan Kementerian Ekonomi menerusi libat urus kementerian-kementerian seperti NRECC, MOSTI dan sebagainya, akan melancarkan satu- pelan yang terbaharu dengan mengambil kira sasaran-sasaran yang lebih *ambitious*, yang disebut tadi, dengan izin.

Akan tetapi sememangnya di peringkat kerajaan, kita mengambil pendekatan *whole of government approach* bukan silo untuk kita berbincang memastikan ada keselarasan antara kementerian-kementerian dan agensi-agensi di dalam kerajaan.

Tentang jalinan strategik untuk yang dapat memberi manfaat kepada negeri Sabah. Jadi, memang Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah telah melaksanakan kerjasama strategik melalui program sangkutan ataupun *attachment program* dengan izin, perkongsian maklumat- *knowledge sharing* yang melibatkan Suruhanjaya Tenaga, Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) dengan pihak Suruhanjaya Tenaga Negeri Sabah ataupun ECOS bagi fungsi-fungsi yang akan diambil alih oleh ECOS. Saya boleh katakan, kebanyakan perkara ini diselesaikan di peringkat teknikal tanpa perlu campur tangan saya atau pun Ketua Menteri Sabah. Jadi, menunjukkan hubungan baik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah.

Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati bertanya tentang kapasiti dan keupayaan SEDA dalam pembangunan TBB di Malaysia. Jadi, SEDA ini memang agensi yang dipertanggungjawabkan untuk *feed-in tariff* di Malaysia dan mempunyai pengalaman dan kapasiti yang luas dalam mengawal selia dan melaksanakan program TBB di negara kita. Jadi, saya boleh katakan bila mereka menilai cadangan atau pun permohonan dan sebagainya, laporan-laporan yang diberikan adalah sangat mendalam untuk membolehkan perkara ini sebarang permohonan kalau ditolak ataupun diluluskan dapat dijustifikasikan.

Tentang pertindihan skop, saya ingat ada beberapa Yang Berhormat Senator bangkitkan. Pertindihan skop antara SEDA dan Suruhanjaya Tenaga. Tanggungjawab dan fungsi kedua-dua agensi ini telah diperuntukkan secara jelas di bawah Akta Tubuh kedua-dua agensi. Jadi, SEDA ini antara fungsi utama untuk kawal selia pelaksanaan skim *feed-in tariff* serta menggalakkan pembangunan tenaga lestari.

■1550

Manakala ST adalah untuk memastikan keterjaminan dan keselamatan sistem bekalan elektrik selain memastikan keselamatan awam, daripada segi aspek bekalan elektrik. Jadi, di situ ada Akta 610 untuk ST dan Akta 726 untuk SEDA. Ia telah wujud secara jelas. Adakah TNB berdepan dengan saingan yang besar daripada pelabur luar? Jadi bagi kita, kita menganggap TNB adalah seperti mana-mana projek pemaju TBB yang hendak membangunkan projek tenaga boleh baharu termasuk solar.

Kita ada peraturan-peraturan yang disebut. Kita ada tatacara kita ada rancangan JPAC dan sebagainya dan bagi saya TNB tidak ada masalah untuk bersaing. *I think TNB has*

achieved a lot, dengan izin, dalam sejarah penubuhannya. Malah, hari ini TNB sebagaimana yang saya sebut iaitu antara pelabur besar di *United Kingdom* menerusi Vantage RE Ltd., dengan tenaga solar dan juga tenaga angin. Juga baru-baru ini ada satu projek di Australia, pembida terakhirnya ialah Gentari Sdn. Berhad milik PETRONAS, dan TNB.

Jadi ini menunjukkan kemampuan syarikat-syarikat negara untuk bersaing. Jadi, tidak perlu bagi saya kita risau tentang kemampuan TNB. Saya hendak sentuh sedikit sahaja tentang soal sekali lagi pemberian kuasa kepada Yang Berhormat Menteri, dan libatkan daya niaga syarikat besar seperti IPP dan sekiranya kerisauan salah guna kuasa.

Pertama ialah, perkara ini sudah ada dalam Akta Bekalan Elektrik dan juga Akta ST. Jadi, ia tidak ada dalam dua akta baharu ini yang kita bincangkan. Kita nak seragamkan supaya kawal selia ini boleh kita buat. Semua pemegang kelulusan-kelulusan galakan yang telah menandatangani Perjanjian Penjualan Tenaga Boleh Baharu (REPPA) ia tidak akan mengganggu apa yang telah dijamin kepada mereka. Kerajaan akan pastikan aspek-aspek teknikal, operasi dan perundangan diperhalusi, sebelum sebarang penyerahan kuasa perbekalan elektrik dilaksanakan.

Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina telah bertanya tentang apakah bentuk kolaborasi SEDA, berkaitan kajian dalam menggalakkan lebih banyak penglibatan awam dan adakah kerajaan menerusi SEDA berhasrat untuk menggiatkan lagi latihan berkaitan sumber manusia, berkaitan dengan TBB dan kecekapan tenaga?

Jadi, sememangnya di SEDA kita menyediakan kursus dan latihan khas berkaitan pembangunan TBB dan kecekapan tenaga. Antara lain *Grid-Connected PV, GCPVC System Design, Off-Grid PV System Design, GCPV for Wireman and Chargeman, GCPV for Installation and Maintenance*, dengan izin, ini antara *green jobs* yang kita mahukan, yang berkemahiran tinggi dan sangat diperlukan hari ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook telah bertanya, apakah boleh digunakan bumbung-bumbung sekolah untuk dipasang sistem solar untuk membantu menurunkan bil elektrik sekolah dan apakah bentuk bantuan yang boleh diberikan oleh kerajaan? Sebelum ini, di bawah mekanisme *feed-in tariff* terdapat kuota khas yang telah diperuntukkan di bawah kategori komuniti. Sehingga Mei 2023, 35 projek telah dipasang dengan kapasiti sebanyak 0.76 megawatt untuk membantu mengurangkan bil elektrik bulanan.

Kita juga ada program yang dipanggil NEM GoMEEn untuk bangunan-bangunan kerajaan. Sekarang dengan apa yang telah dilancarkan oleh Kementerian Ekonomi baru-baru ini, program RM50 juta untuk bangunan-bangunan kerajaan juga antara perkara yang boleh dimanfaatkan oleh pihak-pihak sekolah.

Saya boleh katakan di sini bahawa banyak institusi kerajaan, universiti, sekolah, hospital malah telah mendapat pengiktirafan rendah karbon dengan inisiatif-inisiatif yang

dilakukan, sama ada menggunakan tenaga boleh baharu ataupun meningkatkan kecekapan tenaga di bangunan masing-masing.

Seterusnya ditanya juga bagaimana boleh dioptimumkan insentif untuk tujuan penggunaan TBB berbanding mengurangkan insentif terhadap penggunaan sumber daripada tenaga fosil. Jadi, apa yang saya boleh sebut untuk syarikat yang kebanyakannya syarikat-syarikat besar yang bukan domestik yang menggunakan *high and medium voltage*, apa yang kita telah buat ialah pertama sekali kita cuba mendekatkan harga yang dibayar sedekat mana sepertimana harga pasaran. Ini dengan meningkatkan surcaj untuk syarikat-syarikat tersebut di bawah ICPT. Memang kenaikan yang ketara, tetapi tidak adil untuk kita subsidikan secara pukol rata dari kilang-kilang sebesar-besar dengan berbilion-bilion pendapatan mereka sampailah kepada kilang-kilang kecil yang perlu dibantu oleh kerajaan.

Jadi menerusi pendekatan tersebut, sekarang ada banyak, bukan sahaja kilang tetapi pusat-pusat membeli belah, mereka memasang panel solar dan sebagainya untuk menjimatkan bil elektrik. Ini antara perkara yang kita harus buat. Kalau kita tidak *address* soal subsidi pukol rata ini kita tidak patut bercakap pun fasal soal insentif.

Selain itu ada juga insentif khas untuk kegunaan TBB di bawah *Green Investment Tax Allowance* (GITA), dan *Green Income Tax Exemption* di mana permohonan boleh dibuat sehingga 31 Disember 2025 untuk menggalakkan pelaburan hijau, termasuk TBB.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui bertanya tentang perbezaan antara Akta 725 dan Akta 726. Jadi, saya faham memang perkara ini agak teknikal dan kadang-kadang mengelirukan. Akta 725 sebelum ini merupakan satu akta untuk memperuntukkan kuasa bagi pelaksanaan mekanisme tarif galakan- *feed-in-tariff*. Manakala Akta 726 bertujuan untuk memperuntukkan kuasa kepada SEDA untuk melaksanakan perkara-perkara berkaitan pembangunan tenaga lestari, termasuk pelaksanaan mekanisme tarif galakan.

Jadi, inilah yang saya sebut tadi kedua-dua, saya pun tidak tahu akta yang lebih awal iaitu Akta Bekalan Elektrik dan Akta ST ini, dia ada klausa penggantungan tetapi akta yang dibuat kemudian ini tiada klausa penggantungan. Saya tidak tahu apa perkara yang berlaku ketika *the drafting of the bill*, dengan izin, tetapi itulah yang kita hadapi pada hari ini dan kita perlu betulkan untuk membolehkan kawal selia pada Sabah dilakukan.

Tentang perbezaan tarif elektrik di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan apakah yang patut dilakukan Kerajaan Pusat. Jadi, itu realiti. Apabila kami serahkan kawal selia, ini bermakna kuasa saya ialah kepada di peringkat Semenanjung dan juga Labuan. Akan tetapi, Sabah dan Sarawak akan- Sarawak sudah pun sememangnya mengawal selia dan ada operator mereka tersendiri. Sabah akan mempunyai kuasa tersebut bermula 1 Januari 2024.

Bagi saya, ini memenuhi semangat Perjanjian Malaysia 1963 sebab ada geografi kita yang berbeza. Kita pun dipisahkan oleh Laut China Selatan dan keperluan yang mungkin

berbeza. Akan tetapi, tentulah kita perlu bagi kita sambung tara yang kita pernah cadangkan iaitu apabila dibuat Empangan Bakun dahulu, kita fikir penting untuk kita mempunyai *interconnection* antara ketiga-tiga bahagian di dalam Persekutuan Malaysia ini

Tuan Abun Sui Anyit: Mohon mencelah sebab apabila disebut Bakun, saya ada satu ingatan. Ini kerana, dahulu tujuan Empangan Bakun, Mega Bakun itu dibina adalah untuk membawa atau mengeksport tenaga elektrik melalui kabel dasar laut ke Semenanjung. Jadi, apa yang terjadi kepada *initial intention* ataupun, dengan izin, permulaan sebab Bakun dibina dahulu. Adakah ia sudah sama ada ia moratorium ataupun dibatalkan ataupun masih terbuka untuk diaktifkan semula? Terima kasih.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagai mana yang saya sebut, kita masih berbincang tentang perkara tersebut dan sememangnya itu antara perkara yang terbaik kalau kita dapat realisasikan. Sebelum ini antara kekangannya ialah soal kos. Waktu itu harga minyak murah, harga diesel murah, harga gas murah, harga arang batu mutah, tetapi hari ini apabila harga bahan api fosil sudah meningkat, tenaga hidroelektrik daripada Bakun itu menjadi lebih *viable* walaupun terpaksa membina sambung tara ataupun *submarine cable* dari Sarawak ke Semenanjung. Jadi, sebab itu kita sedang dalam proses perbincangan dan saya percaya kita akan lihat *progress* dalam perkara ini dalam masa terdekat.

Akan tetapi, misalnya hari ini Sarawak dapat menikmati satu tarif yang sangat murah, sebab adanya bekalan elektrik yang begitu banyak. Jadi, ini bagi saya secara *local reality* yang kita hadapi dan di banyak-banyak negara pun itu lebih- mereka tidak ada satu *centralized operator* dan sebagainya macam saya kata, selaras dengan Perjanjian Malaysia. Ini pendekatan yang lebih fleksibel untuk negara kita.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah telah bercakap tentang soal masalah masyarakat OKU yang berkaitan juga dengan bekalan elektrik sebentar tadi. Perkara ini kita akan perhatikan secara dekat yang kita akan bincangkan kerana melibatkan beberapa kementerian yang lain tetapi saya di peringkat NRECC, kami faham tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh komuniti OKU dalam soal penggunaan tenaga elektrik dan kos yang ada pada hari ini.

■1600

Tuan Isaiah a/l D Jacob: Mohon, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat terkejut dengan jawapan Menteri. Setiap kali golongan istimewa bangkitkan isu memberi jawapan, kami akan bangkitkan. Berapa lama- 65 tahun. Adakah golongan istimewa, golongan yang ingin nak minta-minta. Ini hak kita. Hak kita 65 tahun, kerajaan tidak melaksanakan golongan istimewa, kanak-kanak diseksa di sana tanpa elektrik. So, saya mohon dengan tegas, kerajaan ambil satu sikap tegas untuk melaksanakan golongan istimewa dan memartabatkan golongan istimewa sebagai rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengenali Yang Berhormat sudah lama sebagai seorang pejuang OKU yang sangat bersemangat dan saya setuju bahawa isu OKU ini perlu dipandang serius dan kita perlu ambil pendekatan yang *whole of government*. Akan tetapi, sebab apa yang saya boleh katakan di sini dengan dasar-dasar yang sedia ada, sebab itu saya kata kami akan berbincang dengan *the main*, ataupun *the lead ministry*, dengan izin, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat supaya kita dapat merangka dasar yang lebih mesra kepada masyarakat OKU.

Oleh sebab kalau kami di peringkat NRECC, kita dapat membuat dasar dan sebagainya tanpa input daripada kementerian yang ada pengalaman yang lama dan merupakan pakar dalam bidang ini, kita takut lari daripada objektif. Akan tetapi *rest assured* Yang Berhormat Senator, bahawa kita tidak akan mengetepikan.

Bagi saya, saya setuju bahawa *universal access* kepada semua rakyat tanpa mengira latar belakang, tanpa mengira keupayaan ini merupakan perkara penting dan kita sudah tahun 2023. *We cannot afford* untuk ambil pendekatan yang meminggirkan masyarakat mana-mana, *marginalize anyone in Malaysia. No one should be left behind* dengan izin. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya izin...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ada satu soalan ya. Soalan saya ini *simple* sahaja, sebab saya dah jauh ke belakang dalam soalan *energy* ini, iaitu fasal solar tadi. Yang Berhormat menyebut, *is a low-hanging fruit* untuk dipasang di rumah-rumah individu dan sebagainya, rumah kerajaan. Akan tetapi, *how well develop*, dengan izin, bahawa *solar system* ini dah bagus, iaitu soalnya kualiti solar sistem itu dibawa ke *tropical countries*, di mana hujannya lebat dan *develop some kind of the functional* kepada *solar cell* itu sendiri.

Yang kedua, dia punya *battery* itu *how long it can last and* yang ketiga harga dia. *I wanted to install in my house* pada tahun 2016. Apabila saya *studykan* dia punya ROI, *it took me about 20 years to ROI* baru *break even*. Jadi, dalam masa 20 tahun, dengan sendirinya solar itu sudah kena diganti balik. Jadi, macam mana?

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila soalan ini ditanya oleh mantan Menteri yang bertanggungjawab ke atas perkara ini dan *very season Parliamentarian*, memang mencabar. Cuma, apa yang saya boleh katakan di sini, saya setuju bahawa sebelum ini, sebab itu kita katakan solar ini boleh, mampu diperluaskan. Cuma sebelum ini pertama, di peringkat awal memang harganya agak mahal, solar. Akan tetapi *as time goes by*, seperti biasa tadi saya ingat ada Yang Berhormat yang menyebut dari zaman telefon bimbit yang besar macam batu bata itu, begitu mahal sehingga hari ini menjadi murah dan lebih canggih, lebih kecil.

Begitu juga solar. *After it has reached economy of scale*, dengan izin, harganya telah jatuh dengan begitu ketara dan Malaysia juga adalah antara *the biggest manufacturer of solar panel* walaupun tidak semestinya teknologi kita, tetapi ia dibuat di negara kita. Jadi apa yang

kita mahu buat hari ini- sebab itu permintaan di peringkat NRECC, kita berbincang supaya kita akan umumkan dalam masa terdekat. Dulu ada beberapa kekangan, daripada segi saiz boleh dipasang panel solar, berapa banyak daripada kapasiti yang hendak digunakan oleh rumah. Perkara-perkara itu kita sedang semak semula sebab kita kata, mungkin perkara itu tidak perlu lagi dalam keadaan hari ini. Jadi, yang itu kita akan umumkan dalam masa yang terdekat.

Kedua, kami juga minta sebab kita tahu tentang soal yang dibangkitkan soal tarif ataupun harga bil elektrik dan sebagainya, kita minta TNB melihat semula untuk *financing* untuk pemasangan solar ini yang lebih mesra untuk pengguna. Sebab kalau *financing* itu tidak mesra, maka ia tidak akan menggiatkan pemasangan solar. Jadi, *we are aware of the problems* Tuan Yang di-Pertua dan kita dalam proses untuk melakukan beberapa perubahan besar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Kita berdoalah *technology improve*, harga turun dan orang *become aware of the advantage*.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, (Dato' Sri Huang Tiong Sii) dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG FI (JABATAN PENYIARAN MALAYSIA)
(PENGESEAHAN) 2023****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****4.09 ptg.**

Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital [Puan Teo Nie Ching]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Fi (Jabatan Penyiaran Malaysia) (Pengesahan) 2023 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) mengenakan kadar bayaran ke atas program-program televisyen yang dimilikinya berdasarkan kadar bayaran program RTM yang telah diluluskan oleh Perbendaharaan pada 2 Februari 2000 dan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Mac 2001.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Mac 2001 semasa menimbangkan memorandum daripada Menteri Penerangan Nombor 131/2261/01 antara lain telah bersetuju supaya kadar bayaran perkhidmatan RTM bagi salinan program televisyen dan caj perkhidmatan untuk penyediaan sari kata dan terjemahan dikenakan kepada pelanggan RTM.

■1610

Berdasarkan keputusan tersebut, RTM telah menjana kutipan hasil bagi pihak kerajaan sehingga RM1,762,530.28 bermula daripada 15 Mac 2001 sehingga 28 Februari 2022. Walau bagaimanapun, kutipan bagi program televisyen ditangguhkan setelah didapati bahawa tiada pewartaan telah dibuat bagi mengenakan bayaran tersebut dan tidak selari dengan ketetapan Arahan Perbendaharaan WP10.1 Penetapan Kadar Bayaran Perkhidmatan dan Borang Kerajaan. Seksyen 3 dan 10 Akta Fi 1951 [Akta 209] telah memperuntukkan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk membuat perintah fi bagi mengenakan bayaran berhubung dengan perkara di bawah Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Memandangkan RTM tidak mempunyai akta sendiri untuk mengawal sesuatu perkhidmatan yang diberikan, Perintah Fi (Program Televisyen Jabatan Penyiaran Malaysia) 2022 telah diubah dan seterusnya telah diwartakan melalui P.U.(A) 39/2022 pada 1 Mac 2022. Justeru itu, semua kutipan program televisyen RTM yang telah dibuat sebelum ini iaitu dari 15 Mac 2001 sehingga 28 Februari 2022 perlu disahkan kutipannya.

Dalam hal ini, bagi mengesahkan kutipan fi tersebut, suatu RUU yang dinamakan Rang Undang-undang Fi (Jabatan Penyiaran Malaysia) (Pengesahan) 2022 telah digubal dan

diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara pada 8 September 2022. Hasil kutipan program televisyen RTM yang telah dibuat dimasukkan dalam Kumpulan Wang Disatukan.

Memandangkan program televisyen termasuk dalam perkara penyiaran dan televisyen berdasarkan Perkara 47(1) dan Senarai Persekutuan, Butiran 10(h), dalam Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, maka kutipan fi yang telah dibuat hendaklah disahkan di bawah Undang-undang Persekutuan. Sehubungan dengan itu, apabila RUU Fi (Jabatan Penyiaran Malaysia) (Pengesahan) 2023 ini diluluskan oleh Parlimen, maka kutipan bayaran program televisyen yang dibuat oleh RTM adalah teratur dan mengikut undang-undang.

Rang Undang-undang Fi Jabatan Penyiaran Malaysia (Pengesahan) 2023 ini mengandungi dua fasal seperti yang berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk mengesahkan fi yang telah dikenakan dan dipungut oleh Jabatan Penyiaran Malaysia yang telah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan berkenaan dengan apa-apa pembekalan program televisyen mulai 15 Mac 2001 iaitu tarikh fi itu mula-mula dikenakan dan dipungut sehingga 28 Februari 2022 iaitu tarikh akhir fi itu dikenakan dan dipungut sebelum permulaan kuat kuasa Perintah Fi (Program Televisyen) (Jabatan Penyiaran Malaysia) 2022, P.U.(A) 39/2022.

Fasal 2 juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tiada tindakan atau prosiding undang-undang yang boleh dimulakan terhadap Kerajaan Malaysia, mana-mana pegawai Kerajaan Malaysia atau mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan mana-mana pegawai Kerajaan Malaysia berkenaan dengan apa-apa fi yang dikenakan dan dipungut semasa tempoh mulai 15 Mac 2001 sehingga 28 Februari 2022. Oleh itu, Rang Undang-undang Fi (Jabatan Penyiaran Malaysia) (Pengesahan) 2023 ini amat penting kerana bertujuan untuk mengesahkan kutipan yang telah dibuat sepanjang tempoh 15 Mac 2001 sehingga 28 Februari 2022.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis merupakan suatu akta untuk mengesahkan pemungutan fi berkenaan dengan apa-apa pembekalan program televisyen oleh Jabatan Penyiaran Malaysia semasa tempoh mulai 15 Mac 2001 hingga ke 28 Februari 2022 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sebelum itu Ahli-ahli Dewan, Peraturan Mesyuarat 11(5), rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 11(5) ini, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara yang baharu,

seperti yang telah diluluskan pindaannya oleh Majlis dalam sesi mesyuarat yang lalu, saya hendak menetapkan bahawa Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan dan diluluskan DR 20/2023 Rang Undang-undang Fi (Jabatan Penyiaran Malaysia) (Pengesahan) 2023 seperti yang tertera di nombor 3 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 26 Jun 2023. Maknanya kita *settlekan* hari ini ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai empat orang Ahli yang hendak berbahas. Maka saya membuat ketetapan bahawa- masa yang diberikan tujuh minit seorang. Kalau tidak perlu, tujuh minit boleh berhenti... *[Ketawa]*

Jadi untuk membuka sesi perbahasan ini, saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob untuk memulakan perbahasan.

4.18 ptg.

Tuan Isaiah a/l D Jacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam Malaysia Madani. Saya bahas isu Rang Undang-undang Akta Fi (Jabatan Penyiaran Malaysia) (Pengesahan) 2023. Saya secara suka keseluruhannya menyokong akta rang undang-undang tersebut dengan ada bertambah kebaikan beberapa perkara yang perlu dilaksanakan oleh pihak Jabatan Penyiaran Malaysia.

Pertama, kualiti bahan-bahan yang disiarkan wajib mengadakan kualiti. Jangan adakan program-program seperti cerita yang sama juga, cerita yang sama dalam semua sebab orang yang bayar mereka perlukan kualiti, rancangan yang berkualiti. So, saya harap pihak kerajaan ataupun pihak kementerian akan ambil serius tentang isu ini.

Kedua, saya juga ingin mohon, adakan lebih banyak program seperti program keagamaan untuk seluruh kaum, tidak kira satu kaum, di mana kita sekarang melalui Sistem Madani Malaysia, di mana Madani melaksanakan, mengambil semua kaum sebagai satu dan membawa satu perubahan seperti yang ada termaktub dalam Madani. So, saya harap dia akan bawa lebih banyak program-program keagamaan kepada rakyat Malaysia untuk mereka membawa satu kehidupan yang lebih ceria dan kemakmuran.

■1620

Yang ketiga, saya berharap Dewan yang mulia ini akan asyik dengar selepas ini banyak seperti perjuangan golongan istimewa. So, saya juga ingin nak mohon kepada kerajaan ataupun jabatan, kementerian untuk mengadakan lebih banyak program-program bagi golongan istimewa juga seperti program motivasi, program mengadakan temu bual bersama golongan istimewa yang berjaya dalam bidang masing-masing. Sebab tujuan saya mohon ini adalah sejak saya mengangkat sumpah sebagai Senator yang mewakili golongan istimewa ini, saya telah jumpa ramai NGO dan juga beberapa- golongan istimewa.

Mereka menghadapi banyak masalah seperti tidak ada persefahaman dan tidak ada, dengan izin, *they don't have a good understanding among themselves*. So, mereka ada banyak isu dan daripada segi motivasi, mereka juga terlampau rendah dan mereka sentiasa mengharapkan bantuan daripada kerajaan. So, dengan memberi ruang kepada golongan istimewa dengan program-program motivasi, maka golongan istimewa akan menjalani kehidupan lebih ceria, lebih makmur dan mereka boleh dapat lebih banyak maklumat bagi golongan istimewa ini.

Selain daripada itu, saya juga ingin mohon adakan lebih banyak program undang-undang atau *basic law knowledge*. Maknanya ini akan menggalakkan kanak-kanak yang belajar undang-undang ataupun remaja, mereka memahami lebih dalam undang-undang yang mereka akan lalui selepas ini.

Contohnya kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bermati-matian untuk menghapuskan rasuah, so bila kita tidak tahu undang-undang, apa yang ada dalam undang-undang untuk menghapuskan rasuah, maka rasuah ini akan diteruskan dan tidak akan berhenti di mana-mana. Maka kita ada program-program seperti perundangan dalam penyiaran, kita boleh dapat lebih faedah untuk membetulkan diri kita dan menjalankan hukuman yang tidak dijalankan.

Dengan ini, saya menyokong sepenuhnya rang undang-undang yang terbaru ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Saya menjemput Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit.

4.23 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Sekali lagi, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang DR.20/2023 – Rang Undang-undang Fi (Jabatan Penyiaran Malaysia) (Pengesahan) 2023.

Saya percaya bahawa rang undang-undang yang dibentangkan di hadapan kita hari ini membolehkan pihak berkuasa ataupun pihak RTM mengenakan fi ke atas mereka yang perlu. Jadi, dengan adanya rang undang-undang ini, saya berharap supaya kerajaan ini sudah pasti akan menambahkan pendapatan untuk negara kita.

Walaupun begitu, dengan penambahan pendapatan, dengan pengenaan fi ataupun *charge* ini, dengan izin, supaya menjaga kualiti siaran kita dan juga menyebarkan siaran ini sehingga ke pedalaman. Semua tempat sebab saya percaya negara kita Malaysia ini, negara yang tidaklah seluas Amerika ataupun India. Jadi, kecil sahaja. Maknanya tidak ada masalah untuk kita buat siaran yang baik di seluruh tempat di dalam negara kita ini. Justeru itu, saya juga dengan ada kebebasan penyiaran ataupun dengan kebebasan pada sekarang

ini di mana pihak-pihak tertentu juga bebas untuk membuat siaran dengan adanya media sosial.

Jadi, ini menimbulkan satu persaingan dengan TV kerajaan. Justeru itu, dengan kebebasan yang ada, apakah mekanisme untuk kita mengawal kebebasan ini? Dengan adanya fi ini lagi, adakah ini akan menyebabkan pihak yang mungkin selama ini selesa kerana tidak dikenakan fi, maka mereka tidak akan datang kepada TV kerajaan ataupun siaran kerajaan.

Justeru itu, saya berharap supaya siaran kita di dalam negara ini berkualiti dan menarik perhatian dan saya juga menyokong saudara kita, Yang Berhormat Senator yang berbahas sebelum ini tentang orang kurang upaya, beri juga tempat kepada mereka sebagai satu penghargaan ataupun satu penghormatan kepada mereka di mana pada masa ini, orang kurang upaya juga, kelainan upaya sebenarnya yang selalu juga rakan Senator mengatakan ada kekuatan mereka sebenarnya.

Justeru itu, saya pun tidak lari daripada melihat perkembangan orang kurang upaya ini, di mana satu orang yang baru-baru ini di Amerika- *America Got Talent* mendapat satu pengiktirafan iaitu Putri Ariani namanya. Saya tak malu untuk mengatakan itu. Ini adalah orang yang bila diberi tempat, dia boleh menyinar sehingga ke peringkat antarabangsa. Justeru itu, saya percaya dengan adanya akta ini nanti, akan membolehkan kerajaan meningkatkan lagi kualiti penyiaran di dalam negara ini malah memberikan peluang kepada kaum-kaum yang ada di negara ini supaya mereka juga diberi ruang untuk membuat siaran tentang mungkin dalam bahasa ibunda mereka.

Saya sendiri sebagai seorang yang berbangsa etnik Kenyah, kita ada memohon radio kita daripada satu jam kepada tiga jam. Terima kasih kepada kerajaan kerana diluluskan, cuma ada masalah daripada segi *transmitter* itu tidak mencukupi.

Jadi justeru itu, saya berharaplah, apa perkembangan terhadap permohonan Radio Kenyah ini yang kita sudah lama minta, sudah lebih kurang 10 tahun yang dahulu. Justeru itu, dengan adanya fi begini juga akan meningkatkan pendapatan dan membolehkan kerajaan untuk menyediakan ruang penyiaran kepada etnik-etnik yang ada di dalam negara kita ini.

Justeru itu, saya tak ada masalah untuk menyokong. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang DR.20/2023 yang ada di hadapan kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Dato' Juhanis.

4.28 ptg.

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kerana saya diberi ruang untuk membahaskan berkenaan dengan Rang Undang-undang Fi (Jabatan Penyiaran Malaysia) (Pengesahan) 2023.

Saya menyokong agar rang undang-undang ini diluluskan supaya pemungutan fi berkenaan dengan apa-apa perbekalan program televisyen oleh Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) semasa tempoh mula 15 Mac 2001 hingga 28 Februari 2022 dapat disahkan.

Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang saya kira perlu kita bincangkan dan diberi perhatian. Pertama sekali, saya ingin menarik perhatian Dewan berkenaan dengan jumlah pemungutan fi ini. RTM mula mengenakan kadar bayaran ke atas program-program televisyen yang dimilikinya berdasarkan kadar bayaran program RTM yang telah diluluskan oleh Perbendaharaan pada 2 Februari 2000 dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Mac 2001.

Pemungutan fi ini dikenakan atas perkhidmatan RTM bagi salinan program televisyen dan caj perkhidmatan untuk penyediaan sari kata dan terjemahan dikenakan kepada pelanggan RTM. Berdasarkan pemungutan fi ini, RTM telah menjana kutipan hasil bagi pihak kerajaan sebanyak RM1,762,530.28 bermula daripada 15 Mac 2001 hingga 28 Februari 2022.

■1630

Saya telah meneliti jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital sewaktu penggulungan RUU di Dewan Rakyat mengenai perincian kutipan ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membaca perincian kutipan tersebut. Hasil kutipan antara tahun 2001 hingga 2011 adalah sebanyak RM552,000. Hasil tahun 2012 adalah sebanyak RM145,650 dan tahun 2013 adalah sebanyak RM224,098.10. Tahun 2016 adalah sebanyak RM156,300.18. Tahun 2017 adalah sebanyak RM44,647.20. Bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM329,254 dan hasil pada tahun 2022 adalah sebanyak RM42,600. Keseluruhannya adalah sebanyak RM1,762,530.28.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita teliti hasil kutipan mengikut tahun ini, kita boleh lihat kutipan pada tahun 2015, adalah jauh berbeza dengan kutipan pada tahun lain iaitu hanya sebanyak RM720,080. Ini menimbulkan persoalan, mengapakah terdapat perbezaan yang amat ketara? Namun, Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri menyatakan terdapat kesulitan untuk mengenal pasti sebab mengapa pungutan fi ini begitu rendah pada tahun 2015.

Saya difahamkan data kutipan yang diperoleh adalah berdasarkan janaan daripada Sistem eTerimaan Kerajaan mengikut tahun semasa iaitu *data consolidation* yang hanya menyimpan data untuk tempoh tujuh tahun sahaja. Data kutipan tahun-tahun yang tidak mempunyai rekod dinilai berdasarkan anggaran trend kutipan oleh akauntan jabatan. Namun, saya ingin mencadangkan agar kementerian tidak ambil mudah isu ini dan sebaliknya Yang Berhormat Menteri dapat duduk semeja dengan RTM untuk meneliti masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, hampir lapan dekad sejak penubuhan pada 1 April 1946, saya belum lahir lagi Tuan Yang di-Pertua, fungsi RTM semakin dinamik selari visi RTM untuk menjadi media pilihan utama yang berwibawa. Kini menjangkau usia 77 tahun, RTM tetap

unggul sebagai peneraju industri penyiaran tanah air dari dahulu hingga sekarang. RTM terus berevolusi sebagai medium maklumat rasmi utama kerajaan seiring perkembangan era digital.

Saya melihat peralihan sistem analog kepada digital diikuti pelancaran Angkasapuri Kota Media yang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur bersiaran dan beralatan serba canggih. Meskipun ekosistem penyiaran negara semakin komprehensif dengan pelbagai perubahan semasa, RTM tidak ketinggalan dan terus bersaing dengan pelbagai pendekatan baru tanpa mengubah identitinya sendiri. RTM kini mempunyai enam saluran TV dan juga 34 buah stesen radio, platform media digital dan media sosial rasmi iaitu *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan *YouTube*. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga RTM sepanjang 77 tahun... [Tepuk]

Di sini saya ingin mencadangkan agar RTM cuba meneroka bidang baru seperti penerbitan filem. Kerajaan boleh memberi suntikan dana atau dengan menggunakan wang kutipan fi yang bakal disahkan ini. RTM boleh menubuhkan sebuah rumah produksi yang khusus untuk menerbitkan filem-filem yang berkualiti tinggi yang berteraskan semangat kenegaraan, sejarah negara, patriotisme dan perpaduan untuk ditayangkan di layar perak. Filem-filem ini akan menjadi pemangkin kepada perpaduan rakyat dan memupuk semangat cinta akan negara. Dengan kemampuan RTM...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Minta pencilan sedikit Yang Berhormat.

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: Ya, silakan.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ingat dahulu *collection fee* Jabatan Penyiaran ini banyak disumbangkan melalui lesen TV dan radio. Lesen radio sebanyak RM12 setahun kalau saya tidak lupalah, TV sebanyak RM24. Sekarang lesen-lesen ini telah ditiadakan.

Jadi kalau kita hendak membiayai pembuatan filem yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi, Jabatan Penyiaran kena ada duit. Ini *collection* dia RM1.7 million sahaja, tidak banyak. Hendak buat filem apa yang banyak itu ya? Jadi, setujukah Yang Berhormat kalau dikenakan balik lesen radio dan TV ini?

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: Setuju.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Ha?... [Ketawa]

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: Tidak setuju, jadi kita kekalkanlah... [Ketawa] Okey, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan. Kita tinggal Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan sahaja lagi.

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: Okey, sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Hendak ucap lebih panjang pun tidak apa, saya benarkan... [Ketawa]

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: Dengan kemudahan RTM untuk menerbitkan filem pecah panggung, tidak mustahil jika suatu hari nanti RTM akan menjadi peneraju utama dalam industri perfileman negara untuk melahirkan filem-filem yang berkualiti tinggi. Dalam masa yang sama, hasil penjualan tiket pawagam juga akan dapat menambah dan meningkatkan lagi pendapatan RTM dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mencadangkan agar RTM membawa semula program realiti TV Parlimen Mini yang mana satu ketika dulu diadakan pada tahun 1984 dan 2014 kalau tidak silap saya, bagi menonjolkan bakat kanak-kanak untuk berpidato dan berbahas mengenai pelbagai isu-isu kepentingan kanak-kanak dan isu-isu kepentingan negara menerusi kaca mata mereka. Sudut pandangan dan pemikiran mereka juga kita kena ambil kira.

Saya yakin program ini juga dapat menarik minat lebih ramai kanak-kanak untuk menonton saluran RTM dan dalam masa yang sama memperkenalkan sistem Parlimen negara kepada mereka. Saya juga ingin mencadangkan agar Program Parlimen Belia turut ditayangkan di saluran RTM bagi mengetengahkan belia-belia yang berpotensi untuk menjadi legasi kepimpinan negara.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun kerajaan bertukar bersilih ganti, namun RTM tetap setia menjadi suara penghubung antara kerajaan dan rakyat menyampaikan agenda nasional. Saya berharap agar segala jasa RTM yang sentiasa memainkan peranan yang sentiasa diangkat dan dihargai oleh RTM akan kekal relevan hingga ke akhir zaman. Sekian, saya pohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Juhanis. Saya juga mempunyai nostalgia yang banyak mengenai RTM melalui arwah bapa saya dulu. Sekarang ini saya menjemput Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

4.38 ptg.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Fi (Jabatan Penyiaran Malaysia) (Pengesahan) 2023.

Radio Televisyen Malaysia bukan satu nama yang asing dalam kalangan rakyat Malaysia. RTM sejak sekian lama sudah menjadi peneraju dalam industri penyiaran tanah air sebelum wujudnya syarikat penyiaran swasta yang lain. Malah, sejak ditubuhkan 77 tahun yang lalu, RTM kekal relevan menjadi medium maklumat rasmi utama negara.

Kini, dengan enam buah stesen televisyen dan 34 buah stesen radio, RTM semakin berevolusi seiring dengan perkembangan era digital dan kemodenan. Tidak boleh dinafikan RTM merupakan perkhidmatan yang terbaik dan menjadi pilihan utama terutamanya bagi

masyarakat di luar bandar, termasuklah di Sabah dan Sarawak dalam menyampaikan maklumat yang terkini.

Tujuan rang undang-undang ini dilaksanakan adalah untuk mengesahkan kutipan bayaran program televisyen yang dibuat Jabatan Penyiaran dari 15 Mac 2001 hingga 28 Februari 2022 bagi membolehkan kutipan tersebut teratur dan mengikut undang-undang.

■1640

Menurut data yang dikeluarkan dan kita dengar tadi, kutipan yang telah dijana mencecah RM1.76 juta namun hanya selama hampir 21 tahun kutipan yang dilaksanakan barulah disedari bahawa kutipan tersebut tidak tertakluk dalam mana-mana akta menyebabkan ia boleh dikira sebagai kutipan yang tidak sah.

Oleh itu, saya bersetuju apabila akta ini diperkenalkan supaya kutipan yang telah dikutip selama ini boleh diberi pengesahan dan sekali gus memberikan penambahan pendapatan kepada negara apabila wang tersebut dimasukkan dalam Kumpulan Wang Disatukan.

Namun begitu, ada beberapa persoalan yang ingin saya ajukan. Pertama, akta ini dikuatkuasakan untuk kutipan antara 15 Mac 2001 hingga 28 Februari 2022. Adakah terdapat sebarang kutipan bagi tujuan sama akan dikenakan bagi tarikh selepas 28 Februari 2022? Persoalan kedua, bagi hasil kutipan yang telah dilakukan berjumlah RM1.76 juta, adakah ia boleh diperuntukkan untuk sebarang perbelanjaan khusus berkenaan penyiaran di RTM memandangkan ia dimasukkan dalam Kumpulan Wang Disatukan?

Saya juga ingin menyentuh mengenai fasal 2 dalam akta ini yang memperuntukkan bahawa tiada tindakan atau prosiding undang-undang boleh dimulakan terhadap Kerajaan Malaysia, mana-mana pegawai Kerajaan Malaysia atau mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan mana-mana pegawai Kerajaan Malaysia berkenaan dengan apa-apa fi yang dikenakan dan dipungut semasa tempoh mulai 15 Mac 2001 sehingga 28 Februari 2022.

Ini bermakna mereka yang terlibat dalam kutipan fi sepanjang tempoh tersebut adalah dikecualikan daripada dikenakan sebarang tindakan undang-undang. Sedikit sebanyak cadangan pelaksanaan bagi fasal ini mengundang persoalan memandangkan ia boleh menjadi polemik atau pertikaian dalam masyarakat.

Soalan saya, sejauh manakah kerajaan dapat mengesahkan setiap kutipan yang dilakukan itu adalah jujur dan telus? Kedua, adakah terdapat sebarang kemungkinan berlaku pecah amanah atau penyelewengan oleh mana-mana individu yang terlibat dalam kutipan fi itu? Ketiga, apakah tindakan yang akan dilakukan jika selepas akta ini dilaksanakan terdapat sebarang kelompongan atau ketirisan selepas dilakukan perincian dan audit terhadap kutipan fi ini?

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini RTM bukan sahaja bersaing dengan syarikat penyiaran swasta seperti Media Prima dan Astro tetapi juga dengan platform penstriman

digital seperti *Netflix*, *Viu*, *Prime Video*, *Disney* dan *Spotify*. Tidak boleh dinafikan walaupun kebanyakan platform penstriman ini merupakan langganan berbayar secara bulanan namun jumlah langganan mereka adalah sangat tinggi dan lebih diminati berbanding penyiaran oleh RTM seperti RTM Klik.

Sebagai contoh, *Netflix* sahaja mempunyai lebih 220 juta orang pelanggan di seluruh dunia. Di Malaysia sahaja terdapat lebih 1 juta orang pelanggan yang melanggan dengan *Netflix* walaupun laman ini mengenakan caj maksimum RM55 sebulan dengan empat orang pengguna dalam satu- akaun, namun ia masih menjadi pilihan.

Ini mungkin disebabkan oleh genre penyiaran filem dan drama oleh platform tersebut lebih moden, tidak klise, lebih menarik dan menepati cita rasa pengguna yang pelbagai. Mereka boleh mengakses pelbagai jenis genre termasuk karya dari negara luar seperti Amerika Syarikat, Australia, Jepun, Korea Selatan, Indonesia, Thailand dan sebagainya. Walaupun siaran di RTM kini juga mempunyai kepelbagaian dan secara hakikatnya mempunyai pelbagai karya yang sangat bagus serta bermanfaat kepada setiap lapisan masyarakat.

Namun, tidak dinafikan masih memerlukan banyak penambahbaikan bagi menarik lebih ramai penonton dan pendengar untuk memilih siaran dari RTM. Apatah lagi penyiaran di RTM masih tidak dikawal dan tertakluk kepada protokol dan kod etika yang agak *rigid* dan ketat selari dengan peraturan yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, mohon sedikit masa lagi. Boleh?...

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Jadi, kurangnya kebebasan dalam berkarya mungkin menyebabkan sesetengah produk yang dikeluarkan itu menjadi klise dan penonton juga menjadi bosan serta beralih kepada penstriman digital.

Oleh yang demikian, saya ingin mengemukakan soalan kepada kementerian. Adakah kementerian ada menerima sebarang cadangan daripada karyawan bidang seni supaya dibenarkan sebarang perubahan atau rombakan pada karya yang dihasilkan bagi siaran RTM agar ada sedikit kebebasan dan tidak terlalu terikat dengan kawalan penyiaran?

Kedua, sejauh mana tahap kepatuhan penggiat seni terhadap peraturan yang ditetapkan? Apakah bentuk tindakan yang dikenakan terhadap mereka yang melanggar peraturan tersebut? Ketiga, apa pembaharuan yang boleh dilakukan oleh RTM dalam memasarkan produk penyiaran RTM supaya menjadi lebih pilihan masyarakat bukan sahaja di luar bandar dan di bandar malah juga di luar negara. Terakhir, saya juga ingin mengetahui statistik semasa tontonan tertinggi bagi penyiaran televisyen di RTM dan slot yang menjadi pilihan utama penonton.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan pelaksanaan akta ini akan lebih banyak pembaharuan yang positif, yang boleh dilakukan oleh RTM dan terus menjadi wadah utama penyiaran di seluruh negara. Terima kasih, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

Saya hendak menjemput sesiapa yang lain..., sebelum Menteri. Ada sesiapa Ahli lain yang hendak berbahas?

Hari ini Khamis- saya lupa... *[Ketawa]* Kalau tidak ada yang hendak berbahas, saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

6.47 ptg.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga bagi pihak Kementerian Komunikasi dan Digital. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat Senator yang prihatin dan telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Fi (Jabatan Penyiaran Malaysia) (Pengesahan) 2023.

Saya akan menjawab terhadap isu-isu dan juga cadangan-cadangan atau kritikan-kritikan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertama Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob telah sebut tentang isu kualiti bahan-bahan yang disiarkan. Saya di sini ingin kongsi dengan Dewan yang mulia ini bahawa RTM melaksanakan perolehan program TV RTM secara *Request For Proposal* (RFP), dengan izin, yang melibatkan empat kaedah iaitu:

- (i) RFP melalui sistem *pitching* umum diiklankan bagi pembekalan program TV swasta baharu dengan pembekal tempatan;
- (ii) RFP melalui sistem penilaian bahan diiklankan untuk pembekalan program TV. Itu adalah untuk bahan siap ataupun kita panggil *finished product* swasta dengan pembekal tempatan;
- (iii) RFP melalui sistem *pitching* bagi pembekalan program TV sambung siri program swasta dengan pembekalan tempatan; dan
- (iv) RFP melalui sistem *pitching* umum diiklankan bagi pembekalan program TV swasta dan penilaian *screeners* untuk program *syndicated* dengan pembekal tempatan.

Kami harap bahawa semua penilaian dan pemilihan syarikat akan dinilai oleh panel yang dilantik khas, yang melibatkan ahli ataupun individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang industri kreatif dan tidak mempunyai sebarang kepentingan peribadi dengan mana-mana syarikat pembekal yang berdaftar.

■1650

Kami harap bahawa dengan cara sebegini kita boleh memastikan bahawa program-program yang ditayangkan melalui saluran RTM ini adalah bermutu tinggi, berkualiti tinggi supaya kita boleh memberi program-program yang bermutu tinggi untuk semua penonton. Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator juga mencadangkan bahawa memperbanyakkan lagi program keagamaan untuk semua rakyat Malaysia di bawah semangat Malaysia Madani.

Di sini, saya jemput baik cadangan tersebut dan saya hanya hendak kongsi di sini bahawa melalui saluran TV1, program-program yang berunsur agama merupakan sebanyak 10.2 peratus. Kalau kita rasa bahawa peratusan seperti ini masih tidak cukup dan boleh ditambah lagi, saya akan bawa balik cadangan ini ke RTM untuk perbincangan selanjutnya.

Selain daripada itu, tentang program-program untuk golongan OKU. Saya setuju dengan rancangan tersebut, saya percaya bahawa ini merupakan agenda untuk Kerajaan Perpaduan ini untuk terus memperkasa golongan OKU. Oleh sebab itu, RTM sentiasa melaporkan dan menyediakan slot khas semasa Sambutan Hari OKU, Hari Autisme dengan menyediakan laporan khas, tetamu bual bicara.

Akan tetapi kalau kita hendak banyakkkan lagi program motivasi untuk golongan istimewa ini, saya terima baik cadangan tersebut. Kalau ada keperluan saya sudi, saya rasa kami boleh buat satu mesyuarat, Yang Berhormat Senator boleh bawa kumpulan-kumpulan NGO itu datang ke KKD ataupun kita mengadakan mesyuarat di Angkasapuri supaya kita boleh terus bincang dengan secara lebih terperinci bagaimana kita boleh tambah baik dari segi kandungan ataupun program yang disiarkan melalui RTM untuk kita terus memberi motivasi dan juga memperkasa golongan OKU.

Yang Berhormat Senator juga mencadangkan bahawa kita banyakkkan program mengenai undang-undang sebagai salah satu usaha antirasuah. Saya rasa ini merupakan cadangan yang baik. Kami akan bawa balik cadangan ini, bincang dengan RTM tengok bagaimana kita boleh bawa program yang berunsur sedemikian.

Selain daripada itu Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit juga menyatakan bahawa perlulah kita mengguna pakai kod fi yang kita kutip dan juga semua dana yang disalurkan kepada RTM daripada kerajaan untuk meningkatkan kualiti penyiaran itu. Saya sangat setuju dan itu juga merupakan sasaran kita.

Yang Berhormat juga tanya tentang program dalam pelbagai bahasa. Saya di sini hendak berkongsi bahawa saya ada jawapan tersebut, di sini. Saya di sini hendak kongsi bahawa RTM masa ini mempunyai enam saluran TV yang menampilkan bahasa-bahasa utama di Malaysia. Selain daripada bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan terdapat pelbagai program dalam bahasa-bahasa utama lain yang digunakan di Malaysia, termasuklah Inggeris, Mandarin, bahasa Tamil, bahasa Iban, bahasa Kadazan dan juga bahasa Bajau.

Ini termasuk buletin berita supaya mesej dan maklumat dapat disampaikan kepada semua pihak. Lain-lain program termasuk drama dan juga bual bicara, kita juga akan sediakan *subtitle* untuk pastikan bahawa mesej ataupun kandungan itu boleh senang difahami oleh semua golongan masyarakat. RTM juga mempunyai 34 buah stesen radio seluruh negara iaitu meliputi stesen radio di ibu pejabat, stesen radio negeri dan stesen radio tempatan. Mereka turut meliputi pelbagai bahasa dan kaum di Malaysia.

Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz juga mengemukakan satu cadangan iaitu RTM juga boleh meneroka bidang baharu seperti filem. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' tetapi setakat ini saya rasa cadangan itu perlu diperincikan lagi kerana kalau kita cakap tentang filem ini sebenarnya adalah di bawah agensi yang lain iaitu di bawah FINAS. Di bawah KKD kami juga ada sebuah agensi lain yang dipanggil FINAS, di mana FINAS adalah dipertanggungjawabkan untuk membangunkan industri filem.

Walau bagaimanapun RTM memang ada unit sendiri untuk menerbitkan drama-drama untuk siaran TV. Jadi memang ada *in-house production* tetapi fokus mereka pada semasa adalah untuk program drama dan bukanlah untuk filem. Walau bagaimanapun, saya hendak menegaskan bahawa industri filem adalah sebahagian daripada...

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Boleh saya mencelah Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, bagi?

Puan Teo Nie Ching: Ya, sila.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Yang Berhormat mengatakan yang FINAS mempunyai *production house* sendiri?

Puan Teo Nie Ching: Bukan *production house* tetapi mereka adalah dipertanggungjawabkan untuk membangunkan industri filem di mana untuk membantu *productions* dalam Malaysia dan juga untuk menarik *productions* dari luar negara untuk buat *shooting* di Malaysia...

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Ya, sebab saya dahulu bersama dengan FINAS- saya merupakan Pengerusi FINAS dahulu tetapi apa yang berlaku di FINAS bukan sebegitu. Walaupun mereka mempunyai peranan untuk membantu tetapi ada prosedurnya dan ada kekangan yang amat besar. Begitu juga untuk menarik pelabur-pelabur dari luar untuk membuat *shooting* di sini.

Jadi saya rasa itu tidak berapa tepat Yang Berhormat Menteri- minta maaf sebab FINAS melalui situasi yang sangat mencabar ketika itu dan sekarang juga. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa tadi saya mendengar Yang Berhormat menyebut RTM, Jabatan Penyiaran ada *in-house production*, bukan FINAS. Dia cuma cakap fasal filem, FINAS tetapi fasal drama TV, Jabatan Penyiaran ada *in-housenya*. Itu yang saya fahamlah.

Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju bahawa memang FINAS apabila menjalankan tanggungjawab mereka, memang mereka juga menghadapi pelbagai kekangan. Akan tetapi ini merupakan tanggungjawab KKD dan juga Kerajaan Perpaduan untuk membantu mereka dan memang hasrat kita- kita hendak bantu industri filem dalam negara ini.

Maksud saya walaupun pada setakat ini memang kita tidak berhasrat untuk menggunakan RTM untuk menghasilkan filem tempatan tetapi ini tidak bermaksud bahawa KKD tidak berhasrat untuk membangunkan industri filem. Itu mesej yang saya hendak hantar kepada Yang Berhormat Datuk...

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Yang Berhormat boleh saya mencelah sekali lagi?

Puan Teo Nie Ching: Yes.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Minta maaf sebab saya ini ingin tahu, sebab kalau RTM sedang membeli drama-drama ini daripada produser tempatan. Akan tetapi apakah yang berlaku pada IP-IP itu?

Ini sebab mereka sekarang ini mereka tidak dapat balik IP itu dan mereka memohon supaya penerbit filem-filem ini diberi semula IP itu dengan bayaran yang minimum. Kalau boleh Yang Berhormat, itu akan membantu industri perfileman dan juga drama di negara kita.

Puan Teo Nie Ching: Saya hendak jelaskan di sini, untuk produk yang dibeli oleh RTM sebenarnya IP itu dimiliki oleh RTM. Jadi kalau kita cakap bahawa produser itu hendak kekal, hendak ambil IP tersebut, jadi bayaran daripada RTM kepada mereka akan berbeza.

Sebagai contohnya kalau kita hendak beli rumah ini untuk beli terus dan kadar untuk sewaan adalah berbeza. Jadi saya rasa perkara ini perlu bincang dengan lebih lanjut kerana kita perlu faham apabila kita beli IP itu, harganya memang berbeza ataupun apabila kita beli untuk buat tayangan sahaja harganya adalah berbeza.

Jadi *we cannot have to bite on the cake, cannot have that cake and then to eat it. So*, kalau kita bayaran itu adalah untuk...

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Akan tetapi kita hendak membantu. Yang Berhormat kita hendak membantu penerbit-penerbit ini Yang Berhormat... *[Ketawa]*

Puan Teo Nie Ching: Yang Berhormat, boleh saya jelaskan tidak? Saya di sini hanya hendak jelaskan bahawa beli produk, beli IP dia harganya adalah macam ini, lebih tinggi. Kita hendak buat bayaran supaya kita boleh tayangkan drama itu harganya berbeza. Saya rasa itu bukan susah sangat hendak faham. Jadi, apabila untuk...

■1700

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Senang hendak faham Yang Berhormat, tetapi apa yang berlaku pada IP itu sekarang, di manakah IP itu?

Puan Teo Nie Ching: IP itu sekarang dimiliki oleh RTM dan sebab itu kita boleh jual produk itu kepada pihak ketiga untuk buat tayangan seperti pergi ke luar negara. Kalau ada pihak yang berminat, mereka boleh bayar kepada RTM supaya ini menjadi satu- sumber pendapatan RTM. Inilah sebabnya dari tahun 2001 hingga tahun 2022 kita dapat bayaran dan sekarang juga sama.

Ini merupakan soalan daripada Yang Berhormat yang tanya bahawa selepas tahun 2022, masih kutipan yang sama dikenakan. Sebenarnya ada, memang ada. Jadi, *we have the IP. It is with the RTM.* Kalau produser itu memang berminat untuk membeli balik IP itu, saya rasa, saya tiada halangan untuk buat rundingan dengan RTM, tetapi mestilah ada *commercial terms*.

Akan tetapi, untuk IP-IP yang dipegang oleh RTM, mereka berhak untuk jual pada pihak ketiga untuk buat tayangan dan sebagainya.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Boleh.

Puan Teo Nie Ching: Okey. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin ada bertanya tadi. Selepas 28 Februari 2022, kutipan untuk tujuan yang sama ada diteruskan atau tidak? Jawapannya, ialah yes. Semua kutipan sewaan selepas 28 Februari 2022 menggunakan Perintah Fi (Program Televisyen)(Jabatan Penyiaran Malaysia) 2022 yang telah diwartakan pada 1 Mac 2022.

Jadi, selepas 1 Mac 2022, sehingga sekarang, tidak ada masalah kerana perintah itu telah diwartakan. Akan tetapi untuk tempoh masa iaitu 15 Mac 2001 hingga 28 Februari 2022- kerana sebelum kita buat kutipan itu tidak ada buat pewartaan. Jadi, kita perlu luluskan rang undang-undang ini supaya kita boleh mengesahkan kutipan yang telah dibuat dalam tempoh masa tersebut.

Jadi, sekali lagi saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah- okey, saya tambah lagi, Yang Berhormat Senator juga tanya tentang program sambutan paling tinggi. Antara sambutan program dengan penonton yang paling tinggi di RTM iaitu siaran sukan, konsert hiburan terbitan RTM. Contohnya melalui platform *TikTok* RTM telah mendapat rating 1.3 juta bagi perlawanan bola sepak Thailand vs Indonesia, Sukan SEA, Cambodia.

Jadi, ini salah satu contoh. Kalau Yang Berhormat Senator berminat untuk tahu apa lagi program-program yang dapat sambutan yang tinggi, saya akan kongsi maklumat tersebut melalui jawapan bertulis.

RTM akan terus menyokong kebebasan berkarya dan kalau ada masalah iaitu karyawan-karyawan merasa bahawa mereka terlalu terikat dengan peraturan sedia ada, saya akan- kami terbuka untuk membuat perbincangan dengan mereka untuk mengetahui dan lebih memahami kesulitan yang dihadapi oleh mereka untuk pastikan bahawa *production* di

Malaysia bukan sahaja untuk drama, tetapi untuk filem dan sebagainya akan terus dapat sambutan yang baik, bukan sahaja dalam masyarakat tempatan, tetapi juga di luar negara.

Seperti yang saya sebut tadi, industri filem dan drama adalah sebahagian daripada industri kreatif. Ini satu- industri yang sangat penting dan kita harap bahawa dengan memberi fokus kepada industri kreatif kami akan terus membantu menyumbang kepada ekonomi negara kita.

Sekian sahaja jawapan saya pada hari ini, sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi sokongan kepada rang undang-undang ini dan juga untuk segala cadangan dan kritikan yang telah saya terima tadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan) dan diluluskan].

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 26 Jun 2023.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.08 petang]